

Kandungan



- 4 Y.A.B. Datuk Patinggi Tan Sri
Haji Abdul Taib Mahmud
MENANGANI CABARAN
MASA DEPAN
- 10 Y.B. Tan Sri Datuk Amar
Alfred Jabu Numpang
PBB PEMBELA NASIB
BUMIPUTERA SARAWAK
- 15 Y.B. Datuk Abang Haji Abdul Rahman
Zohari Tun Abang Haji Openg
PBB TERAS KEMAJUAN MASA
DEPAN SARAWAK
- 21 Y.B. Datuk Adenan Haji Satem
PENDUDUK SARAWAK PERCAYA
PADA DIRI SENDIRI
- 25 Y.B. Datin Paduka Hajah Sharifah
Mordiah Tuanku Fauzi
WANITA SEJAMBAK
BUNGA YANG HARUM
- 29 Y.B. Abdul Wahab Haji Dolah
POLITIK PERJUANGAN,
POLITIK PEMBANGUNAN
DAN PERANAN MEDIA
- 34 Y.B. Awang Tengah Ali Hassan
POLITIK WAHANA
MENYATU-PADUKAN RAKYAT
- 39 Y.B. Dr. Abang Abdul Rauf
Abang Haji Zen
DARI SETIAUSAHA
POLITIK KE ADUN
- 43 Y.B. Haji Daud Abdul Rahman
SERONOK DAPAT
MEMBANTU RAKYAT
- 75 Y.B. Michael Ben Panggi
PEMIMPIN PERLU TEGAS
- 79 Y.B. Haji Wan Abdul Wahab
Wan Sanusi
ISLAM DI SARAWAK
LEBIH MENONJOL
- 82 Y.B. Haji Mohammed Naroden
Haji Majais
AHLI POLITIK: LILIN YANG
MEMBAKAR DIRI
- 88 Y.B. Julaihi Narawi
PERUBAHAN UNTUK
MENANGANI CABARAN





- 92 Y.B. Bolhassan Di
PBB KOMITED DALAM
PERJUANGANNYA
UNTUK MEMIMPIN SARAWAK
- 96 Y.B. Dr. Haji Wahbi Haji Junaidi
POLITIK MENENTUKAN
MASA DEPAN RAKYAT
- 100 Y.B. Wahab Aziz
POLITIK WANG MEMINGGIRKAN
PEMIMPIN BERWIBAWA
- 105 Y.B. Haji Hamden Ahmad
POLITIK TUNTUT KOMITMEN
- 107 Y.B. Abdul Ajis Abdul Majeed
POLITIK MENGANGKAT
MARTABAT RAKYAT
- 112 Y.B. Datuk Nyipa Bato
NASIB BELAGA, ORANG ULU
DAN PROJEK BAKUN
- 116 Y.B. Usop Sani Wahab
AKHIRNYA MENEMUI KEPUASAN



EDITORIAL



PENGARAH PENERBITAN
Jeniri Amir

EDITOR PENGURUSAN
Mohammad Kassim

PENERBIT EKSEKUTIF
Awang Rosli Awang Jaya

EDITOR
Taha Kasim
Lian Kaliew

JURUFOTO
Ahmad Kasim
Husaini Drahaman

DTP
unit reka bentuk berkomputer
Gaya Media Sdn Bhd

PENGURUS PENGEDARAN/PEMASARAN
Shahraini Sajali
Norfiza Shapieel

Hak cipta adalah terpelihara. Semua artikel/bahan yang diterbitkan tidak boleh disiaran walau dengan apa cara sekalipun tanpa kebenaran rasmi daripada Gaya Media Sdn Bhd.

PENERBIT
Gaya Media Sdn Bhd
Lot 240, Section 8, Level 2
Jalan Haji Taha, 93400 Kuching
Tel: 082-240243 Fax: 082-230511
Handphone: 010-8864674

PENGEDAR UTAMA
Gaya Media Sdn Bhd
Lot 240, Section 8, Level 2
Jalan Haji Taha, 93400 Kuching
Tel: 082-240243 Fax: 082-230511
Handphone: 010-8864674

PENCETAK
Popular Printing Company
Lot 99, Section 63, Off Padungan Road
P.O. Box 1985, Kuching, Sarawak
Tel: 082-335720



Y.A.B. Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud

M
324.959522

N12 Asajaya

M 845911

3 MAR 1997

Perpustakaan Negara
Malaysia

PAR
f

Menangani cabaran masa depan

Apa perlunya konsep Wawasan 2020 diperjelas kepada setiap lapisan peringkat parti?

Wawasan 2020 adalah langkah yang tepat lagi berani ke arah mengelakkan diri daripada politik perbalahan, yang tercenderung mungkin kerana kekurangan hala tuju yang betul, agar lebih terarah supaya masa depan kita akan boleh dipastikan bentuknya, dan perjuangan jadi lebih jelas.

Hal ini amat penting pada era selepas merdeka ini, kerana nampaknya kemerdekaan yang telah kita perjuangkan secara bertungkus lumus seolah-olah semakin kurang utuh dan menarik lagi untuk menipukan terus semangat kebangsaan yang positif.

Selepas dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad jelas sekali Wawasan 2020 berjaya memberi titik penyatuan dalam kegiatan politik kita dalam erti kata ia menjurus ke arah melampaui batas kepentingan kelompok yang sempit, dan mengetepikan kecenderungan pertelingkahan yang remeh-temeh.

Memandangkan hakikat inilah, maka dirasakan ada baiknya setiap anggota PBB mengarah kembali penumpuan kita ke arah mengukuhkan semangat perpaduan dan kebangsaan seperti yang telah kita utamakan semasa memperjuangkan kemerdekaan dahulu.

Inilah cara terbaik dalam usaha kita memperlengkap rakyat jelata dalam menghadapi cabaran supaya menjadi warga sebuah negara yang maju pada tahun 2020 nanti.

Dalam menuju pembangunan, persefahaman dan kemahuan bersama yang menuju ke satu arah dalam masyarakat pelbagai kaum amat perlu. Komen Datuk?

Pembangunan dalam konteks ini membawa satu makna yang jitu, yakni, apabila rakyat menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dalam aspek ekonomi.

Namun, apa yang lebih penting ialah rakyat kita semestinya juga memiliki etos sosial yang lebih jelas ke arah memastikan cara hidup kita terjurus ke arah pertembungan (*confluence*), bukan pencapahan (*divergence*).

Secara ini interaksi di kalangan pelbagai kaum akan memperdalam persefahaman dan kepentingan bersama, bukan mewujudkan perbezaan.

Dan dalam konteks budaya, kita seharusnya berkeupayaan membina budaya Malaysia yang amat kaya



Wawasan 2020 berjaya memberi titik penyatuan dalam kegiatan politik kita.

sebab masyarakat kita sudah sedia kaya dengan warisan budaya pelbagai kaum.

Datuk begitu berminat membicarakan soal *confluence* kaum di Sarawak. Sejuah manakah unsur *confluence* ini berjaya setakat ini?

Kita di Sarawak sudah pun membuktikan kepada pihak luar betapa kita berkeupayaan mempertembungkan kebudayaan pelbagai kaum di negeri ini menjadi sesuatu yang lebih cantik dan menarik sekali.

Contohnya, kita ambil kebudayaan Dayak. Pada satu ketika dulu kebudayaan Dayak dianggap hanya sebagai satu segmen warisan budaya yang kurang dikenali.

Tetapi pada hari ini orang Melayu atau orang Cina pun berasa bangga melibatkan diri sama ada untuk menganjur kegiatan kebudayaan itu mahupun melibatkan diri secara langsung — baik dalam tarian Orang Ulu ataupun ngajat, misalnya.

Pendek kata, budaya Dayak hari ini lebih dikenali ramai hasil daripada usaha pertembungan tadi.

Pembangunan sosial dan budaya seharusnya membolehkan kita menghargai betapa nilai kemanusiaan perlu mengimbangi usaha mengejar kekayaan.

Kemewahan akan lebih terasa nikmatnya kalau masyarakat kita sadar bahawa sebaik-baiknya kita wujudkan interaksi yang sihat di kalangan masyarakat majmuk, tanamkan sifat pengasih dan penyayang, serta prihatin terhadap destinasi bersama.

Sarawak menuju ke era perindustrian. Sejarah telah

Kalau sudah terluang cukup masa untuk berfikir tentu sekali perubahan akan tetap berlaku. Amat penting dalam tahun 2020 nanti kita mengekalkan sistem nilai kita. Jika tidak dikekalkan sistem nilai ketimuran kita bermakna orang kita terpaksa bergelut dalam usaha mencapai kemakmuran. Jangan sekali-kali menggadaikan nilai timur yang murni itu semata-mata kerana terikut-ikut cara Barat



membuktikan bahawa dalam usaha tersebut banyak masyarakat dan negara yang terhakis nilai tradisional. Pendapat Datuk tentang gejala ini?

Sejarah telah membuktikan bahawa revolusi perindustrian atau pembangunan perindustrian, mengakibatkan masyarakat menjadi terlalu materialistik.

Bukan itu saja, malahan orang menjadi kian rakus dalam usaha mencapai apa yang mereka idamkan sehinggakan keindahan nilai kemanusiaan boleh menjadi terhakis.

Akibatnya kita kehilangan keupayaan menterjemahkan kemakmuran yang dicapai untuk mengindahkan corak hidup kita.

Inilah bahaya pembangunan industri yang tidak diiringi dengan usaha-usaha membangun masyarakat berlandaskan penekanan terhadap aspek sosial, budaya dan kerohanian. Bukankah kita orang timur?

Maksudnya, ketahanan mental dan emosi amat perlu bagi menghadapi segala cabaran yang bakal dihadapi.

Dalam konteks ini, bagaimana budaya pemerintah ternyata memainkan peranan, Datuk?

Tamadun kita di Asia Tenggara terbinas dari dalam (*in-built*) hasil pengaruh nilai-nilai baik keagamaan daripada agama Hindu, Buddha dan tamadun Cina.

Pengaruh-pengaruh tersebut telah membawa bersama falsafah yang hampir sama dengan pengaruh yang kemudiannya dibawa oleh agama Islam.

Kita terlepas daripada mengalami kekejaman pembunuhan beramai-ramai. Dengan kata lain, kita dapat mengelakkan diri daripada terpaksa melalui sebarang kekerasan daripada sebarang kuasa penindas.

Jelas, peranan agama serta transformasi masyarakat melalui pembangunan moral, sangat penting dalam membina tamadun Asia Tenggara pada hari ini. Akibatnya kita telah pertahankan sebagai cara hidup kita tanpa perlu lagi bercakap mengenai hak dan memperjuangkannya.

Nilai-nilai yang sedia ada cuma menuntun kita memperjuangkan kewajipan, tugas dan tanggungjawab memandangkan semua ini merupakan injungsi yang bukan semata-mata *political*. Ia dihormati orang tanpa perlu paksaan perundangan.

Dalam diri orang timur ini sedia tertanam suatu macam pengakuan bahawa menurut budaya kita selagi setiap orang mengenali kewajipan diri terhadap orang lain dan terhadap masyarakat selagi itu akan wujud keamangan dan kehormonian.

Dalam hal ini saya fikir Wawasan 2020 cuba membawa kita menilai warisan budaya timur kita sendiri supaya kita dapat membina asas baru untuk menuju ke sebuah masyarakat makmur yang tidak lupa akan kewajipan untuk mempertahankan masyarakat yang harmonis.



Nilai-nilai yang sedia ada cuma menuntun kita memperjuangkan kewajipan, tugas dan tanggungjawab.



Selagi kita mengenali kewajiban diri selagi itulah akan wujud keamanan dan keharmonian.

Di tengah-tengah kegawatan sosial, peranan keluarga dan masyarakat lain semakin disedari dan ditekankan. Kalau dapat Datuk jelaskan lebih lanjut tentang perkara ini?

Keistimewaan kedua yang menjadikan nilai timur kita ialah tentang kepercayaan kita bahawa dalam dimensi kemanusiaan keluarga adalah satu latar utama dalam proses sosialisasi. Proses ini memungkinkan kita menyesuaikan perkembangan individu demi keharmonian masyarakat pada keseluruhannya.

Jika seseorang tidak dapat belajar tentang nilai cinta dalam latar keluarga dirinya sendiri, termasuk nilai pengorbanan, kebahagiaan dan kebaikan orang lain, dia tidak mungkin akan memahami nilai-nilai sedemikian yang perlu diwujudkan dalam masyarakat yang besar.

Dalam hal ini jika kita lihat masyarakat kita di Sarawak ini khususnya di kalangan kaum Iban, Cina, Melayu dan seterusnya, talian kekeluargaan itu amat erat. Hal ini mewujudkan keadaan apabila tidak sesiapa pun yang berasa sesat apabila berhijrah ke kota. Amalan *bejalai* menjadi semakin lebih bermakna. Keadaan di rumah panjang menjadi semakin selamat. Kampung-kampung menjadi tempat yang membahagiakan bagi penghuninya kerana mereka saling membantu baik pada masa susah mahupun pada masa perayaan.

Persaingan sengit memungkinkan seribu satu gejala dan kejadian berlaku. Manusia akan melakukan apa sahaja untuk menang. Tetapi persaingan ada kesan baiknya juga. Bagaimana Datuk menganggap gejala

tersebut?

Kitatelah nampak orang Jepun yang walaupun bersaing sesama sendiri dalam masyarakatnya sendiri tetap boleh mengekalkan keharmonian sehingga berkeupayaan membina diri menjadi salah sebuah kuasa ekonomi di dunia sekarang ini.

Sesungguhnya masyarakat didorong oleh sifat persaingan sebab ia boleh mempertajam keinginan kita untuk mencapai yang terbaik. Dalam hal ini nilai ketimuran kita mengajarkan bahawa dalam bersaing sekalipun kita mesti sedar akan had kita... kita tidak dituntut sampai melangkah mayat orang lain. Itu tidak perlu. Lihat saja cerita di sebelah keris. Kita tahu keris sebenarnya jarang sekali digunakan untuk membunuh orang. Ia lebih merupakan senjata yang melambangkan istiadat daripada senjata yang membawa maut. Apabila anda berhadapan dengan musuh, anda akan membuat perkiraan tentang keupayaannya dengan pelbagai cara, termasuk melihat jenis kerisnya. Dalam silat pun tidak serta-merta pukulan dibuat ke atas lawan. Kena buka bunga dulu. Dan kalau terkesan salah satu pihak mempunyai ilmu yang lebih hebat maka konfrontasi fizikal tidak akan berlaku. Jadi, kesemua ini — tentang semangat persaingan, tentang orang yang disaingi, tentang cara berlawan — ada cara tersendiri menanganinya dalam nilai timur.

Soal penyesuaian dengan keadaan dan nilai amat penting. Peribahasa Melayu ada mengatakan, kalau masuk kandang kambing kita mengembek dan masuk kandang kerbau menguak...

Apabila pihak lain datang kepada kita mereka perlu



Tentu sekali kita tidak dapat menafikan bahawa konsep "masyarakat penyayang", sifat sedia berkorban — kesemuanya sangat relevan dalam perjuangan memperbaiki corak hidup kita.

Kemiskinan adalah suatu pemencilan yang cenderung membuat seseorang kaku dan hilang keupayaan untuk mendalangi persekitaran diri. Jadi, dalam era 2020 nanti, jika seseorang mahu menikmati kemakmuran dia mestilah menangkis kuasa yang menghambat itu, yakni kemiskinan

menyesuaikan keadaan dengan keadaan kita, bukan sebaliknya. Hal ini termaktub dalam warisan budaya timur kita. Adalah satu hal yang menyedihkan kalau kita tidak menyedari hal ini dan kita sendiri terpaksa menyesuaikan diri dengan orang lain pula.

Orang dari luar bandar, misalnya, jika hendak berhijrah ke bandar perlulah menyesuaikan diri dengan corak dan latar kehidupan di bandar. Ini tidak bermakna orang luar bandar mesti membuang kesemua nilai asli mereka... mereka perlu membuat suatu macam penyesuaian.

Secara rumusannya, setiap kita boleh berubah tetapi kita hendaklah melengkapkan diri sebaik-baiknya supaya perubahan ini tidak akan memudaratkan kita pula, malah di sebaliknya kita akan menang.

Perlengkapan yang dimaksudkan ialah menjadikan nilai-nilai ketimuran yang sedia ada senjata untuk mempertahankan diri daripada terganggu.

Dapat Datuk beri contoh?

Kebudayaan adalah himpunan usaha terbaik, terkuat dan paling mengilhamkan bagi memperbaiki corak hidup kita. Budaya hidup seorang yang sudah berkahwin tentu sekali berbeza daripada cara hidupnya semasa bujang. Begitu juga seterusnya setelah dia menjadi seorang bapa,

kemudian seorang datuk. Tidak akan hilang identiti seseorang melalui perkembangan sedemikian. Malahan identiti akan kian kaya. Kebudayaan berkembang apabila ada cabaran dalam proses perubahan.

Nilai ketimuran wajar dikekalkan mesti bagaimana maju pun masyarakat itu. Tetapi selalunya masyarakat yang keuar daripada jaring kemiskinan akan meninggalkan nilai lama. Pendapat Datuk bagaimana?

Kemiskinan adalah suatu pemencilan yang cenderung membuat seseorang kaku dan hilang keupayaan untuk mendalangi persekitaran diri. Jadi, dalam era 2020 nanti, jika seseorang mahu menikmati kemakmuran dia mestilah menangkis kuasa yang menghambat itu, yakni kemiskinan.

Pasti sekali seseorang yang berjaya menangkis kemiskinan bermakna dia perlu berjaya melalui perubahan yang nantinya akan menghasilkan kemakmuran. Dan tentunya kemakmuran akan membawa kesejahteraan, dan yang lebih penting lagi, memungkinkan banyak masa senggang dan kebebasan waktu untuk berfikir.

Kalau sudah terluang cukup masa untuk berfikir tentu sekali perubahan akan tetap berlaku. Amat penting dalam tahun 2020 nanti kita mengekalkan sistem nilai kita. Jika tidak dikekalkan sistem nilai ketimuran kita bermakna

orang kita terpaksa bergelut dalam usaha mencapai kemakmuran. Jangan sekali-kali menggadaikan nilai timur yang murni itu semata-mata kerana terikut-ikut cara Barat.

Wawasan 2020 adalah gagasan perdana. Pemahaman yang mendalam di kalangan rakyat mengenainya akan dapat digerakkan untuk berganding bahu bagi menuju ke arah yang sama. Rakyat kita perlu bersedia...

Setiap anggota PBB seharusnya menentukan apakah ada sesuatu yang lain sebagai alternatif kepada wawasan. Kalau dirasakan mempunyai wawasan itu adalah baik kita semestinyalah memperjuangkannya secara individu dan secara berkelompok.

Selain itu perlu difikirkan sedalam-dalamnya apakah faedah mempunyai wawasan.

Sebenarnya tiada yang baru di sebalik konsep Wawasan 2020. Ia mengingatkan kita betapa kita perlu menegakkan nilai moral yang telah pun sedia ada disyiarkan oleh agama-agama; ia menganjurkan kita mempertahankan aspek positif adat resam asli kita; semua ini dan segala nilai baik agar jangan hilang atau terhakis.

Wawasan 2020 menganjurkan kesemua nilai ini kita amalkan agar masyarakat kita dapat berkembang menjadi sesuatu yang lebih baik.

Tentu sekali kita tidak dapat menafikan bahawa konsep "masyarakat penyayang", sifat sedia berkorban — kesemuanya sangat relevan dalam perjuangan memperbaiki corak hidup kita.

Wawasan juga mengingatkan kita sesungguhnya etika ketimuran tidak boleh disingkirkan semata-mata kerana konsep ekonomi yang mesti kita perolehi itu banyak berhubung kaitnya dengan dunia Barat.



Kita perlu menerangkan kesemua ini kepada setiap lapisan masyarakat kita agar mereka memahami. Rakyat jelata perlu faham bahawa matlamat kita ialah untuk menjadikan negara kita ini sebuah negara industri yang maju dan mungkin lebih baik daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat atau Eropah.

Wawasan 2020 menuntut rakyat bersiap sedia agar berkeupayaan menangani cabaran hebat masa depan.

Rakyat jelata perlu faham bahawa matlamat kita ialah untuk menjadikan negara kita ini sebuah negara industri yang maju dan mungkin lebih baik daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat atau Eropah



Kalau dirasakan mempunyai wawasan itu adalah baik kita mestilah memperjuangkannya secara individu dan secara berkelompok.



Y.B. Tan Sri Datuk Amar Alfred Jabu Numpang

N25 Layar

PBB PEMBELA NASIB BUMIPUTERA SARAWAK

Masyarakat Dayak telah berubah sejajar dengan perubahan yang dialami negeri ini. Tetapi kami yakin masyarakat Dayak juga mempunyai masalah. Pada pandangan Tan Sri apakah masalah utama masyarakat Dayak pada hari ini?

Komen saya ini adalah berlandaskan kedudukan atau premis bahawa masyarakat Dayak kebanyakannya tinggal di luar bandar. Mereka bertaburan di seluruh Sarawak. Disebabkan keadaan yang demikian, berbanding masyarakat lain, masyarakat Dayak agak *isolated* kerana hambatan perhubungan fizikal. Masalah ini pula menimbulkan masalah lain, iaitu kadar interaksi dengan masyarakat lain dan juga dengan pihak kerajaan, secara perbandingan, kurang kerap hingga mereka agak ketinggalan. Saya rasa, oleh kerana kerajaan hanya dapat

membuat sesuatu hingga ke satu tahap tertentu, jadi penting bagi masyarakat Dayak untuk berfikir agar kompromi menggerakkan langkah positif. Langkah positif penting untuk mengubah sikap bagi memastikan keadaan mereka yang 'tersisih' atau *isolated* tidak menghalang jentera kerajaan mewujudkan pembangunan di kalangan masyarakat Dayak.

Sejak mencapai kemerdekaan, khususnya dalam tempoh sepuluh tahun lalu, kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar. Kalau dapat Tan Sri menjelaskan strategi kerajaan untuk mengatasi kemiskinan di luar bandar, khususnya di kalangan masyarakat Dayak?

Kerajaan Negeri begitu mengutamakan perubahan sikap menerusi kesedaran. Usaha giat dijalankan bagi

memastikan masyarakat Dayak berubah. Perubahan sikaplah yang paling penting kerana tanpa perubahan sikap, tidak mungkin perubahan dalam bidang lain dapat dicapai. Masyarakat Dayak akan tertinggal di belakang kalau tidak mengubah sikap.

Selain itu, kerajaan turut mengenal pasti dan mengadakan rancangan pembangunan di luar bandar yang berasaskan entiti ekonomi yang *viable* yang mampu menarik komponen penting dan perlu bagi prasarana ekonomi, contohnya, Pusat Pertumbuhan Luar Bandar.

Strategi baru yang melibatkan tanah Native Customary Right (NCR) juga digerakkan. Kita mempunyai NCR yang luas tetapi terbiar. Tanah tersebut berpotensi membawa pendapatan kepada penduduk jika digerakkan entiti ekonomi yang *viable*, seperti estet yang demikian akan dapat

mengurangkan penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar. Di sebaliknya, mereka inilah yang membantu membangunkan kawasan luar bandar.

Rancangan perindustrian secara berpatutan untuk memberi kesan ekonomi sampingan dan nilai tambah juga diadakan. Misalnya, mengadakan IKS — industri kecil dan sederhana.

Kerajaan mengambil berat sejauh yang berkaitan dengan usaha melatih tenaga pekerja. Tenaga pekerja yang terlatih untuk menampung keperluan dalam bidang-bidang tertentu yang dijangka semakin meningkat diberi perhatian. Inilah tenaga kerja yang akan menggerakkan ekonomi dan pembangunan di negeri ini pada masa depan. Tenaga kerja yang terlatih menjamin hasil pengeluaran yang tinggi dan bermutu. Hal ini penting bagi memastikan kita terus kompetitif.

Meskipun semua pihak bersetuju kadar kemiskinan di Sarawak telah berkurangan dengan banyaknya berkat rancangan pragmatik kerajaan dan kepimpinan yang dinamik, namun kemiskinan masih wujud, khususnya di luar bandar? Tan Sri, mengapakah ada penduduk yang masih mundur?

Yang miskin di luar bandar bukanlah penduduk yang tidak mempunyai tanah. Di Sarawak, penduduk Bumiputera yang miskin terdiri daripada mereka yang mempunyai tanah. Tetapi tanah tersebut terbiar. Pada hemat saya, kemiskinan di kalangan penduduk Bumiputera berpunca daripada sikap 'tidak apa'. Saya tidak menafikan mereka bekerja kuat dan begitu gigih; mereka sanggup keluar dari rumah sejak awal pagi lagi tetapi mengapakah mereka masih miskin? Mereka belum bersedia menggunakan sistem bekerja secara moden, sesuai dengan keperluan semasa, cara pengeluaran yang *cost-effective* sahaja yang dapat menentukan daya pengeluaran atau produktiviti tinggi. Hanya dengan produktiviti yang tinggi sahaja petani atau nelayan, malah sesiapa sahaja



Kerajaan turut mengenal pasti dan mengadakan rancangan pembangunan di luar bandar yang berasaskan entiti ekonomi yang viable dan mampu menarik komponen penting bagi prasarana ekonomi.

dapat menikmati pendapatan, dan seterusnya taraf hidup yang tinggi; asalkan kos pengeluaran mereka dapat dikawal.

Dalam hubungan ini, amatlah penting penduduk luar bandar terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan. Mereka harus bersedia bersaing kerana pada hakikatnya hanya melalui persaingan dapat menggerakkan mereka untuk melipatgandakan usaha dan meningkatkan mutu pengeluaran. Tanpa persaingan akan wujud rasa puas — *complacency* — kelalaian dan semuanya ini mengakibatkan kemunduran. Masyarakat yang mundur tidak mungkin dapat bersaing dan menikmati hidup yang memuaskan. Inilah yang menyebabkan kerajaan berusaha bersungguh-sungguh bagi mengubah sikap penduduk agar mereka dapat keluar daripada lingkaran kemiskinan.

Komen Tan Sri tentang perkem-

banagan bidang pertanian dan perikanan di Sarawak. Sejauh manakah program kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan petani dan nelayan?

Saya mempunyai harapan dan yakin bahawa bidang pertanian dan perikanan di Sarawak berpotensi. Sarawak mempunyai kawasan tanah yang luas dan penduduknya begitu ramai, belum sampai dua juta orang. Terdapat peluang yang mencukupi bagi setiap orang yang ingin memabatkan diri dalam bidang pertanian. Yang penting asalkan rajin.

Sarawak juga mempunyai banyak sungai. Sumber dari sungai dan lautan kita belum dieksploitasikan sepenuhnya.

Banyak lagi peluang yang perlu diterokai dalam bidang pertanian dan perikanan, lebih-lebih lagi sekarang R&D — Penyelidikan dan Pembangunan, selain penggunaan alat-alat moden dan teknologi canggih ditiitk-beratkan.

Kerajaan sudah berjaya menurunkan kadar kemiskinan dengan angka prestasi yang fenomenal. Ini jelas sekali di banyak tempat di seluruh Sarawak. Banyak petanda bahawa pendapatan telah meningkat — dari segi rumah yang lebih mewah, kereta,

Perubahan sikaplah yang paling penting kerana tanpa perubahan sikap, tidak mungkin perubahan dalam bidang lain dapat dicapai. Masyarakat Dayak akan tertinggal di belakang kalau tidak mengubah sikap



Dengan sikap positif dan pendekatan yang membina di kalangan masyarakat Dayak maka keazaman mereka akan terus dapat ditingkatkan demi menjayakan politik pembangunan dan Wawasan 2020.

isi rumah, perabot, alat-alat moden dan gaya hidup yang lebih mewah.

Begitu banyak perubahan dan kemajuan telah dicapai oleh masyarakat Dayak. Tentu terdapat perubahan dan kemajuan dalam masyarakat Dayak yang begitu membanggakan Tan Sri?

Apabila saya merenung kembali pencapaian khususnya sepuluh tahun lalu, saya berpuas hati melihat pelbagai transformasi yang sihat di merata-rata tempat di Sarawak. Rakyat menikmati taraf hidup yang lebih baik, lebih tinggi, selesa dan bahagia berkat pembangunan prasarana dan ekonomi yang dicapai.

Saya rasa amat terdorong melihat perubahan sikap di kalangan masyarakat Dayak. Mereka telah mula menyedari hakikat betapa pentingnya mereka menyesuaikan diri dengan perubahan masyarakat dan keadaan sekitar. Agar dapat memainkan peranan yang lebih bermakna, mereka perlu melibatkan diri dalam setiap rancangan pembangunan kerajaan.

Saya juga berasa bangga melihat masyarakat Dayak sudah mula mengubah sikap. Mereka mulai komited, serius dan mempelajari erti dedikasi dan disiplin dalam setiap yang dilakukan. Inilah faktor yang akan membawa

masyarakat Dayak berdiri sama tinggi dengan masyarakat lain. Kalau tidak mahu tertinggal, mereka perlu bersikap positif.

Dengan tersemainya sikap positif dan pendekatan yang membina di kalangan masyarakat Dayak, saya yakin keazaman mereka akan terus dapat ditingkatkan untuk menjayakan politik pembangunan dan Wawasan 2020. Masyarakat Dayak harus memainkan peranan positif dan signifikan dalam abad yang akan datang dalam membangunkan negeri ini.

Di bawah kepimpinan YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, apakah kemajuan luar bandar yang pada pandangan Tan Sri begitu mengesankan?

Bagi saya corak kepimpinan YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud begitu prihatin, jujur dan begitu menitikberatkan nasib rakyat. Beliau tidak mengira bangsa, agama dan latar belakang hingga kini kita dapat menyaksikan bagaimana penduduk dapat turut menikmati kemajuan negeri ini.

YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud menekankan *high moral standard* dan nilai kemanusiaan dan keagamaan. Di samping itu, beliau sanggup membimbing

rakyat dengan menitikberatkan nilai kesetiaan, dedikasi dan disiplin yang tinggi. Kepimpinan YAB mendorong rakyat mengamalkan sikap sabar dan bertolak ansur, dan beliau memberi perhatian berat terhadap perpaduan kaum. Pelbagai kaum di Sarawak perlu hidup dalam keadaan harmoni kerana inilah tonggak kestabilan sosial dan politik, dan seterusnya kemajuan dalam bidang ekonomi, kebudayaan dan seumpamanya. Kita tentu kagum dengan falsafah *cultural confluences* beliau.

Sejak beliau memegang teraju kerajaan, Sarawak telah mengalami transformasi menerusi pembangunan sosial, pembangunan ekonomi swasta dan pembangunan infrastruktur. Projek pertanian secara estet, perindustrian, pelancongan, latihan kemahiran, pembangunan bandar secara terperinci dan tenaga manusia dan pembangunan sumber manusia ternyata telah memberi banyak peluang pekerjaan memantapkan pertumbuhan ekonomi.

Kejayaan semua projek tersebut mencerminkan keyakinan tinggi daripada pihak swasta yang tidak bimbang melabur di Bumi Kenyalang ini.

Di samping segala pembangunan ini berjalan dengan lancar, kita tidak harus lupa kepada pembangunan pendidikan dengan tertubuhnya UNIMAS, ITM, politeknik, Pusat Latihan Industri dan Taman Sains dan Teknologi di Sarawak. Semuanya ini menggambarkan betapa beliau begitu menitikberatkan aspek pendidikan kerana sesungguhnya inilah pelaburan terbaik bagi memastikan negeri dan negara kita terus maju dan dapat bersaing dengan negara lain.

Kepimpinan YAB Datuk Patinggi Tan Sri begitu menjaga imej dan prestasi negeri Sarawak di luar Malaysia.

Kami juga ingin tahu strategi Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat menjelang abad 21 untuk menangani masalah sosioekonomi masyarakat luar bandar?

Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat di bawah jajaan saya mempunyai tanggungjawab untuk merancang, meneliti, mengunjur (*forecast*) dan mengenal pasti senario mengenai bekalan makanan dan juga tentang cara-cara mengeluarkan pelbagai jenis makanan yang diperlukan

**Kita juga
meningkatkan
kepakaran kakitangan
dan pegawai pertanian.
Selain itu, kita
mengadakan seminar,
persidangan, latihan,
bengkel dan
seumpamanya dalam
pelbagai bidang,
termasuk dalam
bidang pengeluaran
dan pemasaran**

dari semasa ke semasa.

Berpandukan objektif dan tanggungjawab tersebut, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat telah melaksanakan pelbagai program.

Pertama, program untuk menukar sikap petani dari tahap sara diri — *subsistence* menuju ke yang berorientasikan *commercially viable*. Ini memerlukan khidmat nasihat. Petani perlu diberi bimbingan. Melalui Jabatan Pertanian kita menyediakan bantuan dan sokongan dalam bentuk subsidi, pinjaman, pemasaran dan kursus. Pertubuhan Peladang ialah salah satu daripada badan yang memainkan peranan bagi mengubah tumpuan masyarakat petani kepada kegiatan bercorak pertanian komersil.

Kedua, kita mengadakan Kajian Pelan Induk Pertanian dan Pelan Induk Perikanan hingga ke 2000 dan seterusnya.

Ketiga, kita menekankan aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D). Contohnya, bagi kambing biri-biri, ikan terubok dan sebagainya.

Keempat, kita mengambil pakar untuk menjadi penasihat teknikal dan saintifik kepada kerajaan. Kita mendapatkan tenaga yang cukup berpengalaman seperti Datuk Dr Halim Hassan untuk rumbia, Tan Sri B.C Sekhar untuk getah dan beberapa lagi.

Kita juga meningkatkan kepakaran kakitangan dan pegawai pertanian. Selain itu, kita mengadakan seminar, persidangan, latihan, bengkel dan seumpamanya dalam pelbagai bidang, termasuk dalam bidang pengeluaran dan pemasaran. Promosi pemasaran diadakan juga, selain

mengadakan rancangan ekonomi rumah tangga dengan memberi penekanan terhadap usaha membangunkan produk.

Masyarakat luar bandar harus terus ke hadapan. Langkah untuk membawa masyarakat luar bandar mengalami anjakan paradigma — *paradigm shift* — dalam arus perdana pembangunan negeri ini, Tan Sri?

Dalam dunia yang hebat persaingannya ini, hanya negara yang cepat membuat perubahan bersesuaian dengan keadaan semasa akan dapat bersaing dan terus kompetitif. Pada hemat saya, di Sarawak amatlah perlu dan penting bagi kita membuat langkah positif untuk mengorientasikan pemikiran, sikap dan teknologi ke arah yang tepat bagi menyesuaikan diri dengan keadaan yang mendesak. Secara am iniliah yang disebut *paradigm shift*. Bagi menghadapi semuanya itu, saya rasa kita memerlukan Pusat Maklumat amat penting dalam dunia yang menghadapi teknologi maklumat yang canggih ini. Begitu juga HRD, pusat latihan dan pembangunan kemahiran perlu dimajukan. Saya percaya masyarakat luar bandar dapat

terus menggunakan peluang ini oleh kerana mereka memang mempunyai kecenderungan untuk *skill development*. Segala kemudahan seperti UNIMAS, ITM dan Pusat Penyelidikan perlu digunakan sepenuhnya.

Di tengah-tengah usaha kerajaan untuk membawa Sarawak ke era perindustrian, bagaimanakah Tan Sri melihat peranan sektor pertanian?

Memang saya akui kenyataan apabila sesebuah negara cepat membangun, sektor perindustrian akan memainkan peranan utama, berbanding dengan sektor lain. Sekiranya diukur dari segi peratusan sumbangan terhadap GNP, memang sektor perindustrianlah yang memberi sumbangan besar. Bagaimanapun, ini tidak bermakna sektor lain kurang penting. Saya lihat, di samping pembangunan dalam sektor perindustrian membangun hebat, sektor pertanian juga harus digalakkan supaya bergerak seiring, dengan memberi penekanan terhadap aspek *cost-efficiency* dalam pengeluaran dan pemasaran. Produk yang dihasilkan perlu bermutu tinggi supaya dapat bersaing dalam pasaran terbuka.



Hanya negara yang cepat membuat perubahan bersesuaian dengan keadaan semasa akan dapat bersaing dan terus kompetitif dalam dunia yang hebat persaingannya.

Sektor pertanian sebagai sektor pengeluaran makanan kepada pengguna di seluruh dunia, tetap akan memainkan peranan yang penting serta berkekalan.

Sebagai salah seorang pemimpin yang telah berjuang untuk sekian lama, apakah pencapaian PBB yang pada hemat Tan Sri perlu disebut?

Di Sarawak, secara amnya, segala kejayaan dan pembangunan adalah dikaitkan dengan teras perjuangan PBB. Ini kerana PBB dan presidennya YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Ketua Menteri sentiasa berjuang untuk mengagakkan cogan kata PBB—Berkeron Bersatu Untuk Menjamin Kemajuan.

PBB sebagai ketua parti dalam komponen BN ialah pengasas kestabilan politik, pengasas keharmonian, pencipta pelbagai pembangunan ekonomi dan sosial, dan teras pembasmi kemiskinan di luar bandar. PBB ialah pembela nasib masyarakat Bumiputera. PBB ialah lambang kejujuran yang tetap mengekalkan perhubungan rapat antara Kerajaan Sarawak dengan Kerajaan Pusat.

Pandangan Tan Sri tentang pemimpin pelapis daripada masyarakat Tan Sri dalam PBB?

Dalam PBB kita tidak hanya menumpukan perhatian terhadap satu-satu kaum. Kita menumpukan per-



PBB sebagai ketua parti dalam komponen BN ialah pengasas kestabilan politik, pengasas keharmonian, pencipta pelbagai pembangunan ekonomi dan sosial, dan teras pembasmi kemiskinan di luar bandar.

Dalam PBB kita tidak hanya menumpukan perhatian terhadap satu-satu kaum. Kita menumpukan perjuangan secara menyeluruh

juangan secara menyeluruh. Kita memang ingin mengalakkan dan mendidik pemimpin pelapis di pelbagai peringkat. Apa yang amat penting ialah penyediaan sikap serta disiplin perjuangan yang baik sejajar dengan perlembagaan PBB. Pemimpin PBB di pelbagai peringkat dikehendaki bersikap jujur, berjiwa rakyat dan bekerjasama antara ahli PBB dengan ahli komponen parti lain dalam BN.

Dalam PBB adalah satu pantang untuk bergerak secara *intrigue* dan berpuak-puak atau berkomploit.

Akhir sekali, dalam menuju abad 21, apakah harapan Tan Sri terhadap PBB?

Saya optimis terhadap PBB. PBB akan kekal menerajui kepemimpinan di Sarawak. YAB Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud selaku Presiden PBB telah menggariskan dan mengasaskan serta mengamalkan kualiti kepemimpinan yang tinggi, yang dapat dihormati oleh ahli parti komponen BN, dan juga disambut baik oleh rakyat. PBB akan kekal menjadi teras dan asas kestabilan politik di Sarawak.

Disebabkan hubungan rapat yang telah tersemadi dan wujud selama ini antara Ketua Menteri YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, rakyat seluruh Sarawak akan tetap dan terus menikmati segala kejayaan hasil daripada pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan pembangunan infrastruktur yang baik. Saya penuh yakin Sarawak tidak akan ketinggalan dalam pencapaian Wawasan 2020.



Pemimpin PBB di pelbagai peringkat dikehendaki bersikap jujur, berjiwa rakyat dan bekerjasama antara ahli PBB dengan ahli komponen parti lain dalam BN.



Y.B. Datuk Abang Haji Abdul Rahman
Zohari Tun Abang Haji Openg

N6 Satok

PBB TERAS KEMAJUAN MASA DEPAN SARAWAK

Bidang perindustrian akan memainkan peranan yang semakin penting di Sarawak dalam era perindustrian pada abad akan datang. Dalam hubungan ini, peranan pelabur asing tidak harus diperkecil. Jadi, kalau Datuk dapat menjelaskan kelebihan Sarawak dalam menarik pelabur asing?

Iklim ekonomi yang sesuai dengan keperluan pelaburan, menempatkan negeri Sarawak sebagai destinasi yang memberi peluang yang baik kepada pelaburan asing. Sumber-sumber alam semula jadi yang banyak, juga mampu menarik pelaburan asing yang ingin menanam modal dalam pelbagai bidang. Dan ini menjadikan Sarawak sebagai negeri yang memainkan peranan utama meletakkan Malaysia dalam peta negara perindustrian dunia.

Kita juga mempunyai tenaga buruh semi teknikal yang agak murah dan mudah diperolehi. Hanya yang perlu ialah Sarawak hendaklah memiliki tenaga pakar dalam bidang sains dan teknologi agar kita tidak terlalu bergantung kepada kepakaran asing. Dengan sumber-sumber asas seperti minyak, gas, kayu-kayuan dan logam, bidang perindustrian semakin mudah diperkembangkan. Sarawak juga merupakan sebuah negeri yang luas dan dengan keluasan tanahnya menjadi asas kepada pembangunan pertanian dan perladangan secara komersil.

Dalam usaha untuk muncul kompetitif, apakah pendekatan Kementerian Datuk dalam hal ini?

Pendekatan kita adalah untuk me-

ningkatkan nilai-tambah kepada sumber negeri dan sekaligus mengurangkan pergantungan kepada barangan import, serta untuk diimport. Inilah yang banyak diusahakan oleh peniaga Bumiputera khususnya yang terbahit dalam bidang Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Untuk tujuan ini kita memberi tumpuan kepada beberapa perkara. Pertama, sejauh manakah kita dapat mengeksplotasi sumber dan bahan mentah yang ada. Kedua, adakah kita mempunyai kepakaran tenaga manusia yang memiliki kreativiti dan kemahiran untuk dibekalkan kepada industri tersebut. Dan ketiga, teknolo-

Maksud Datuk?

Kita telah berjaya menarik pelaburan asing dan tempatan kerana sumber-sumber kita yang amat sesuai

dan menguntungkan untuk industri masa kini dan masa depan. Pelabur asing dan tempatan membawa modal, kepakaran dan teknologi ke negeri kita untuk memproses hasil-mahsul yang ada, manakala di pihak kita, modalnya ialah sumber bahan mentah, tenaga buruh. Sumber-sumber semula jadi kita sudah tersedia, tinggal lagi kemampuan masyarakat kita melengkapkan diri dengan kepakaran, kemahiran dan kesanggupan kita untuk bekerja belum lagi mantap.

Untuk memungkinkan hasrat tersebut tercapai, kita tentu perlu membuat persiapan yang sewajarnya. Komen Datuk.

Gandingan tiga perkara yang saya sebutkan tadi akan membolehkan kita mencapai tahap maksimum di dalam pengendalian sumber ekonomi negeri.



Kita telah berjaya menarik pelaburan asing dan tempatan kerana sumber-sumber kita yang amat sesuai dan menguntungkan untuk industri masa kini dan masa depan.

Untuk itu, kerajaan menubuhkan beberapa institusi pengajian bagi membekalkan negeri kita dengan tenaga mahir dan separa mahir. Kita wujudkan Politeknik di Matang dengan penekanan kepada kursus teknikal. Kerajaan Pusat juga sedang mempertimbangkan untuk menukarkan nama sekolah vokasional kepada sekolah teknik bagi mengikis anggapan bahawa sekolah vokasional untuk mereka yang gagal tingkatan tiga atau tingkatan lima. Subjek dan modul di sekolah berkenaan akan diperkukuhkan dengan memberi penekanan kepada latihan bercorak amali dan praktikal dalam bidang yang diperlukan untuk industri yang kita bangunkan.

Kita mungkin membuka peluang kepada agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta yang ingin mengukuhkan dan memperluas lagi tenaga pekerja mereka dengan ilmu teknikal. Kita berhasrat untuk memberi latihan yang lebih canggih, menyediakan biasiswa kepada penuntut Bumiputera yang kurang mampu, dan membantu mereka menempatkan pekerja di syarikat-syarikat besar bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran.

Peranan pihak swasta amat penting. Sektor awam dan swasta perlu mengemblemkan tenaga. Bagaimana sebenarnya Datuk?

Pusat latihan dan kemahiran yang kita wujudkan akan membolehkan pihak swasta memainkan peranannya. Seperti yang saya sebutkan tadi, sektor swasta yang ada kaitan dengan bidang industri boleh menghantar pekerja mereka untuk berlatih di pusat latihan yang kita sediakan. Sesungguhnya syarikat jangan takut kehilangan pekerja apabila mereka melatih tenaga kerja. Sebenarnya keadaan ini akan me-

Sarawak mempunyai potensi yang baik dalam industri teknologi tinggi. Dengan keluasan dan sumber-sumber yang ada, industri high-tech mempunyai masa depan yang cerah untuk berkembang



Konsep Politik Pembangunan yang dilahirkan oleh YAB Ketua Menteri memberi kesan besar terhadap kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Bumpulputera kini.

wujudkan persaingan dalam pasaran buruh yang menguntungkan negeri. Sebab, pekerja terbabit akan bersaing antara satu sama lain untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti serta mendapat ganjaran dari segi gaji yang tinggi. Jadi, apabila pelaburan asing membuka kilang di Sarawak, kita sudah ada landasan untuk membekalkan pekerja yang mahir dalam pelbagai bidang. Pekerja berkenaan tentulah mendapat gaji yang tinggi.

Selapas semua rancangan kementerian dilaksanakan, bagaimana perkembangannya sekarang?

Amat membanggakan. Kita telah berjaya mengeluarkan tenaga kerja yang terlatih. Satu perubahan yang ketara ketika ini ialah kemasukan pelaburan dari Jepun dan Korea yang membangkitkan diri dalam bidang elektronik. Pelabur ini yakin dengan perancangan kita, khususnya dalam bidang latihan teknikal, kerana elektronik ialah satu sektor industri yang baru yang berkehendakkan tenaga pekerja yang mahir dan terlatih serta berdisiplin. Sekarang kita lihat peralihan minat pelabur Jepun untuk terus menanam modal dalam bidang pemasangan barangan elektrik dan elektronik di sini. Banyak lagi cadangan serupa diterima daripada pelabur Hong Kong dan Singapura.

Nampaknya bidang perindustrian kita memasuki era baru.

Ya. Sektor perkilangan kita pada

hari ini bukan hanya berkisar kepada kegiatan memproseskan sumber asli tapi sekarang kita masuk ke era *high-tech*. Dengan adanya syarikat-syarikat besar yang beroperasi dalam bidang komunikasi khususnya Telekom Malaysia dan CELCOM, ini akan memperkembangkan peluang dan ruang untuk rakyat Sarawak menceburi industri telekomunikasi.

Sarawak mempunyai potensi yang baik dalam industri teknologi tinggi. Dengan keluasan dan sumber-sumber yang ada, industri *high-tech* mempunyai masa depan yang cerah untuk berkembang. Kita mengalu-alukan pelaburan asing untuk menanam modal dalam bidang *high-tech* kerana industri itu berupaya membuka peluang kepada banyak industri sampingan dan sokongan, khususnya bagi mereka yang terbabit dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Inilah peluang bagi mereka yang terbabit dalam bidang pembekalan dan perkhidmatan melengkapkan diri mereka untuk menerima satu perubahan dan permintaan yang besar.

Dengan segala perubahan yang akan berlaku ini, apakah nasihat Datuk kepada generasi muda?

Generasi muda hendaklah bersedia untuk memantapkan lagi pengalaman dan kemahiran dalam bidang profesional seperti kejuruteraan, arkitektur, dan yang berkaitan. Mereka tidak harus memilih pekerjaan atau bergantung kepada kerajaan

untuk makan gaji. Minat hendaklah disesuaikan dengan proses pembangunan negeri kita. Yang penting, beliau patut bersedia meneroka pekerjaan kolar biru, bekerja di kilang dan ladang.

Projek hidro elektrik Bakun banyak diperkatakan. Projek ini menjadi sedikit kontroversial mungkin kerana rakyat belum begitu faham akan faedah yang bakal diperoleh oleh rakyat dan negara. Datuk, bagaimanakah agaknya kesan projek tersebut dari segi pertumbuhan ekonomi Sarawak?

Sarawak mempunyai kawasan yang luas dan kaya dengan sumber alam semula jadi. Memanglah jumlah penduduk sangat kecil... sekarang hanya ada kira-kira 1.8 juta orang. Jumlah ini amat kecil jika dibandingkan dengan kegiatan ekonomi yang luas dan berkembang pesat. Kita perlukan jumlah penduduk yang ramai kerana penduduk ialah pengguna yang paling penting mempengaruhi pasaran.

Penduduk juga pembekal tenaga buruh yang utama. Kita memerlukan tenaga buruh sendiri yang ada *brain power* sebagai kekuatan kepada tenaga kerja. Jadi untuk menjadikan Sarawak sebagai nadi pembangunan ekonomi negara, kuasa fikir di kalangan generasi muda amat penting.

Saya mempunyai satu gambaran bahawa Sarawak ialah negara-negara seperti Scandinavia, Denmark, Sweden, Norway dan Finland. Keempat-empat negara itu mempunyai kawasan yang luas dan jumlah penduduk yang kecil tetapi mempunyai *brain power*.

Selain itu, negara berkenaan mempunyai sumber semula jadi, iaitu sumber tenaga daripada hidro dan mereka maju sekali sebab tenaga hidro mereka gunakan sebagai *energy resource* untuk mewujudkan beberapa industri berat. Negara berkenaan membuat kereta, kapal, kapal perang dan kapal terbang.

Sarawak pun boleh menceburi industri itu?

Sarawak mempunyai potensi dalam industri berat dengan adanya sumber tenaga, seperti minyak dan gas serta hidro. Di rantau Asean, potensi Sarawak amat besar. Tinggal lagi, seperti yang saya jelaskan tadi, kita



Pemimpin politik hendaklah memberi tumpuan kepada aspirasi rakyat kerana kekuatan negara adalah bergantung kepada kekuatan rakyat.

memerlukan *brain power*, kemahiran dan *skill manpower*.

Dari perspektif aktivis alam sekitar, Projek Hidro Elektrik Bakun akan mengancam atau menjejaskan alam sekitar kita. Sejauh manakah ini benar Datuk?

Maksud anda pelaksanaan projek hidroelektrik Bakun menjejaskan alam sekitar? Saya rasa kita terlalu melihat aspek negatifnya. Apabila kita hendak melaksanakan projek hidro ini dan juga projek besar yang lain yang perlu ialah kita melaksanakan kajian kesan alam sekitar. Sebelum projek ini dijalankan kita telah meminta pakar-pakar alam sekitar untuk menilai keadaan alam sekeliling ini dan kita telah mengikut nasihat atau garis panduan yang diberikan oleh pakar-pakar. Saya rasa kita sedar tentang betapa pentingnya kita mengkaji baik buruknya projek-projek besar yang telah dicadangkan. Jadi kita belajar daripada kesilapan mereka supaya ia tidak berulang.

Kritikan terhadap projek Bakun pada awalnya terlalu menakutkan.

Memanglah, tiap-tiap perkara yang kerajaan laksanakan sentiasa ada kesalahan di mata golongan tertentu. Sentiasa ada pengkritik. Dan sudah semestinya timbul mereka yang menyatakan keburukan projek Bakun, apatah lagi ia membabitkan pelaburan RM15 billion. Ini hanya segelintir sahaja yang mempunyai kepentingan tersendiri. Mereka mungkin mahu kerajaan menutup mulut menerusi cara tidak bermaruah. Bagaimanapun, saya pasti kita sudah bersedia untuk mengatasi apa-apa keburukan yang mungkin wujud daripada projek hidro

itu nanti, khususnya dalam aspek alam sekitar.

Dalam sidang Dewan Undangan Negeri Mei 1994, banyak isu dibangkitkan mengenai pendidikan. Pada pengamatan Datuk apa sebenarnya masalah yang berlaku?

Memang benar banyak soalan telah diajukan dalam bidang pendidikan ini walaupun pendidikan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Sungguhpun begitu, banyak pandangan kita telah diambil kira dalam penggubalan dasar pendidikan negara. Masalah di negeri Sarawak ialah penduduk kita bertompok-tompok di sana sini... di kawasan pedalaman. Sudah tentu usaha mendirikan sekolah merumitkan.

Kedua, masalah mendapatkan jumlah murid yang munasabah untuk ditempatkan di sesebuah sekolah. Contohnya di sesetengah kawasan pedalaman dan rumah panjang. Ada sekolah hanya mempunyai darjah 1, 3 dan 6 tanpa darjah 2, 4 dan 5 disebabkan murid tidak mencukupi.

Ketiganya, tempat tinggal yang jauh dari sekolah. Ramai ibu bapa yang tidak berminat menghantar anak-anak mereka yang masih kecil ke sekolah apabila pihak sekolah rendah mereka tinggal di asrama. Inilah antara masalah asas yang kita hadapi. Tetapi selepas tamatnya sekolah rendah maka di peringkat menengah tidak begitu rumit kerana penuntutnya agak berumur. Saya rasa masalah merunding sangat isu-isu di dalam peringkat tinggi. Tapi masalah yang hebat ialah di peringkat rendah.

Dalam konteks perubahan dan tuntutan yang Datuk sebutkan tadi,

bagaimana Datuk melihat peranan dan sumbangan UNIMAS?

Universiti Malaysia Sarawak atau UNIMAS memainkan peranan penting di dalam melatih masyarakat Malaysia khasnya anak Sarawak bagi memenuhi tuntutan pembangunan pada ketika ini dan juga persediaan kita bagi meletakkan negeri Sarawak sebagai negeri perindustrian menjelang tahun 2000.

Untuk itu, kita telah meminta supaya kursus-kursus yang dianjurkan oleh UNIMAS berorientasikan kepada keperluan bidang perindustrian yang akan kita ceburi dan yang paling banyak pelabur asing menanam modal. Setakat ini, pihak UNIMAS memang menekankan hal ini dengan mengadakan kursus-kursus yang memang kena pada kehendak masa depan negeri kita. Ini satu langkah yang dialu-alukan kerajaan negeri.

Jadi pada keseluruhannya peranan penting UNIMAS ialah sebagai pusat pengajian dan institusi akademik yang mampu mengeluarkan *brain power*. Di samping itu, dalam bidang profesional, Institut Teknologi Mara (ITM) ialah institusi pengajian tinggi khas untuk Bumiputera. Kalangan penuntut Bumiputera mempunyai peluang untuk mendapat ilmu di bidang profesional yang akan membantu usaha untuk memantapkan kedudukan ekonomi negeri keseluruhannya. Jadi masyarakat Bumiputera mempunyai satu keistimewaan kerana saya rasa ITM Cawangan Sarawak akan mempunyai kekuatan kampus baru dan tenaga pengajar yang berpengalaman.

Berbanding dengan keadaan semasa mula mencapai kemerdekaan lebih kurang tiga dekad lalu, Bumiputera dekad 90-an sudah jauh berubah. Pandangan Datuk tentang kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Bumiputera di Sarawak?

Pada umumnya apa yang berlaku di negara kita adalah sumbangan yang diberi oleh para pemimpin dan parti kita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) khasnya dan sudah tentulah konsep Politik Pembangunan yang diilhamkan oleh Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud memberi kesan besar terhadap kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Bumiputera kini. Perkara pokok-

nya ialah *trust* yang merupakan pendekatan pembangunan yang paling berkesan.

Trust dalam konteks ini ialah wujudnya kerjasama dan persefahaman dan kepercayaan yang diberikan oleh parti-parti komponen dalam Barisan Nasional yang menerajui kerajaan.

Pada saya, pembangunan yang berlaku di negeri kita seimbang dengan apa yang berlaku di seluruh negara. Maksud saya, pembangunan di Sarawak seialiran dengan pembangunan negara. Bercakap tentang kejayaan Bumiputera, saya rasa kejayaan secara langsungnya disebabkan oleh pembabit dan perjuangan para pemimpin kita.

Insyallah dengan adanya pemimpin PBB yang diletakkan dalam kerajaan yang diberi tanggungjawab dalam beberapa kementerian penting, sudah tentu pelaksanaan dasar pembangunan akan memberi kesan kepada negara pada jangka masa panjangnya.

Sumbangan abad ke-21

Saya fikir pada abad 21 pada amnya keadaan negeri dan negara kita akan berubah dan kemungkinan besar tanggungjawab penting ialah menegakkan kestabilan politik dan mewujudkan kerajaan yang bertanggungjawab, pemimpin-pemimpin di kalangan korporat juga akan memainkan peranan penting di dalam pem-

Saya fikir pada abad 21 pada amnya keadaan negeri dan negara kita akan berubah dan kemungkinan besar tanggungjawab penting ialah menegakkan kestabilan politik dan mewujudkan kerajaan yang bertanggungjawab, pemimpin-pemimpin di kalangan korporat juga akan memainkan peranan penting di dalam pembangunan ekonomi

angunan ekonomi.

Komen Datuk tentang kemasyarakatan golongan korporat dalam PBB?

Saya rasa kita mempunyai dua kumpulan iaitu Pemimpin Politik dan Pemimpin Korporat. Mereka harus bekerjasama bagi memajukan negeri dan negara kita. Kalau kita lihat dari sudut politik negara, saya jangka bahawa pemimpin korporat dan pemimpin politik akan menjadi nadi kepada keseluruhan pembangunan negara kita. Sebab itulah apa yang berlaku pada UMNO hari ini sedikit sebanyak membawa satu perubahan yang ketara dalam corak kepemimpinannya dan mungkin meresap ke parti-parti lain.

Maksud Datuk kedua-dua golongan ini perlu sehaluan?

Memang benar. Kedua-dua kumpulan pemimpin ini mesti bergerak sehaluan dan mereka mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing. Perlu *interdependent*, maknanya kalau mereka di medan perang maka hendaklah mengkhususkan perjuangan mereka dalam peperangan ini supaya meletakkan Malaysia menjadi negara yang mempunyai pembangunan ekonomi yang pesat dalam sebuah kerajaan yang jujur dan bertanggungjawab. Pemimpin politik pula ialah pemimpin yang diharapkan oleh rakyat jelata kerana mereka terpaksa "diwawancara" tiap-tiap lima tahun atas kebolehan mereka.

Apakah tanggungjawab pemimpin politik lebih berat?

Apabila mereka dalam politik, mereka hendaklah mempertimbangkan aspirasi rakyat dan memberikan *direction* kepada dasar-dasar negara dan pada masa yang sama hendaklah sensitif kepada kehendak rakyat.

Pemimpin korporat pula adalah untuk menguatkan lagi kedudukan negara. Jadi tidak boleh ada pertindihan di antara kedua-dua golongan. Maknanya pihak korporat tidak boleh rasa orang politik menggunakan kekuatan korporatnya untuk berpolitik. Pemimpin politik pula hendaklah memberi tumpuan kepada aspirasi rakyat jelata kerana rakyat jelata-lah yang akan menjadi hakim dan kekuatan negara adalah bergantung kepada kekuatan rakyat. Pihak korporat ialah mereka yang mempunyai aset

untuk membantu pemimpin-pemimpin politik. Dengan perkataan lain, kedua-dua pihak bekerjasama dalam bidang seperti yang sudah digariskan dalam tanggungjawab masing-masing.

Sebarang konflik atau pergeseran, jika berlaku tentu memberi kesan buruk terhadap parti. Bagaimana Datuk melihat kesan dan implikasi kalau wujud semacam konflik yang tajam antara kedua-dua golongan ini?

Memang kalau ada konflik dan pertindihan maka wujudlah satu keadaan yang tidak stabil di dalam sebuah negara itu. Kalau ini berlaku maka ia akan menjejaskan matlamat kita untuk memajukan negara. Dalam hubungan ini saya berpendapat untuk mewujudkan kestabilan kita hendaklah belajar daripada negara Jepun kerana kekuatan Parti Liberal dikuasai oleh pihak korporat. Pihak korporat ini pula kerana hendak menguatkan diri, mereka mempengaruhi orang politik. Apabila ini berlaku mereka akan menggunakan beberapa taktik untuk mempengaruhi para pemimpin hingga rakyat jelata bosan dengan keadaan sedemikian. Inilah yang menyebabkan ketidakpercayaan rakyat jelata kepada apa yang berlaku terhadap para pemimpin politik mereka. Saya rasa tepat apa yang berlaku di Jepun menjadi pengajaran kepada kita supaya ada satu *check and balance* di antara korporat dan politik.

Sebab itu saya rasa dalam abad ke-21 di samping kita menguatkan sektor korporat, kita hendaklah juga sensitif bahawa matlamat asal kita ialah mempertingkatkan kedudukan rakyat jelata dan menempatkan negara sebagai sebuah negara yang maju. Semua orang tahu pada umumnya bahawa kestabilan politik amat penting. Maka jangan timbulkan konflik kerana kadang-kadang di bidang korporat matlamatnya ialah *profitability*. Apabila *profit* jadi matlamat ada masanya kita lupa pada hal yang asas iaitu aspirasi rakyat. Pemimpin korporat tidak bertanding, tetapi pemimpin politik pergi kepada rakyat untuk diuji tiap-tiap lima tahun.

Adakah keadaan seperti ini wujud dalam arena politik kita?

Saya nampak di Malaysia sudah

wujud. Kita sudah ada mekanisme *check and balance* dalam UMNO, misalnya. Hal yang sama boleh berlaku di Sarawak. Apa yang berlaku kepada UMNO, sudah tentu menyedarkan kita bahawa sebelum hal yang sama berlaku, lebih baik kita bersedia.

Ia menyedarkan para pemimpin korporat dan pemimpin politik di negeri Sarawak bahawa mereka mempunyai tanggungjawab masing-masing dan mereka hendaklah bekerjasama di antara satu dengan lain. Maknanya, golongan korporat dan politik ini adalah saling bergandungan dan kedua-duanya sama-sama penting.

Bolehkah kita membuat kesimpulan bahawa orang korporat tidak harus mengganggu orang politik dan sebaliknya?

Tidak semestinya. Perhubungan mesti ada kerana orang korporat hendaklah memberi input kepada para pemimpin politik yang menerajui parti dan kerajaan kerana kerajaan akan menggubal dasar. Dasar yang digubal banyak dipengaruhi keputusan pemimpin korporat. Umpamanya, dalam aspek struktur cukai, para pemimpin politik yang mempunyai kuasa perniagaan menentukan dasar cukai negara kita. Dan sebelum dasar tersebut dilaksanakan, orang politik hendaklah berhubung dengan orang korporat... melihat *trend* dan juga keadaan orang korporat.

Maknanya dari sudut ini mesti ada perhubungan antara golongan korporat dan pemimpin politik. Orang politik dan korporat masing-masing tidak akan cuba mempergunakan autoriti yang ada kerana kedua-duanya adalah *interdependent*. Apa yang berlaku dulu mungkin kita tidak sedar bahawa golongan korporat itu penting. Dulu, orang anggap yang penting hanyalah politik. Maknanya saya rasa mereka yang akan keluar dari institut pengajian tinggi pada tahun 2010, jika diberi *option* mungkin mereka berminat dalam bidang korporat daripada bidang politik melainkan mereka benar-benar berminat dalam politik.

Kalau pemimpin politik tidak berinteraksi dengan korporat maka ini akan menjejaskan pembangunan kerana matlamat pokok kita adalah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan meletakkan kita dalam keadaan di mana kita boleh bersaing.

Jangkaan Datuk terhadap pertumbuhan ekonomi Sarawak menjelang tahun 2007?

Dijangka rancak. Dalam persidangan agung Saberka di Miri baru-baru ini, saya menjelaskan bahawa masyarakat belia sangat sibuk sekarang dan akan terus sibuk sehingga tahun 2010. Dengan pertumbuhan pesat dalam bidang pertilangan, pembuatan dan perladangan, belia ialah kelompok yang perlu memainkan peranan lebih aktif, melainkan mereka yang malas.

Saberka merupakan sebuah pertubuhan yang penting. Sebagai pertubuhan yang dianggotai golongan belia, sudah pasti Saberka dapat memainkan peranan utama dalam menggerakkan kaum belia kita?

Sebab itulah saya menekankan hal ini di dalam persidangan agung kita di Miri baru-baru ini untuk memberi bayangan kepada masyarakat kita supaya bersedia. Yang ditekankan ialah disiplin yang kuat di dalam menjalankan tugas dalam sektor-sektor yang saya sebutkan tadi. Untuk itu telah ditubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Simunjan, YB Naroden Majais bagi menggerakkan Kor Khidmat Belia Saberka yang serupa dengan Briged Muda untuk memberikan latihan ala-tentera kepada para



Para pemimpin korporat dan pemimpin politik di Sarawak sedar bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk memajukan rakyat dan tanah air.

belia kita dan selepas itu disusuli dengan kursus-kursus dalam bidang-bidang yang belia berkenaan boleh membabitkan diri dan mendapatkan pendapatan yang baik kepada mereka.

Semakin membangun dan maju sebuah negara, tampaknya semakin banyak pula penyakit sosial di dalamnya. Di Malaysia kini kita menghadapi masalah remaja lepak, penyalahgunaan dadah, vandalisme, membuang bayi dan penderaan. Bagi Datuk, apakah masalah belia yang paling membimbangkan Datuk?

Masalah belia yang sangat mengkhawatirkan adalah dari segi sikap. Sanggupkah mereka menerima tekanan dari dalam dan luar akibat pembangunan yang berlaku. Kalau mereka mempunyai pendirian yang teguh, saya yakin mereka boleh menyesuaikan diri dengan keadaan ini tetapi jikalau mereka lemah disebabkan oleh pengaruh yang mengkhayalkan ekoran pesatnya perkembangan teknologi maklumat, inilah yang membimbangkan.

Jikalau kita mempunyai 30 saluran televisyen ekoran pembangunan teknologi satelit, ini akan memberi pengaruh kepada kita dan kita akan dihadapkan satu pengaruh yang banyak. Jika kita tidak mempunyai daya fikir untuk menganalisis maklumat yang kita terima mungkin kita boleh terpengaruh dengan maklumat yang salah. Jadi inilah cabaran utama.

Dalam kita mengejar kemajuan masa depan ada yang mencadangkan agar sikap kita turut diubah. Dalam riuh-rendah perbincangan seperti itu kini timbul pula satu gagasan yang dikenali sebagai Melayu Baru. Apa sebenarnya Melayu Baru itu Datuk?

Bagi saya, Melayu Baru dalam konteks yang khusus tidak harus dipersempit kepada orang Melayu semata-mata. Saya lebih suka memberi makna Melayu Baru sebagai merangkumi kaum Melanau juga. Melihat dalam konteks Sarawak, kita mahu mewujudkan kalangan Bumiputera Baru dengan penekanan kepada pemikiran, sikap dan pandangan serta tindakan yang *advance* dan serba baru. Saya rasa ini penting untuk mewujudkan masyarakat Bumiputera yang

'kalau diletakkan di air boleh berenang, kalau diletakkan di darat boleh bergerak pantas, dan di gunung boleh mendaki.'

Syarat utama...

Mereka boleh diletakkan dan mampu menguasai semua bidang dengan syarat mereka mempunyai ilmu. Ini syaratnya. Kalau mereka tidak tahu berenang, mereka akan karam dan terus mati lemah. Kalau mereka tidak mempunyai ketahanan jiwa yang kuat, tidak ada ilmu mengembara, mereka akan kehausan dan kelaparan... sesat. Sekurang-kurangnya mereka boleh membaca kompas dan dengan ketahanan yang ada mampu mencari jalan pulang. Kalau diletak di laut pun boleh membaca kompas dan boleh berenang. Maknanya dengan kata lain, Bumiputera Baru mesti mempunyai ilmu yang padat, lengkap dan padu.

Berdasarkan trend sekarang bagaimana Datuk melihat matlamat untuk melahirkan Bumiputera Baru.

Insyaa-Allah dengan ilmu yang semakin tinggi dikuasai oleh masyarakat kita, saya yakin ini dapat di hakikatkan. Dengan segala bentuk kemudahan pendidikan dan perniagaan yang disediakan oleh kerajaan hari ini, hasilnya pasti akan nampak. Sekarang pun kalau kita lihat ahli-ahli perniagaan Melayu kita, kalau dulunya mereka hanya mahu menjadi ejen dan memadai dibayar komisen. Sekarang ini, perkara sebaliknya berlaku. Mereka tidak lagi mahu dibayar komisen sahaja, malah menjadi orang penting dan orang yang membayar komisen kepada ahli perniagaan bukan Bumiputera.

Berbanding dengan masyarakat luar bandar, masyarakat kota atau bandar begitu terdedah kepada maklumat terbaru, kemudahan yang lebih baik dan sebagainya. Apakah langkah yang perlu diambil bagi memastikan masyarakat Bumiputera luar bandar dapat dibawa ke dalam arus perdana pembangunan?

Ini banyak bergantung kepada program pembangunan yang kita rancang dan laksanakan. Saya yakin pucuk pimpinan PBB yang diberi tanggungjawab dalam kerajaan akan terus gigih melaksanakan tugas dengan

mengambil kira aspirasi rakyat semua kaum di negeri ini. Dengan pengalaman kita yang didedahkan dengan keadaan ekonomi dan pasaran antarabangsa, kita berasa komited untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi menayakan hasrat kerajaan itu dengan dengan apa yang diidamkan oleh rakyat.

Tetapi sebelum itu sikap negatif kaum Bumiputera perlu dikikis. Bagaimana Datuk?

Sudah nampak masyarakat Bumiputera berani mengendalik projek-projek besar yang tidak terfikir oleh kita bahawa projek itu dikendalikan oleh firma-firma milik usahawan Bumiputera. Kita lihat di sekeliling kita bagaimana firma bumiputera menayakan projek pembangunan bernilai jutaan ringgit. Sekarang ini sudah terbuka seorang rakyat Melayu di Sementanjung sanggup menerokai bidang telekomunikasi dan memancarkan satelit MEASAT ke angkasa. Ini sangat membanggakan dan patut dijadikan contoh oleh korporat Bumiputera di negeri Sarawak yang berminat membabitkan diri dalam bidang *high-tech*.

Adakah Datuk optimis dengan kemampuan kita di Sarawak?

Kerajaan menyediakan terlalu banyak peluang dan kemudahan. Menyerusi pertubuhan-pertubuhan perniagaan kerajaan menyalurkan bantuan modal yang boleh direbut oleh mereka yang berpotensi dan mempunyai minat. Sekarang, terpujang kepada diri usahawan itu dan cara mana mereka mengeksplotasi peluang yang ada. Jadi, usahawan kita tidak harus melihat persaingan antara mereka, persaingan dalam negeri sahaja. Sebab, pasaran luar negara tetap terbuka luas.

Maksud Datuk usahawan Bumiputera terlalu bergantung kepada kontrak kerajaan?

Inilah masalahnya. Berapa banyak sahaja kontrak kerajaan yang boleh direbut. Usahawan Bumiputera perlu pergi lebih jauh dengan meneroka pasaran luar negara. Kalau kita asyik berebut kontrak kerajaan yang kecil, maka *income* kita pun kecil sedangkan kos modal adalah pada paras yang hampir sama.

Y.B. Datuk Adenan Haji Satem
N13 Muara Tuang

PENDUDUK SARAWAK PERCAYA PADA DIRI SENDIRI

Mereka perlu bekerja kuat, gigih berusaha dan tidak seharusnya membuang masa. Mereka perlu percaya pada diri sendiri dan hendaklah aktif, dan bukannya membuang masa, melepak di supermarket, di tepi-tepi jalan dan sebagainya



Sebagai Menteri Pembangunan Sosial, mungkin Datuk dapat menjelaskan tugas dan tanggungjawab Kementerian Datuk?

Kementerian saya mula-mula dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS). Tugasnya agak terhad. Bagaimanapun, di bawah Kementerian Pembangunan Sosial skop tugas dan tanggungjawabnya lebih luas. Kementerian ini berusaha membangunkan sikap dan pemikiran masyarakat melalui pelbagai projek, rancangan dan pendekatan. Untuk itu, misalnya, Kementerian ini turut menangani masalah belia-belia lepak, masalah dadah dan sebagainya.

Pada pandangan Datuk, apakah perubahan signifikan dari segi sosial yang berlaku di Sarawak katakan dalam dua dekad yang lalu?

Saya nampak orang Sarawak mula bertukar sikap. Mereka mulai percaya kepada diri sendiri. Mereka lebih yakin, dan tidak lagi berasa rendah diri. Sebelum itu, pada zaman koloni atau penjajah, mereka beranggapan bahawa mereka tidak berupaya membuat sesuatu, dan jika pun dapat, mereka fikir mereka tidak akan dapat menyaingi 'orang putih' atau orang lain. Pandai-pandai pun berdagang, kata mereka, tidak akan dapat menyaingi orang Cina. Pandai-pandai pun orang Sarawak tidak akan dapat melawan orang putih. Itu anggapan pada zaman dahulu tetapi anggapan demikian sudah terhakis. Mereka percaya mereka dapat lakukan apa yang orang lain dapat buat.

Kedua, sekarang orang Sarawak mempunyai minat dan kecenderungan dalam perniagaan. Dulu semua mahu bekerja dengan kerajaan tetapi

sekarang belia sudah pandai berniaga. Mereka melibatkan diri dalam bidang teknikal, mekanikal dan sebagainya. Nampaknya, sudah ada perubahan sikap.

Perubahan sikap ini sebahagian-bahagian kerana pendidikan dan pendidikan yang diterima melalui media massa. Dulu, tidak ada media. Media kurang berkesan, berbanding sekarang, media memainkan peranan yang cukup berkesan dalam mempengaruhi dan mengubah sikap. Katakan 20 tahun dahulu, kalau Datuk Taib melancarkan projek berongkos RM5,000 orang akan bersorak tetapi kini, kerana *expectation* yang meningkat, tidak lagi.

Ketiga, penduduk Sarawak lebih *environment-conscious*. Mereka mempunyai keinginan untuk mencantikkan kawasan di sekitar bandar. Mereka juga lebih mementingkan rekreasi sebagai ekor dari pada taraf hidup yang meningkat — petanda kemajuan dan kemakmuran. Mereka mempunyai lebih banyak masa lapang kerana tidak perlu lagi bertungkus lumus mencari rezeki.

Bagaimana pula Datuk melihat sumbangan ataupun peranan belia dalam memajukan Sarawak?

Mereka perlu bekerja kuat, gigih berusaha dan tidak seharusnya membuang masa. Mereka perlu percaya pada diri sendiri dan hendaklah aktif, dan bukannya membuang masa, melepak di supermarket, di tepi-tepi jalan dan sebagainya. Mereka hendaklah gigih berusaha kerana pekerjaan banyak jika kita rajin mencari. Malangnya, ada belia kita yang bersikap negatif dengan tidak mahu melibatkan diri dalam pekerjaan tertentu meskipun hasilnya lumayan. Sebagai akibatnya, kita terpaksa mengambil orang asing. Di utara Sarawak kerja mencari

orang tetapi di sini, di Kuching, orang mencari kerja. Sesetengah belia tidak mahu bekerja jauh, tak tahan hidup di dalam hutan. Belia tidak seharusnya memandang rendah terhadap pekerjaan seperti itu. Sikap mahu bekerja di pejabat semata-mata harus dikikis. Sikap begini perlu diubah. Pokoknya, rajin — itu yang penting. Dalam negeri Sarawak ini kalau rajin, insya-Allah kita dapat hidup. Kalau kita malas walau macam mana pun, susahlah kita hendak hidup.

Masalah sosial yang paling mem-bimbangkan Datuk?

Dadah. Pemuda yang terlibat dalam masalah penagihan dadah. Juga pengangguran, bukan kerana tidak ada pekerjaan tetapi lebih kerana sikap negatif. Sebenarnya, mereka tidak mahu bekerja. Mereka mahu bekerja di tempat yang dekat-dekat sahaja. Juga, masalah lepak, terutamanya di bandar.

Apakah rancangan Kementerian Datuk untuk menangani segala masalah sosial itu?

Penerangan. Kita menjelaskan di mana terdapat pekerjaan. Kita membuka pejabat, termasuk di tempat membeli-belah supaya belia tahu di mana hendak mendapatkan pekerjaan. Selain itu, kita juga mengadakan seminar dan ceramah. Audiensnya, belia dan mereka yang baru keluar dari bangku sekolah. Kita mempertemukan belia yang mencari pekerjaan dan majikan yang mencari pekerja.

Bagaimanakah berkesannya Kem Bina Semangat dalam mengubah sikap?

Memang berkesan tetapi kesannya tentu tidak dapat kita lihat dalam masa yang singkat. Kita mahu mewujudkan perasaan yakin pada diri sendiri meskipun kesannya bukanlah serta-merta. Tetapi saya percaya, pada jangka masa panjang kesannya akan dapat dilihat.

Belia yang ideal, mengikut tanggapan Datuk, bagaimana?

Belia yang ideal ialah belia yang rajin, pandai merebut peluang. Bersemangat tinggi. Dedikasi. Juga, mempunyai pandangan yang jauh. Ada visi.

Sumbangan budaya kita dalam membentuk sikap yang demikian?



Perubahan sikap di kalangan rakyat sebahagiannya kerana pendidikan dan pendedahan yang diterima melalui media massa.

Memang dari mula-mula budaya kita, tidak kira budaya suku kaum apa — baik Melayu, Bidayah, Melanau, Cina dan sebagainya, menggalakkan agar belia kita rajin berusaha. Budaya kita menggalakkan agar kita dedikasi, rajin dan gigih sekarang, sudah jauh berubah. Kita bukan sahaja bangga dengan sukan berbentuk pertandingan tetapi yang mengembirakan ialah penyertaan rakyat secara keseluruhannya telah meningkat. Lebih banyak yang membabitkan diri dalam sukan sebagai satu kegiatan rekreasi — satu pertanda yang sihat dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat dan negara yang sihat.

Faktor kejayaan Sarawak dalam bidang sukan?

Kita telah membuat perancangan



dari peringkat daerah ke peringkat negeri dan ternyata ini telah memberi kesan yang membanggakan. Dengan kemudahan dan insentif yang disediakan oleh kerajaan, hasilnya memang ketara. Semangat ahli sukan kita dapat disemarak. Mereka bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan.

Sokongan Ketua Menteri terhadap bidang sukan?

Sokongan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud memang tidak dapat dipertikaikan. Dari awal lagi kita membuat komitmen dan bersikap prihatin. Semua pihak, daripada kerajaan hinggalah persatuan sukan memperlihatkan kesungguhan dalam usaha menjadikan Sarawak sebagai kuasa baru dalam bidang sukan.

Mungkin Datuk dapat bercakap tentang keadaan politik di Sarawak?

Stabil. Kestabilan politik yang kita nikmati memungkinkannya kerajaan menumpukan perhatian terhadap pembangunan. Kita harap kestabilan ini akan bertambah mantap dengan penyertaan parti-parti lain ke dalam Barisan Nasional.

Sebagai Timbalan Presiden PBB mungkin Datuk dapat ceritakan tentang sumbangan atau peranan PBB?

Tanggungjawab PBB bukan sahaja kepada ahli-ahli parti. Meman-

Dalam politik, salah satu kualiti yang penting bagi pemimpin ialah kemampuannya membolehkan rakyat mencapai sesuatu melebihi had kemampuan mereka. Maksudnya, mencungkil bakat dan potensi sebaik mungkin. Mampu merealisasikan potensi yang ada



Kita hendak menggalakkan lebih banyak penulis menulis dan berkarya bersungguh-sungguh dalam apa sahaja genre yang mereka libali sekaligus dapat mengangkat martabat dunia sastrera dan penulis di Sarawak.

dangkan inilah parti yang terbesar di Sarawak, maka sumbangannya, seperti parti anggota BN yang lain adalah lebih menyeluruh.

Pencapaian yang mengagumkan yang telah dicapai oleh Ketua Menteri Sarawak?

Kejayaan beliau menyatu-padukan rakyat. Pencapaian dari segi pembangunan amatlah mengagumkan. Kelebihan Ketua Menteri ialah beliau mempunyai visi yang tajam, berupaya melihat masa depan. Selain itu ialah keupayaannya memberi inspirasi kepada rakyat supaya dapat men-

cungkil potensi mereka dalam usaha mencapai prestasi yang lebih baik dalam semua bidang. Dalam politik, salah satu kualiti yang penting bagi pemimpin ialah kemampuannya membolehkan rakyat mencapai sesuatu melebihi had kemampuan mereka. Maksudnya, mencungkil bakat dan potensi sebaik mungkin. Mampu merealisasikan potensi yang ada. Inilah kualiti yang ada pada Datuk Taib.

Saya teringat bagaimana bekas Presiden Amerika, John Kennedy memberi inspirasi dan ilham kepada rakyatnya 'to reach above themselves. To strive for excellence'. Inilah yang

telah dan sedang dilakukan oleh Datuk Taib.

Perubahan yang ketara di kawasan Datuk sejak Datuk mewakili kawasan itu?

Macam-macam. Dari segi pembangunan fizikal, kemudahan prasarana sudah banyak bertambah. Dari segi pelajaran, banyak yang sudah ke universiti. Sikap dan semangat jauh lebih maju.

Kita bercakap tentang sastrera sedikit Datuk. Sejak Datuk menerajui Kementerian Pembangunan Sosial, nasib, kepentingan dan kebajikan golongan penulis dibela. Datuk memperkenalkan Skim Galakan Penulis, Anugerah dan Hadiah Sastrera Sarawak dan sebagainya. Apakah falsafah di sebalik kewujudan semuanya itu?

Kita hendak menggalakkan lebih banyak lagi penulis menulis dan berkarya secara bersungguh-sungguh dalam apa sahaja genre yang dilibati. Kita hendak menggalakkan penduduk Sarawak khususnya membaca apa yang ditulis oleh penulis Sarawak. Sebab itulah kita mengadakan Anugerah Sastrera Sarawak, Hadiah Sastrera Sarawak dan Hadiah Sastrera Sukan Sarawak. Pada jangka panjang, kita berharap sastrera di Sarawak akan lebih maju dan matang, sekaligus kita dapat mengangkat martabat dunia sastrera dan penulis.



YAB Ketua Menteri mempunyai visi yang tajam selain berkeupayaan memberi inspirasi kepada rakyat supaya dapat mencungkil potensi mereka dalam usaha mencapai prestasi yang lebih baik dalam semua bidang.

Dalam keadaan sekarang, dengan kurangnya minat membaca dan semakin meningkatnya kos penerbitan, industri penerbitan di Sarawak bukanlah sesuatu yang menguntungkan. Komen Datuk?

Kementerian Pembangunan Sosial menyalurkan kepada DBPCS wang sebanyak RM50,000 mulai tahun 1993 di bawah Skim Galakan Penulis Sarawak, bagi membolehkan karya penulis Sarawak dibeli dalam jumlah yang agak besar. Sedikit sebanyak ini akan membantu. Buku yang dibeli itu akan disalurkan ke pusat sumber, sekolah, perpustakaan dan sebagainya. Kalau sambutan terhadap projek ini bagus, kita akan tambahkan peruntukan yang sedia ada. Kadang-kadang yang saya perhatikan, budak-budak sekolah ada minat membaca tetapi tidak ada duit untuk membeli buku yang mereka minati.

Harapan Datuk terhadap penulis Sarawak?

Penulis Sarawak memang sudah banyak dan maju, berbanding sepuluh atau dua puluh tahun lalu. Ini satu perkembangan yang menggalakkan. Namun kita perlu lahirkan lebih banyak penulis yang kreatif, yang gigih agar banyak perkara, di sekitar sejarah, cerita rakyat, adat resam dan sebagainya dapat dicungkil.

Suatu ketika dulu, Datuk juga terkenal sebagai penulis, sebagai war-

tawan. Kami fikir Datuk mempunyai bakat. Tidak adakah hasrat untuk menulis kembali?

Mungkin, kalau saya sudah bersara, kalau sudah mempunyai banyak masa nanti, saya akan meneruskan minat dalam penulisan.

Mungkin Datuk dapat imbas kembali pembabitan Datuk dalam politik?

Sejak di bangun sekolah, saya selalu membaca tentang Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Ismail — pemimpin awal di Malaysia. Sejak itu saya mendapat inspirasi dan berminat. Saya memang masuk politik kerana

Penulis Sarawak memang sudah banyak dan maju, berbanding sepuluh atau dua puluh tahun lalu. Ini satu perkembangan yang menggalakkan. Namun kita perlu lahirkan lebih banyak penulis yang kreatif, yang gigih agar banyak perkara, di sekitar sejarah, cerita rakyat, adat resam dan sebagainya dapat dicungkil

minat bukan kerana terpaksa atau didesak.

Falsafah perjuangan politik Datuk? Mudah saja. Menolong rakyat.

Tokoh politik yang Datuk paling kagumi?

Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Dr Mahathir Mohammad. Tunku merupakan seorang patriot, berjaya memerdekakan negara, dapat mencantumkan pelbagai kaum. Tun Razak ialah seorang 'builder', pembina negara. Dr Mahathir pemimpin yang mempunyai visi, ada wawasan, begitu imaginatif dan inovatif. Dr Mahathir menyebabkan kita bangga sebagai rakyat Malaysia.

Saat yang menggembirakan Datuk?

Apabila kita memenangi pilihan raya 1987 sesudah teretusnya Peristiwa Ming Court.

Sebabnya?

Cabaran terlalu hebat tetapi kita berupaya mengatasinya.

Kami juga hendak tahu, peranan isteri Datuk?

Memang penting. Isteri yang *understanding* amat penting. Dia harus bijak mengambil hati rakyat.

Hobi Datuk?

Main golf, memancing ikan.

Bakat yang Datuk ingin miliki?

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t kerana memberi apa yang ada pada saya sekarang. Sebab, kalau kita sentiasa ingin membandingkan dengan orang lain, kita tentu tidak akan puas hingga akhirnya menyebabkan kita tidak senang hati. Tetapi agama dan pendidikan menyuruh kita supaya bersyukur.

Mungkin ada apa-apa yang Datuk hendak tambah?

Saya harap negeri kita aman damai dan makmur serta politiknya stabil. Saya harap menjelang tahun 2020 negara kita akan dapat merealisasikan impian besarnya — menjadi negara bangsa yang dikagumi. Ini cabaran dan agenda utama generasi hari ini. Dalam konteks Sarawak, dengan aset dan kekayaan yang ada, ini bukanlah sesuatu yang mustahil.



Semua pihak sama ada kerajaan mahupun persatuan sukan memperlihatkan kesungguhan dalam usaha menjadikan Sarawak sebagai kuasa baru dalam bidang sukan.



Y.B. Datin Paduka Hajah Sharifah Mordiah
Tuanku Fauzi

N3 Pantai Damai

WANITA SEJAMBAK BUNGA YANG HARUM

Boleh Datin Paduka ceritakan tentang penglibatan wanita dalam politik Sarawak?

Padapandangan saya, penglibatan wanita Sarawak sungguh menggalakan serta memuaskan dari segi kerja, kesetiaan dan pendirian mereka terhadap politik. Wanita di Sarawak juga boleh dikatakan dapat membezakan antara pemimpin dan masyarakat, selain dapat menilai politik mana yang harus diikuti dan dihormati. Kerana sejak kebelakangan ini, apabila kita mengadakan pilihan raya, kita mendapat sokongan dan undi majoriti daripada kaum wanita. Ini membuktikan bahawa wanita tidak ketinggalan dan menunjukkan kesetiaan mereka pada parti.

Maksud Datin Paduka kesedaran wanita sekarang meningkat?

Ya...ya.

Barangkali Datin Paduka dapat memberi komen atau pandangan

mengenai perubahan yang paling penting atau utama di kalangan kaum wanita di Sarawak dalam tempoh dua dekad yang lalu?

Perubahannya nyata. Wanita Sarawak telah membuktikan bahawa mereka kini sudah mempunyai pandangan yang jauh dan tidak mudah dipengaruhi oleh mana-mana parti politik yang tidak bertanggungjawab walaupun sebahagian daripadanya tidak mengerti. Tetapi, apabila tiba pilihan raya mereka betul-betul menggunakan idea dan pendirian tersendiri untuk membentuk kerajaan yang sentiasa stabil dan makmur.

Jadi, apakah pada pandangan Datin Paduka mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan dari segi sikap?

Salah satu sebab perubahan pemikiran wanita dalam politik ialah sokongan serta kerjasama dan paduan yang ditunjukkan dalam menyumbangkan tenaga kepada pihak

Dalam politik yang mencabar di Sarawak masa hadapan, ciri-ciri penting kepimpinan wanita adalah bergantung pada kefahaman diri mereka dari segi berilmu, keluarga, environment, idea dan mereka perlu berpandangan jauh

kerajaan dan pemimpin-pemimpin. Pada masa kini, kita juga dapat melihat peluang-peluang wanita dalam kepimpinan, kedudukan seperti dalam bidang keagamaan, sosial dan kebudayaan. Saya rasa wanita di Sarawak tidak ketinggalan hanya bergantung kepada kebolehan, kemampuan dan kesanggupan mereka ma-sing-masing.

Sejauh manakah benarnya pandangan yang mengatakan bahawa banyaknya berlaku masalah sosial pada hari ini berpunca daripada hubungan kekeluargaan yang renggang?

Sering kita dengari daripada maklum balas atau berita daripada pemimpin-pemimpin, ketua-ketua masyarakat yang mengatakan bahawa masalah sosial ini bukan sahaja berpunca daripada masalah keluarga atau ibu bapa tetapi ia adalah disebabkan oleh kepesatan pembangunan, kemajuan di sekeliling yang boleh mempengaruhi para belia sampai ke tahap



Dalam era kepesatan pembangunan sekarang wanita sentiasa menerima dan memberi kerjasama untuk meningkatkan sosioekonomi.

Ibu bapa juga diingatkan agar memberi teguran membina dan melayan anak-anak agar mereka tidak lari dari rumah, tetapi di sebaliknya merasakan mereka adalah anak yang disayangi

gejala yang tidak sihat.

Apakah peranan wanita ataupun kaum ibu dalam menangani gejala ini?

Peranan wanita tidak lain dan tidak bukan ialah memberi nasihat, kaunseling dan kami dalam Biro Wanita juga sentiasa menganjurkan pelbagai aktiviti yang boleh memberi sumbangan atau penerangan mengenai tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak mereka supaya dapat membantu kerajaan dalam menangani masalah sosial. Selain itu, kita juga sering mengingatkan ibu bapa agar sentiasa peka terhadap masalah seperti lepak, pengangguran dan sebagainya. Kita memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak untuk sama-sama membanteraskannya.

Mengikut laporan akhbar, gejala belia lepak agak serius di Sarawak khususnya di Kuching. Jadi, pada hemat Datin Paduka apakah peranan ibu bapa dalam mengatasi masalah ini?

Masalah belia lepak ini, kita tidaklah boleh menekankan sangat perkara ini paling ketara atau serius di Sarawak. Ini kerana, kalau kita lihat secara mata kasar memanglah banyak belia duduk di pusat-pusat membeli-belah dan tempat-tempat peranginan, tetapi apabila dikaji secara mendalam maka kita dapati bahawa tidaklah semua mereka ini mengerjakan perkara yang tidak baik malah mereka ingin menukar udara atau merasakan suasana

luar rumah yang menarik. Bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan ada di kalangan mereka melakukan perkara-perkara yang tidak baik dan tidak sopan. Tetapi, kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Sosial sentiasa mengambil berat mengenai masalah ini dan sering menganjurkan pelbagai kursus seperti 'kerjaya', 'bina semangat' selain menambahkan ilmu pengetahuan dalam mempertahankan diri mereka daripada terjebak ke lembah yang tidak diingini. Di samping itu, ibu bapa juga diingatkan agar memberi teguran membina dan melayan anak-anak agar mereka tidak lari dari rumah, tetapi di sebaliknya merasakan mereka adalah anak yang disayangi.

Komen Datin Paduka tentang masalah penyalahgunaan dadah di Sarawak?

Penyalahgunaan dadah di Sarawak tidaklah begitu serius. Hanya

masalah yang perlu dititikberatkan ialah menghidu gam dan menggunakan ubat batuk. Bagaimanapun, kami bagi pihak PEMADAM Negeri sentiasa menganjurkan kursus, kaunseling dan ceramah untuk para belia menerusi pihak-pihak PIBG dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri.

Sarawak begitu pesat membangun Datin Paduka, sudah pasti golongan wanita memberi sumbangan penting dalam pembangunan ini. Apakah komen Datin Paduka tentang perkara ini?

Dalam era kepesatan pembangunan sekarang, memanglah wanita sentiasa menerima dan memberi kerjasama kerana ia boleh meningkatkan sosioekonomi serta memberi peluang kepada wanita yang berkemampuan untuk mendapat kelulusan akademik yang lebih tinggi. Memandangkan masih ada kelemahan, kekurangan dan tidak berkemampuan maka dengan adanya pembangunan ini sedikit sebanyak dapat menyediakan peluang kerja kepada wanita selain boleh menumpukan sepenuh masa kepada kerja-kerja yang baik. Hanya satu yang kita rasa tidak sedap, kerana kalau banyaklah perindustrian diusahakan kita hendaklah sentiasa mencari jalan untuk menitikberatkan aspek kebajikan pekerja-pekerja sebab sesetengah kilang hanya menumpukan pengurusan mereka sahaja, mutu kerja dan barangan keluaran, tetapi tidak ingat bahawa pekerja-pekerja yang berkerja di



Untuk membangunkan sesebuah negeri golongan wanita dan golongan lelaki perlu tolong-menolong dan hormat-menghormati antara satu sama lain.

kilang majoriti ialah kaum wanita. Jadi, yang penting ialah selain melihat dari segi gaji atau elaun, mereka hendaklah sentiasa melindungi dan memberi perhatian terhadap aspek penginapan dan masalah pengangkutan serta kebajikan pekerja-pekerja.

Apakah nasihat Datin Paduka kepada generasi muda wanita kita bagi memungkinkan mereka menangani cabaran akan datang dalam negeri kita menuju zaman perindustrian agar mereka tidak ditenggelami oleh cabaran-cabaran ini?

Selaku pemimpin wanita memanglah saya banyak melihat, merasai dan mengkaji bahawa rintangan-rintangan dan cabaran wanita kita pada masa kini sungguh mencabar. Maka harapan saya semoga wanita-wanita kita ini sentiasa dilengkapi dengan ilmu-ilmu yang dapat menjamin mereka menjadi wanita yang memiliki sifat kepimpinan, yang terpuji. Wanita juga mestilah mempunyai nilai-nilai keagamaan, kebudayaan serta bersifat lemah lembut demi mengelakkan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan imej mereka.

Fenomena penghijrahan wanita dari luar bandar ke bandar tidak semestinya memberi kesan yang baik. Kami difahamkan ada yang terjebak dalam kegiatan pelacuran dan sebagainya. Sejauh manakah seriusnya masalah pelacuran di Sarawak?

Pelacuran di Sarawak tidaklah begitu ketara dan tidak menjadi masalah sangat kerana kita dapat melihat orang yang selalu melibatkan diri dalam kegiatan ini bukanlah golongan luar bandar sahaja, malah kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan yang berada yang dipengaruhi oleh unsur kebendaan, sosial dan layanan yang baik. Jadi, apabila kita lihat fenomena ini ia tidak menjadi persoalan sangat kerana yang penting ialah kaum wanita itu sendiri mesti pandai menjaga imej diri mereka sama ada bertanggungjawab pada diri sendiri dan sayang kepada ibu bapa. Sayang pada ibu bapa bukan bermakna menghantar wang tiap-tiap bulan, tetapi pandai menjaga martabat dan menghormati nama ibu bapa dan keluarga. Jadi, kalau kita fikirkan bahawa masalah wanita



Wanita mempunyai ilmu yang tinggi dan berkebolehan untuk memimpin tetapi biarlah ada sokongan padu daripada lelaki.

luar bandar berhijrah ke bandar menuju tidak tentu, tak mungkin... mungkin orang bandar lebih teruk daripada orang luar bandar. Yang penting ialah sama ada di luar bandarkah, atau di bandarkah yang perlu difikirkan bersama ialah pendidikan. Pendidikan, senjata utama untuk mempertahankan diri.

Politik di Sarawak akan menjadi lebih mencabar lagi. Jadi sudah pasti sehubungan dengan ini kualiti kepimpinan di kalangan wanita juga harus dipertingkatkan. Bagi Datin Paduka, apakah ciri-ciri atau sifat-sifat kepimpinan yang harus ada pada pemimpin wanita masa hadapan?

Dalam politik yang mencabar di Sarawak masa hadapan, ciri-ciri penting kepimpinan wanita adalah bergantung pada kefahaman diri mereka dari segi berilmu, keluarga, environment, idea dan mereka perlu berpancangan jauh. Perkara ini bukan kita bercakap masalah wanita sahaja tetapi kita perlu meninjau juga masalah semua peringkat baik lelaki mahupun wanita. Kerana kalau kita hanya menumpukan perhatian terhadap wanita bermakna kita dapati — ini kerja wanita dan itu kerja lelaki. Tetapi, apabila kita hendak membangunkan sesebuah negeri, kita tidak berfikir bahawa membangun negeri ini wanita buat golongan 'A' dan lelaki buat golongan 'B'. Yang penting ialah tolong-menolong dan hormat-menghormati. Walaupun, wanita mempunyai ilmu yang tinggi dan berkebolehan memimpin tetapi biarlah ada sokongan padu daripada lelaki. Politik bukan

macam pegawai kerajaan seperti bertemuduga dengan satu-satu jabatan atau ketua-ketua jabatan, seorang dengan seorang tetapi politik memerlukan kerjasama dan sokongan. Jadi, apabila kita hendak menjadi pemimpin politik, kita mestilah mempunyai minat, ciri-ciri kepimpinan bukan sahaja diri sendiri bahkan keluarga. Sebab, kadang kala yang menjejaskan kepimpinan kita ialah keluarga dan juga kawan. Jadi, kita memerlukan kepimpinan adalah dari sikap dan bukannya melihat kebendaan. Jika kita melihat kebendaan, kalau tak untung tak jualanlah. Macam bisnes juga. Tetapi politik tidak. Kerana kita mesti mempunyai ciri-ciri yang penting iaitu hormat-menghormati dan patuh kepada ketua serta menggunakan saluran yang betul dan berdisiplin. Saya cakap betul ni... ikhlaslah.

Jumlah wanita sebagai YB atau pemimpin peringkat atasan di Sarawak secara relatif adalah jauh lebih rendah atau sedikit berbanding dengan lelaki. Adakah perlu jumlah YB wanita ini ditambah?

Memang... Perlu.

Mengapa?

Sebabnya, kalau kita lihat dari segi peratusan wanita dan banyak kes atau perkara yang selalu disentuh oleh masyarakat yang mengatakan wanita banyak masalah, banyak terlibat dan wanita banyak itu dan ini... macam-macam. Misalnya, saya sebagai Menteri Hal-Ehwal Wanita, walhal wanita ramai di Sarawak. Tetapi, yang menjadi hal ehwal wanita adalah saya. Hairankan... Sebab, itulah kita mem-

punya macam-macam kerja. Tetapi, tanpa kerjasama orang lelaki mungkin ini tidak boleh berjalannya. Disebabkan kita mempunyai kurang pemimpin wanita, maka agak menyulitkan juga tugas kita kerana macam dianaktirikan. Macam orang lelaki, kalau mereka mempunyai masalah sendiri, mesti mereka selesaikan yang mereka dahulu barulah kita. Bagi saya, walaupun kita tidak mempunyai banyak YB atau pemimpin atasan, tetapi yang penting ialah kesedaran bahawa wanita ini adalah seimbang bunga atau sesuatu yang mudah mengahar, mudah layu dan cepat juga menjejaskan imej kaum wanita. Harapan kita semoga wanita juga diberi kepercayaan untuk memimpin dan penghormatan untuk menjalankan tugas-tugas dalam pelbagai aspek yang termampu. Dengan yang demikian, wanita tidak lemah semangat untuk terus belajar dan melibatkan diri dalam kegiatan yang bermanfaat.

Datuk satu-satunya menteri wanita dalam kabinet Sarawak. Bagaimana perasaan Datin Paduka bekerja di tengah-tengah orang lelaki?

Saya tak berasa apa-apa pun. Sebab, saya apabila duduk dengan menteri-menteri ni kita bercakap mengenai wanita. Mengapa kita bercakap umum. Kalau ada tentang wanita pun, saya berterima kasih kepada ahli-ahli kabinet kita kerana apabila ada masalah wanita saya minta tolong mereka juga. Dari segi perasaan tu 'canggih' sikitlah kerana saya seorang. Tetapi, cabaran memang ada. Kita

boleh lihat, jika kita jadi pemimpin jangan banyak bercakap yang tidak relevan. Kerana dalam kepimpinan, baik lelaki mahupun wanita, sebagai orang Islam kita mesti melihat latar belakang agama juga. Dalam 56 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) saya seorang sahaja wanita. Dan dalam keserongan ini, saya banyak berkorban. Berkorban perasaan.

Sebab?

Sebabnya, rahsialah.

Ada yang mengatakan lebih banyak golongan berpendidikan, intelektual, profesional, korporat wanita dalam PBB lagi baik. Apa komen Datin Paduka?

Saya memang mengalu-alukan kedatangan mereka. Saya rasa memang orang intelektual ini muncul untuk menjadi pemimpin pelapis dan boleh membantu saya dalam mengatasi masalah hal-ehwal wanita dalam pelbagai aspek. Tetapi setakat ini, tidak ada golongan intelektual yang melibatkan terus dalam parti; cuma mereka terlibat aktif apabila ada konvensyen dan pilihan raya. Bagi saya-lah, saya memang tidak ragu-ragu untuk memberi peluang kepada golongan intelektual dan wanita yang mempunyai pengetahuan tinggi untuk melibatkan diri dalam politik dengan syarat mereka betul-betul berminat dalam bidang ini. Bukan melihat dari segi status atau kedudukan jadi YB. Selain itu, disiplin diri dalam politik juga perlu ada kerana kalau betul-betul menggunakan saluran yang baik

saya tak kisah. Dan buat masa ini, saya boleh beri peluang kepada orang lain. Tetapi hendak mewujudkan pemimpin pelapis bukannya perkara senang. Bukan soal diberi peluang. Soalnya, apabila kita mencadangkan satu-satu wanita kita memerlukan sokongan daripada semua pihak. Kalau ada pihak yang tak setuju, tak boleh. Kerana kita mempunyai prinsip, iaitu patuh kepada keputusan parti.

Tugas-tugas Datin Paduka sebagai menteri?

Tugas saya ialah sebagai menteri yang dipertanggungjawabkan dengan masalah kebajikan, hal ehwal wanita, dadah dan sosial.

Pada hemat Datin Paduka apakah agaknya perubahan paling utama atau penting dalam PBB sejak Datuk Patinggi Taib mengambil alih kuasa?

Perubahan paling ketara sejak Datuk Patinggi Taib mengambil alih kuasa memerintah Sarawak ialah kepesatan pembangunan yang lahir daripada ilham politik pembangunan beliau yang banyak mengubah wajah Sarawak. Dari segi kepimpinannya, beliau memanglah seorang pemimpin yang berjaya rakyat serta mempunyai pemikiran yang 'dinamik' dan sungguh mengagumkan. Datuk Patinggi Taib juga pemimpin atau 'arkitek' yang rajin bekerja, dan sentiasa peka dengan masalah kebajikan yang dihadapi oleh rakyat berbilang kaum di negeri ini.

Kami difahamkan anak Datin Paduka berjaya dalam pendidikan. Dan di tengah-tengah kesibukan Datin Paduka sebagai menteri, barangkali Datin Paduka ada rahsia yang dapat dikongsikan?

Saya rasa tidak ada rahsia apa-apa pun. Memang semua wanita yang bergelar 'ibu' tidak dapat lari daripada tanggungjawab untuk mendidik anak-anak. Sebagai seorang isteri, saya sentiasa menunaikan kewajiban sebagai ibu menjaga anak-anak. Paling penting saya amalkan ialah tidak jemu-jemu memberi nasihat dan sering berbincang dengan anak-anak meskipun dalam masa 10 atau 20 minit. Dan saya juga sentiasa memberi kesedaran kepada mereka agar sentiasa menjaga nama baik ibu bapa dan keluarga.



Kerajaan sentiasa menitikberatkan soal pendidikan sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

Y.B. Abdul Wahab Haji Dolah

N30 Matu-Daro

POLITIK PERJUANGAN, POLITIK PEMBANGUNAN DAN PERANAN MEDIA



Politik Pembangunan banyak diperkatakan. Mengikut tanggapan YB, apakah falsafah di sebalik pelaksanaan dasar tersebut?

Lee Kuan Yew pernah berkata sebaik sahaja selepas penubuhan Malaysia, anda mendapatkan kemerdekaan dengan perjuangan politik. Menerusi politik anda mendapatkan kebebasan, perpaduan antara kaum, peluang, keamanan dan kemakmuran. Sebenarnya, keadaan ini berlaku hanya pada dekad 60-an, apa yang diistilahkan sebagai politik perjuangan. Banyak parti yang dulunya cenderung kepada politik perjuangan sudah mengalihkan kecenderungan mereka kepada *trend* perjuangan politik yang lain.

Jadi, politik stail itu sudah lapuk,

sudah ketinggalan zaman?

Politik perjuangan adalah politik era 60-an. Era itu sudah berlalu dan kini perjuangan politik bukan lagi bersifat tuntutan. Ia lebih mengarah kepada aspek memajukan rakyat dan negara. Ia adalah Politik Pembangunan. Namun ramai ahli politik mempunyai persepsi yang berbeza tentang hal ini. Apabila mereka bercakap tentang pembangunan negeri, mereka akan hanya menganggap pembangunan untuk Sarawak dalam aspek yang sempit. Apabila anda bercakap tentang pembangunan ekonomi khususnya, anda adalah bercakap tentang sesuatu yang menjangkau di luar Sarawak. Contohnya sagu. Apabila anda bercakap tentang industri sagu, tentulah kita tidak bercakap tentang pasarannya di Sarawak sahaja. Tetapi

kita juga bercakap tentang pasarannya ke luar negara, untuk dijual ke Jepun, China... di luar garis sempadan negara. Kalau anda bercakap tentang pasaran sagu di Sarawak, tentulah tidak ada apa-apa. Sebelum ini orang Melanau memproses lemantak, menjadi sagu dan biskut 'tebaloi' untuk dijual dan dimakan. Itu saja.

Maksud YB Politik Pembangunan itu menjangkau skop yang lebih luas?

Politik pembangunan ialah usaha untuk memberi tumpuan kepada pembangunan seperti yang saya sebutkan tadi. Kita memberi tumpuan kepada usaha, perhatian, kepakaran dan seluruh tenaga untuk pembangunan negara. Bukan seperti politik perjuangan, yang menuntut untuk mendapatkan lebih banyak kemudahan infrastruktur, peruntukan untuk pembangunan dan peluang perniagaan.

Apabila anda bercakap tentang sumber, bukan sahaja sumber fizikal dan sumber asli yang menjadi tumpuan. Sumber pada masa ini ialah tenaga manusia, latihan kemahiran profesional, teknologi maklumat. Di Singapura, sumber yang paling utama ialah tenaga manusia. Kerajaan Singapura memberi latihan yang secukupnya kepada rakyatnya. Tanpa latihan yang sistematik, mendedahkan tenaga manusia kepada teknologi moden, kita tidak dapat melahirkan tenaga mahir dan profesional untuk membangunkan negara. Maka politik kita hendaklah memberi tumpuan kepada usaha membangunkan negara.

Kestabilan politik amat penting

dalam memastikan hasrat dasar Politik Pembangunan tercapai. Langkah untuk memastikan kestabilan politik dapat diwujudkan?

Yang penting ialah para pemimpin hendaklah keluar daripada godaan untuk menjadi hero. Dalam politik perjuangan, mudah bagi seseorang untuk melaukan aspek itu dan ini... untuk menjadi hero. Anda tidak perlu menjadi hero, melaukan slogan yang bukan-bukan sehingga rakyat kurang faham tentangnya. Dalam aspek politik pembangunan, rakyat perlu diberi penjelasan secukupnya (*well informed*) tentang usaha-usaha kerajaan. Kita perlu melahirkan masyarakat yang bermaklumat. Mereka hendaklah diberikan penjelasan secukupnya tentang dasar, rancangan dan apa yang hendak kita laksanakan. Apabila kita ada program untuk membangunkan sesuatu tempat, rakyat hendaklah diberikan penjelasan secukupnya agar mereka faham tentang manfaat dan faedah yang akan mereka perolehi. Jika tidak, maka akan wujudlah berlainan fahaman yang boleh memecahbelahkan rakyat. Meskipun mereka tidak bersetuju, bukan bermakna mereka tidak menerima rancangan pembangunan kerajaan. Tidak bersetuju mungkin kerana rakyat tidak faham akan program yang akan dilaksanakan dan faedah yang boleh mereka nikmati. Dalam hal ini, masih ada peluang untuk kita memberi penjelasan dan ruang untuk perbincangan. Melalui ini rakyat akan mengutarakan pandangan dan pendapat mereka. Jadi jika rakyat diberi penjelasan secukupnya, kita tidak perlu hero lagi. Hero akan hanya wujud apabila timbulnya emosi. Apa yang anda cakap dan buat semuanya berlandaskan atau dipengaruhi oleh emosi, tanpa alasan dan sebab kukuh. Misal kata, sugu, apabila rakyat sudah diberikan penjelasan secukupnya tentang faedah dan manfaat serta potensi industri sugu, mereka akan menerima. Ini adalah salah satu unsur kestabilan.

Bagaimana dengan wujudnya parti-parti pembangkang di Sarawak. Ini tentulah tidak dapat menstabilkan keadaan politik dalam negeri?

Apa yang saya lihat ialah tidak wujudnya mana-mana parti politik yang boleh mengubah falsafah parti

yang memerintah. Apa yang mereka perjuangkan tidak lebih daripada 'pencelahan' atau gangguan. Sebagai contoh, parti Warisan, Negara dan DAP yang cuba untuk memperjuangkan nasib rakyat luar bandar, ini hanyalah 'gangguan' dan bukan usaha yang bersungguh-sungguh untuk menukarkan falsafah perjuangan parti memerintah. Dasar kerajaan tidak perlu diubah. Ini boleh dilakukan dengan mengutarakan pendapat dan pandangan secara terbuka menerusi saluran yang betul dan secara profesional. Sebagai contoh, kerajaan pusat menubuhkan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa. Ini adalah hasil reaksi daripada beberapa pihak di negeri-negeri sebelah Utara Semenanjung, meskipun PAS dan Arqam tidak berada dalam kerajaan. Berdasarkan keadaan sekarang, dasar kerajaan kita nampak lebih Islamik.

Dalam konteks Sarawak pula, bagaimana YB melihat 'gangguan' parti pembangkang.

Di Sarawak, tidak wujudnya protes. Apa yang ada hanyalah gangguan. Saya berpendapat, hanya menerusi penjelasan yang cukup dapat mengurangkan kerosakan gangguan ini. Apabila anda membina jalan raya di satu kawasan, memang ada yang membantah. Ada yang mengkritik. Tetapi apabila jalan raya sudah siap

dibina, mereka yang membantah tadi yang turut menggunakannya. Jadi selepas dibina, mereka diam kerana tahu akan manfaat yang diperolehi.

Tetapi apabila Permas dibentuk untuk mencabar parti memerintah dulu, itu adalah pembangkang. Sebab mereka berupaya mempengaruhi satu jumlah penyokong yang cuba hendak menentang parti yang memerintah. Tetapi sekarang saya rasa keadaan itu tidak wujud dan kita adalah stabil.

Faktor yang membawa kepada peristiwa Ming Court?

Bagi saya, puncanya ialah keyakinan di kalangan sekelompok manusia. Mereka yakin bahawa Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud tidak mampu memerintah seperti mana Tun Rahman. Mereka juga yakin boleh mencabar dan menggulingkan Datuk Taib. Maka kerana itu mereka *make the move*. Kalau hendak lihat dari segi perbezaan falsafah, saya rasa itu bukan sebabnya. Apa yang Permas perjuangkan? Apa yang PBB perjuangkan? Sama. Dan apabila sebilangan pemimpin keluar dari PBB untuk berjuang dalam Permas, falsafah mereka tidak berbeza.

Apa pendapat YB yang menyatakan sesetengah YB kita lapar?

I think that is too simplistic. How



Apabila kita ada program untuk membangunkan sesuatu tempat, rakyat hendaklah diberikan penjelasan secukupnya agar mereka faham tentang manfaat dan faedah yang akan mereka perolehi.

much money do they need? Greed may be.

Boleh YB huraikan maksud tamak itu?

Ya, sesetengah pemimpin sudah serasi dengan stail Tun Rahman. Mereka bukan lapar. Kalau lapar, maksudnya mereka tak cukup untuk survive, tak ada langsung. Mereka cukup. Saya yakin mereka ini ada wang, tetapi mereka mahu lebih. Jadi apabila mereka mahu lebih daripada apa yang mereka perlukan, ini maknanya tamak.

Komen YB tentang pencapaian Ketua Menteri.

Pencapaian yang paling besar ialah kejayaan beliau mengubah tumpuan bukan sahaja ahli politik malah kakitangan kerajaan untuk memberi perhatian kepada pembangunan dan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan. Apa yang kita rancang dan laksanakan semuanya tentang pembangunan dan fokus kita tidak lain ialah untuk pembangunan rakyat dan negara. Kita tidak lagi bercakap tentang perjuangan. Sekarang apabila kita bercakap tentang pembangunan, kita tidak bercakap tentang pembangunan infrastruktur yang asas. Kita bercakap lebih daripada itu. Kita bercakap tentang pembangunan yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi. Pemikiran kita sudah berubah. Kita juga harus melihat pembangunan yang dicapai oleh negara lain di peringkat antarabangsa dan bagaimana kita dapat memainkan peranan dalam perkembangan ekonomi antarabangsa dan mengambil peluang yang wujud daripadanya. Kita tidak lagi bercakap tentang pembinaan hospital sebagai objektif utama, tetapi menjurus kepada pelaburan.

Maksud YB ahli politik kita sekarang jauh berbeza daripada ahli politik zaman lampau?

Ahli politik kita dan kakitangan kerajaan sudah membuka minda mereka untuk mengetahui hal yang lebih luas dan global sifatnya. Mereka mengikuti perkembangan di luar negara. Jadi, objektif menyeluruh kita ialah untuk memajukan negara supaya taraf kehidupan rakyat turut meningkat. Dengan perubahan pemikiran, kita dapat melihat banyak pem-

angunan fizikal menjelma... kilang, timber processing, plantation dan pelbagai jenis pelaburan baru. Ini saling berkait rapat dengan perubahan pemikiran. Apabila pelabur asing melihat sudah ada perubahan sikap dan pemikiran di kalangan rakyat, mereka tidak ragu-ragu untuk menanam modal. Dalam hal ini kerajaan memainkan peranan dalam mengubah sikap dan pemikiran itu. Saya rasa inilah pencapaian paling besar

Kita tidak lagi bercakap tentang perjuangan. Sekarang apabila kita bercakap tentang pembangunan, kita tidak bercakap tentang pembangunan infrastruktur yang asas. Kita bercakap lebih daripada itu. Kita bercakap tentang pembangunan yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi. Pemikiran kita sudah berubah. Kita juga harus melihat pembangunan yang dicapai oleh negara lain di peringkat antarabangsa dan bagaimana kita dapat memainkan peranan dalam perkembangan ekonomi antarabangsa dan mengambil peluang yang wujud daripadanya

Ketua Menteri kita.

Langkah membawa Bumiputera ke dalam arus pembangunan?

Pertama sekali kita perlu mengenali pasti masalah di luar bandar. Masalah utama ialah penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar, meninggalkan hanya golongan tua dan yang terlalu muda. Penghijrahan ini berlaku kerana tidak ada peluang di luar bandar. Generasi yang berhijrah itu mendapati di kampung tidak ada pekerjaan. Dengan keadaan kampung

yang lengang (*deserted*), tanah yang tidak subur, sukar bagi kerajaan membangunkan kawasan terabit. Jadi sekarang kerajaan telah *generalise the* konsep pembangunan di kawasan tertentu. Sebagai contoh Mukah. Di Mukah yang banyak sagu, kita perluaskan bidang pemprosesan dengan mewujudkan peluang pelaburan dalam industri sagu. Untuk memperhebatkan industri sagu, kita memerlukan infrastruktur dan kemudahan awam. Kerajaan membina jalan raya, membekalkan air dan elektrik. Jadi, di samping mengusahakan industri sagu dan membawa masuk teknologi bagi membangunkan industri itu, pada masa yang sama kita dapat menyediakan kemudahan infrastruktur kepada penduduk. Jadi apabila anda memajukan kawasan terabit, menyediakannya dengan banyak peluang kemudahan awam dan infrastruktur, generasi muda akan kembali ke kampung mereka. Ini adalah salah satu strategi kita di kawasan luar bandar. Kita membangunkan luar bandar berdasarkan potensi dan sumber yang terdapat di kawasan terabit, termasuk kegiatan hiliran dan hulu. Kita dapat mengatasi masalah penghijrahan.

Kesinambungan kepimpinan dalam PBB?

Kesinambungan bermakna seseorang pemimpin yang akan meneruskan 'perjuangan' perlu memahami pemikiran dan falsafah pemimpin. Sesiapa pun boleh mengambil alih kepimpinan esok lusa. Sebagai contoh, apakah keutamaan kepimpinan sekarang sejauh yang berkaitan dengan aspek pembangunan? Mereka pasti memahami dan menghayatinya. Hanya dengan memahaminya, barulah dia dapat menyambung perjuangan, dasar dan falsafah pemimpin sekarang apabila dia mengambil alih pemerintahan. Jika dia tidak faham, bagaimana mungkin dia dapat mengambil alih pemerintahan. Sebagai contoh jalan raya. Anda tidak dapat menyambung pembinaan jalan raya sekiranya anda tidak faham matlamat dan tujuan pembinaan jalan raya itu.

Selain memahami dasar dan falsafah, apakah kriteria lain bagi seseorang pemimpin masa depan?

He must be development-oriented... economic development

oriented. Pemimpin bukanlah 'penyenggara'. Seseorang pemimpin mestilah tahu akan pembangunan secara menyeluruh dan 'holistic'. Bukan sahaja di dalam negeri, malah pembangunan di luar negara. Dia harus tahu mengambil kesempatan untuk memajukan negeri berdasarkan pembangunan di peringkat antarabangsa. Dalam konteks industri kanji, kita lihat sekiranya pembangunan di negara lain menjurus kepada industri ini, maka kita majukan industri sagu.

Agenda dan cabaran PBB dalam dekad akan datang?

Bagi saya, agenda utama ialah untuk membangunkan negeri ini mendahului negeri lain, membangunkan negara ini mendahului negara lain. Khususnya dalam bidang ekonomi. Kenapa kita perlu di hadapan negeri lain? Supaya pelaburan asing mudah dibawa masuk. Jika kita ke hadapan dalam bidang pembangunan infrastruktur, latihan kemahiran untuk tenaga kerja, perkhidmatan yang baik, pelaburan asing akan datang. Lebih banyak pelaburan asing, lebih banyak pembangunan dan meningkatnya taraf kehidupan. Pada masa yang sama, kita hendaklah mengenal pasti segala rintangan dan permasalahan, serta menggunakan segala sumber yang ada untuk mengatasinya.

Peranan media massa dalam mengubah pemikiran rakyat?

Bukan mengubah. Peranan me-



dia massa bukan untuk mengubah tetapi memberitahu. Mengubah maksudnya kita menjadikan media massa sebagai alat propaganda. Jika timbulnya unsur propaganda, maka wujudnya soal emosi. Ini bukan peranan media massa kita. Kita tidak mengubah persepsi rakyat secara emosi, tetapi mengubah pemikiran mereka dengan mendedahkan maklumat secukupnya. Kita mahu melahirkan masyarakat bermaklumat dengan memberi penjelasan yang secukupnya menerusi media massa. Kita beri penjelasan secara terperinci tentang hasrat dan matlamat projek-projek pembangunan kerajaan. Di samping itu, peranan media ialah mendedahkan

peluang-peluang pelaburan, potensi negeri kita dan sumber-sumber yang boleh dimajukan. Kita juga perlu memaparkan halangan jika mereka membabitkan diri dalam satu-satu jenis pelaburan. Menerusi media, pelabur asing dapat tahu akan peluang dan potensi yang ada dan jika mereka mahu melibatkan diri dalam pelaburan, mereka juga akan tahu bagaimana menghadapi rintangan dan menyelesaikan masalah. Anda harus tahu bahawa jika orang asing datang ke negeri kita, sumber pertama sekali mereka mendapat maklumat ialah menerusi media massa. Mereka membaca akhbar. Secara asasnya, peranan media ialah untuk memberitahu. Memberitahu rakyat, pelabur dan sebagainya. Singkatnya, akhbar adalah sumber maklumat.

Adakah YB berpuas hati dengan kualiti akhbar di Sarawak?

Berpuas hati... apa maksud anda? Buat masa ini, ya, saya puas hati. Tetapi sama ada saya puas hati esok, saya tidak pasti. Mungkin tidak. Namun begitu, saya berpuas hati dengan trend akhbar sekarang, sentiasa ingin maju dan berkembang serta meningkatkan kualiti.

Langkah untuk meningkatkan kualiti akhbar di Sarawak?

Bidang penerbitan akhbar dewasa ini banyak berubah. Ia berubah mengikut perkembangan teknologi yang ada. Jadi kita menggunakan teknologi baru dan terkini untuk meningkatkan kualiti penerbitan, penyebaran berita, edaran dan sebagainya. Negara kita amat bertuah kerana cepat menerima kemasan teknologi baru dalam bidang penerbitan dan percetakan. Apa yang berlaku di Afghanistan, Nigeria, perkembangan media massa di negara berkenaan lambat kerana tiadanya teknologi. Dengan teknologi juga kita mudah menerima berita dari luar negara. Apa yang berlaku di Eropah, beritanya dapat dibaca awal pagi esok dengan gambarnya sekali.

Definisi YB tentang kualiti dalam konteks akhbar di Sarawak?

Kualiti bermaksud cara isu dan maklumat disampaikan. Atau diperdebatkan. Misalnya, sekiranya berlaku kejadian besar di sekitar kita, bagaimana kita menyampaikannya,



Lebih banyak pelaburan asing, lebih banyak pembangunan dan meningkatnya taraf kehidupan.



Kita mahu melahirkan masyarakat bermaklumat dengan memberi penjelasan yang secukupnya menerusi media massa.

sama ada kita hanya melapor, menganalisis atau memberitahu. Apakah pendekatan sesebuah akhbar itu? Kalau akhbar itu hanya melapor, ia mungkin belum dianggap berkualiti. Akhbar harus juga memberitahu dan menganalisis di samping wadah bagi pembaca berdebat tentang isu berbangkit.

Bagaimana YB melihat potensi akhbar Bahasa Malaysia di Sarawak?

Great.

Mengapa YB berkata demikian?

Sebab orang yang membaca akhbar Bahasa Malaysia terdiri daripada pelbagai peringkat masyarakat daripada petani hinggalah profesor. Akhbar nasional cuba *generalise* pasaran dengan liputan yang bersifat nasional. Jika anda *cover national angle*, anda perlu melihat daripada aspek yang luas. Akhbar nasional tidak dapat meliputi setiap penjurii, setiap orang. Di Sarawak, ada keperluan bagi sekelompok anggota masyarakat untuk diberitahu. Dan terdapat segelintir lagi yang memerlukan bahan bacaan bercorak hiburan. Hal ini tidak terdapat dalam akhbar nasional. Jadi pendekatan kita hendaklah berlainan dengan tumpuan kepada persoalan setempat, di samping nasional dan antarabangsa. Sebagai contoh, penduduk di Samarahan, Matu Daro, keinginan mereka berlainan dengan

penduduk kota. Maka minat mereka terhadap isu juga berlainan. Golongan penjaja, suri rumah, petani, mereka mahu membawa bidang yang ada kaitan dengan mereka. Jadi, kita liputi aspek begini, yang tidak diperolehi di akhbar nasional yang terlalu general. Pelajar kita pula mempunyai selera yang berbeza.

Fokus akhbar Bahasa Malaysia?

Pertama sekali kita hendaklah mengenal pasti kelompok sasaran. Siapa yang membaca akhbar kita? Mereka mungkin penjaja, pelajar, pekerja kilang, kakitangan kerajaan, dan sebagainya. Jadi kita hendaklah meliputi perkara yang berlaku yang ada kaitannya dengan mereka.

Apakah perubahan signifikan di kalangan Bumiputera, khususnya dalam aspek sosioekonomi?

Bumiputera ada dua kategori. Satu yang tinggal di kampung. Kategori kedua ialah Bumiputera yang tinggal di bandar. Bumiputera di bandar juga ada dua kategori. Satu yang bekerja sebagai kuli, pekerja kilang, kakitangan kerajaan. Yang satu lagi ialah yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Yang berpendidikan tinggi tentulah boleh berada setaraf dengan yang bukan Bumiputera. Kita ada jurutera Melayu, Melanau, Iban dan sebagainya. Manakala Bumiputera luar bandar yang bekerja di bandar yang mempunyai per-

dapatan tetap, lebih baik kehidupan mereka daripada yang 'ketinggalan' di luar bandar kerana hanya bergantung kepada pertanian dan menangkap ikan. Namun begitu, aliran sekarang ialah lebih ramai generasi muda memasuki pasaran buruh berbanding generasi tua. Dewasa ini juga lebih ramai bumiputera yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan, bekerja secara berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada subsidi kerajaan berbanding tahun 70-an. Kalau dulu, jika bumiputera kita terbahit dalam sektor pembinaan, mereka sering terfikir untuk mendapat layanan istimewa. Ahli perniagaan bumiputera yang baru mempunyai pemikiran yang berbeza. Mereka semakin bergantung kepada bantuan kerajaan dari segi subsidi, layanan dan perlesenan.

Bagaimana YB melihat peranan golongan korporat dalam PBB?

Jika anda mahu menjemput pelabur asing menanam modal dalam negeri kita, golongan yang paling layak duduk berbingang dengan mereka ialah pemimpin korporat. Kehadiran golongan korporat penting. Untuk memperkukuhkan PBB, saya rasa kita perlukan golongan yang benar-benar ahli politik dan korporat. Kita tentulah memerlukan golongan profesional, golongan pendidik, pakar pertanian, perniagaan dan sebagainya. Kita tidak dapat mempersempit pandangan kita seolah-olah orang politik sahaja dipentingkan.

Pertama sekali kita hendaklah mengenal pasti kelompok sasaran. Siapa yang membaca akhbar kita? Mereka mungkin penjaja, pelajar, pekerja kilang, kakitangan kerajaan, dan sebagainya. Jadi kita hendaklah meliputi perkara yang berlaku yang ada kaitannya dengan mereka

Y.B. Awang Tengah Ali Hassan

N56 Lawas

POLITIK WAHANA MENYATU-PADUKAN RAKYAT

Bagaimanakah YB terbabit dalam politik?

Sebelum itu saya berkhidmat sebagai pegawai kerajaan dan lebih cenderung berperanan di belakang tabir. Pembabit saya secara langsung adalah dengan kebetulan sahaja. Seperti dalam pilihan raya 1987. Pada waktu itu kita menghadapi masalah politik dan ramai ahli politik veteran menyebelahi pihak pembangkang. Jadi saya rasa mereka mencari seseorang sebagai pengganti.

Mengapa agaknya YB dapat mengalahkan calon lawan?

Bukan berkaitan dengan soal peribadi. Yang membawa kejayaan kepada saya semasa melibatkan diri di dalam politik dalam tahun 1987 ialah kesedaran rakyat itu sendiri. Itu yang penting. Sebab kita bertanding melalui tiket Barisan Nasional. Rakyat telah merasa bahawa pemerintahan BN telah membawa kestabilan politik dan pembangunan. Mereka berpendapat betapa perlunya kesinambungan dan penerusan dari segi pemerintahan. Itu adalah faktor yang penting dalam kejayaan saya.

Yang memuaskan hati saya sebagai wakil rakyat ialah; rakyat sentiasa bersatu, mempunyai sikap yang positif, mahu berubah. Tidak ada sikap berpura-pura. Ini yang memberi kepuasan kepada kita



Apakah prinsip dan falsafah perjuangan politik YB?

Bagi saya mudah saja. Moga-moga saya dapat menjalankan tugas dengan baik, adil dan jujur. Bagi saya keadilan adalah penting semasa kita menjalankan tugas. Itulah menjadi falsafah perjuangan politik saya.

Bagaimana pula kekecewaan?

Tiada perpaduan di kalangan rakyat, sikap mahu tumbang-menumbang, berpura-pura, tikam menikam dari belakang. Jika itu wujud, sudah tentu membuatkan saya kecewa.

Ada rakyat di sesetengah kawasan menaruh harapan terlalu tinggi terhadap wakil rakyat. Bagaimana pula keadaan YB?

Memanglah, jika mereka sudah memilih wakil mereka, lebih-lebih lagi ia datang daripada sebuah parti yang besar dan kuat. Sudah tentu rakyat menaruh harapan yang tinggi. Saya rasa apa yang penting ialah usaha

untuk merealisasikan segala harapan. Bukan sahaja bergantung kepada YB itu sendiri; yang penting ialah rakyat harus bekerjasama dan mempunyai sikap yang positif. Jika kita mempunyai rakyat yang bekerjasama, rakyat yang mempunyai sikap yang positif, yang ada motivasi, yang ada daya usaha untuk maju, dapat bersatu padu dan dapat berbincang dan merancang, ini sudah tentu dapat meringankan tugas-tugas wakil rakyat. Kalau perkara begini wujud saya penuh yakin kita dapat mencapai sesuatu. Walaupun tidak semua harapan itu dicapai. Hendak memenuhi semua harapan itu memang agak sukarlah. Tetapi setidaknya kita dapat menggerakkan dan mencapai matlamat yang dicita-citakan itu dengan secara berperingkat-peringkat.

Kata orang sebagai wakil rakyat banyak kepuasan. Kepuasan melihat rakyat maju, kepuasan menyaksikan pembangunan dan

sebagainya. Apakah kepuasan YB sebagai wakil rakyat?

Yang memuaskan hati saya sebagai wakil rakyat ialah: rakyat sentiasa bersatu, mempunyai sikap yang positif, mahu berubah. Tidak ada sikap berpura-pura. Ini yang memberi kepuasan kepada kita.

Dapatkah YB jelaskan secara ringkas masalah yang dihadapi di kawasan YB?

Saya rasa kalau kita hendak bercakap mengenai masalah; masalah memang banyak. Tetapi yang penting bukanlah masalah itu yang sebenarnya. Yang penting ialah bagaimana kita dapat menggembelngkan tenaga. Bagaimana kita dapat mengukuhkan kerjasama di antara satu dengan yang lain. Melalui usaha seperti ini banyak masalah yang timbul dan dihadapi oleh rakyat dapat diselesaikan.

Kami difahamkan banyak pembangunan telah dilaksanakan di kawasan YB. Tentu YB dapat menyatakannya beberapa daripadanya?

Mengenai pembangunan, pembangunan yang sedia ada dan yang akan dijalankan cukup memberi kepuasan. Saya ingin bahagikan kepada dua; satu pembangunan fizikal seperti infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas. Nampaknya agak memuaskan walaupun masih ada lagi yang patut dijalankan. Dan keduanya; pembangunan kerohanian nampaknya berkembang dengan baik. Yang jelas adalah dari segi sikap. Sikap rakyat pun sudah jauh berubah. Ini mungkin disebabkan oleh perkembangan pendidikan dan sebagainya. Jadi, dari segi pendidikan, perkembangannya begitu ketara sekali. Kita lihat sekolah-sekolah di mana-mana. Cuma perlu dipertingkatkan, lebih-lebih lagi dari segi pembangunan ekonomi. Setelah selesainya kita melalui pembangunan infrastruktur dan sikap rakyat, pembangunan ekonomi akan dapat berjalan dengan baik. Jadi kerajaan telah pun merancang untuk membawa pembangunan pertanian secara ladang di Lawas dan juga pembangunan industri yang berasaskan kayu-kayan dan pertanian. Dengan adanya pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas seperti yang kita rancang pada hari ini ia akan

lebih cepat berkembang. Faktor yang penting ialah pembangunan sikap rakyat, sebab rakyat itulah yang mendukung sama ada berjaya atau tidaknya pembangunan yang kita rancang. Jadi rakyat perlu mengubah sikap. Dulunya rakyat suka mengharapkan pekerjaan di dalam perkhidmatan awam walaupun sebagai budak pejabat ataupun kerani. Hari ini dengan adanya perubahan-perubahan dan penglibatan pihak swasta yang begitu ketara sekali dalam pembangunan ekonomi, mereka mula mengubah sikap. Jadi rakyat kita harus mengubah sikap untuk melibatkan diri dalam pekerjaan yang dipelopori oleh pihak swasta dalam perladangan, perindustrian dan seumpamanya. Kalau rakyat masih bersikap ingin bekerja dalam perkhidmatan awam walaupun sebagai budak pejabat dan kerani kita tidak akan dapat membawa kemajuan dalam sektor ekonomi. Jadi rakyat perlu berubah.

Komen YB tentang politik pembangunan dan sekaligus pencapaian YAB Ketua Menteri yang mengagumkan dalam konteks Sarawak?

Politik pembangunan ialah satu falsafah yang begitu baik dalam politik. Ia dapat menyatu-padukan rakyat; rakyat tidak lagi berpolitik. Mereka tidak lagi terबाwa-bawa oleh politik perkauman, keagamaan ataupun politik yang berasaskan nasionalisme yang sempit. Dengan adanya politik pembangunan kita dapat mengubah

corak falsafah politik itu. Menjadikannya sebagai satu wahana untuk menyatu-padukan rakyat. Jadi politik adalah sebagai wahana untuk mengubah sikap dan menggembelng tenaga untuk pembangunan dan kebajikan rakyat. Politik dapat dikurangkan. Sebenarnya politik pembangunan ialah penggerak kepada pembangunan. Politik bagi mengisi erti kemerdekaan yang sebenarnya.

Pencapaian Ketua Menteri yang mengagumkan YB?

Yang mengagumkan ialah; kepercayaan YAB Ketua Menteri menyatu-padukan rakyat dengan lebih erat lagi. Yang ketara setelah beliau menjadi Ketua Menteri, beliau telah mengubah falsafah politik. Itulah sebabnya beliau menjadikan politik pembangunan sebagai asas kepada perjuangan politik di negeri ini. Jadi dengan adanya politik yang demikian, rakyat dapat bersatu padu. Dengan adanya perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat politik akan stabil. Dengan adanya kestabilan politik keadaan keselamatan kita begitu terjamin dan kerajaan pun menjadi teguh. Kerajaan akan dapat menumpukan sepenuh masa dan tenaga untuk memikirkan kebajikan rakyat dan juga aspek pembangunan yang lain. Sekarang ini, bukan sahaja Kuching, Sibul, Miri, dan Bintulu malah bandar-bandar lain pun telah berkembang dengan pesatnya. Termasuklah bandar seperti Mukah. Malahan di luar-luar



Politik pembangunan ialah satu falsafah yang dapat menyatu-padukan rakyat kerana mereka tidak lagi terबाwa-bawa oleh politik perkauman, keagamaan ataupun politik yang berasaskan nasionalisme yang sempit.



Menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan jujur serta komitmen yang tinggi berasaskan keadilan dan tahu menyenangi masalah rakyat adalah ciri-ciri seorang pemimpin yang berjaya.

bandar projek pembangunan sudah dapat dilaksanakan dan diterima oleh rakyat dan rakyat terus melibatkan diri. Ini disebabkan oleh politik pembangunan. Rakyat telah dapat menghayati erti politik yang sebenarnya. Dulu politik seolah-olah dipergunakan hanya untuk mendapatkan kuasa dan oleh itu soal perkauman dibangkitkan. Setelah mendapat kuasa tidak ada yang dapat dibuat. Satu kaum berasa curiga terhadap kaum lain. Timbullah perpecahan, jadi tidak ada kestabilan. Pada hari ini tidak ada perasaan syak wasangka di antara satu dengan yang lain. YAB Ketua Menteri kita mengelak politik perkauman. Bagi saya kejayaan beliau banyak dan amat mengagumkan.

Adakah itu yang menyebabkan Ketua Menteri dapat diterima oleh semua hingga beliau dapat bertahan lebih daripada 13 tahun?

Itulah sebabnya YAB Ketua Menteri dapat kekal lama sebagai Ketua Menteri. Sekarang sudah 13 tahun menjadi Ketua Menteri. Dan kita masih memerlukan perkhidmatan beliau sebagai Ketua Menteri. Beliau dapat diterima oleh semua kaum kerana beliau tidak menggunakan politik sebagai asas untuk berkuasa sahaja. Tetapi politik digunakan untuk menubuh kerajaan yang kuat; kerajaan yang benar-benar dapat memberi per-

khidmatan untuk masyarakat, Negeri dan Negara.

YB tentu mempunyai impian terhadap kawasan. Bagaimanakah YB melihat kawasan YB pada masa yang akan datang? Maksudnya, wawasan ataupun visi YB bagaimana?

Saya ingin melihat pembangunan yang seimbang dapat terus dilaksanakan. Pembangunan fizikal, pembangunan ekonomi, pembangunan sikap, dan pembangunan kerohanian. Dan rakyat berasa puas dan tidak ada pengangguran. Sekiranya ada pembangunan tetapi rakyat tidak dapat melibatkan diri secara langsung, itu pun satu masalah juga. Untuk membolehkan rakyat melibatkan diri secara langsung mereka perlu mengubah sikap. Jika perlu mereka harus mempertingkatkan kemahiran mereka. Sekarang ini di seluruh dunia teknologi telah berkembang dengan pesat. Rakyat perlu berubah, perlu memahirkan diri mereka, perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka. Jadi sekiranya ada perkembangan di kawasan Lawas dari segi ekonomi dan sebagainya; dengan adanya kemahiran, ilmu pengetahuan yang tinggi rakyat dapat melibatkan diri secara total. Saya khuatir, walaupun ada pembangunan jika rakyat tidak bersedia, tidak ada makna. Kerana rakyat tidak

dapat melibatkan diri; mereka akan menjadi penganggur. Apabila pengangguran berlaku akan wujud masalah-masalah sosial. Biarlah pembangunan yang sedang rancang berjalan ini dapat diselaraskan dengan pembangunan sikap manusia. Supaya mereka benar-benar dapat terlibat langsung. Mudah-mudahan dapat kita laksanakan.

Ada tak peristiwa yang tidak dapat dilupai sebagai ahli politik?

Bagi saya tidak banyak peristiwa yang ganjil. Tetapi sebagai ahli politik peristiwa yang tidak dapat saya lupakan ialah semasa saya mula dipilih untuk menjadi calon pada tahun 1987. Kerana saya tahu kalau saya dipilih dalam pilihan raya dan berjaya bererti saya terpaksa berubah. Berubah disebabkan oleh tanggungjawab, berubah disebabkan oleh harapan rakyat. Mulai saat itu perubahan akan berlaku sebab kalau sudah berjaya dalam pilihan raya saya mengangap diri saya bukan hanya untuk keluarga tetapi untuk rakyat.

Bukan setiap orang boleh menjadi YB. YB perlu memiliki ciri-ciri tertentu. Kayu ukur sebagai wakil rakyat yang unggul atau ideal?

Saya rasa agak sukar juga untuk menentukan apakah kriteria untuk menjadi wakil rakyat. Bagi saya yang penting ialah kejujuran dan keikhlasan. Sanggup menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan komitmen yang tinggi berasaskan keadilan. Dan tahu menyenangi masalah rakyat, bukan saja pada satu lapisan masyarakat tetapi semua lapisan masyarakat.

Bagaimana cara YB menyenangi masalah rakyat?

Sekarang ini kita agak bernasib baik sebab rakyat kita ingin berterus terang. Tidak mahu berselindung kalau dia ada masalah. Kadang-kadang melalui perjumpaan-perjumpaan mereka berterus terang. Semasa kita berjalan-jalan pun mereka datang berjumpa dengan kita. Mereka berterus terang. Jadi dengan sikap begini agak mudah untuk kita mengetahui masalah-masalah mereka. Yang penting kita dapat mengetahui masalah mereka. Rakyat sudah jauh berubah, mereka sudah suka berterus terang tentang masalah-masalah mereka. Jadi untuk menyen-

lami lagi masalah mereka ini kita perlu berdamang dengan lebih rapat. Kalau kita hendak melakukan sesuatu pun kita perlu berterus-terang, memberi sebab kenapa sesuatu itu dilakukan begitu-begitu.

Sesudah menjadi wakil rakyat lebih kurang 7 tahun apakah kesimpulan YB tentang arena politik di Sarawak?

Bagi saya arena politik di Sarawak sudah jauh berubah. Pertama, politik itu tidak lagi berasaskan perkara remeh-temeh. Sekarang ini politik telah digunakan sebagai 'vehicle' untuk menyatu-padukan rakyat. Sebagai 'vehicle' untuk mengubah sikap rakyat. Sebagai 'vehicle' untuk menyelaraskan segala pembangunan yang diperlukan oleh rakyat. Jadi falsafah politik sekarang ini berpadukan perpaduan dan pembangunan. Ini nampaknya akan terus menjadi pegangan kita.

Apakah bentuk kerjasama antara YB dengan MP di kawasan ini?

Pertama yang harus ada ialah saling memahami di antara satu dengan yang lain. Kawasan MP, iaitu kawasan Dewan Rakyat, meliputi kawasan yang lebih luas. MP perlu ada persefahaman dengan ADUN sebab kalau tidak ada persefahaman sukar bagi MP itu untuk melihat apakah masalah-masalah yang ada. Mungkin beliau ada caranya. Tetapi yang paling baik dan lebih berkesan adalah untuk bekerjasama antara satu dengan yang lain. Sebab ada sesetengah masalah harus diselesaikan oleh MP dan ada sesetengah masalah itu harus diselesaikan oleh ADUN. MP itu wakil kita di peringkat persekutuan dan ADUN wakil bagi peringkat kerajaan negeri. Yang penting ialah harus ada persefahaman. Kalau persefahaman tidak wujud sukarlah bagi kita hendak melaksanakan sesuatu dengan penyelesaian yang baik.

Perkara yang menjadi perjuangan utama YB sebagai ADUN?

Pertama, saya ingin melihat rakyat hidup di dalam keadaan aman damai. Hormat menghormati di antara satu dengan yang lain walaupun kita terdiri daripada pelbagai kaum dan mempunyai latar belakang yang amat berbeza. Dari segi budaya, dari segi ke-

percayaan agama memang banyak perbezaan. Kalau kita hidup di dalam satu kawasan ataupun dalam mukim kita harus ada perasaan hormat menghormati dan dari sana akan wujud kerjasama. Itu yang penting. Kalau tidak wujud kerjasama, berlaku salah faham di antara satu dengan yang lain. Akan wujud pergesehan. Kadangkala pergesehan akan membawa kepada satu tahap yang tidak baik. Perkara yang tidak diingini akan berlaku. Ini sudah tentu akan merugikan kita semua. Bagi saya yang utama ialah; mesti ada kerjasama, kerjasama yang dilahirkan oleh perasaan yang ingin hormat menghormati di antara satu

Sekarang ini di seluruh dunia teknologi telah berkembang dengan pesat. Rakyat perlu berubah, perlu memahirkan diri mereka, perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka. Jadi sekiranya ada perkembangan di kawasan Lawas dari segi ekonomi dan sebagainya; dengan adanya kemahiran, ilmu pengetahuan yang tinggi rakyat dapat melibatkan diri secara total

dengan yang lain. Perkara kedua yang menjadi hasrat dalam perjuangan saya adalah untuk melihat rakyat menikmati pembangunan setelah adanya kerjasama. Setelah itu rakyat dapat meningkatkan pendapatannya dengan adanya peluang pekerjaan yang baik. Perkara tersebut akan menggembirakan saya.

Kalau boleh YB bercakap sedikit tentang keistimewaan kawasan YB.

Penduduk di kawasan saya terdiri daripada pelbagai kaum. Ada kaum Melayu dan kebanyakannya berketurunan Melayu Brunei dan ada juga Melayu Kedayan. Kaum lain ialah

Lunbawang, Cina dan Tagal. Lunbawang kebanyakannya didapati di kawasan Lawas dan Limbang sahaja dan di kawasan lain agak kurang. Memang ada keistimewaan-keistimewaan. Lunbawang dan Tagal mempunyai kebudayaannya yang berbeza dengan kaum-kaum lain. Melayu yang berketurunan Brunei ialah kaum majoriti daripada kaum Melayu di Lawas. Melayu Brunei ini berbeza daripada Melayu yang ada di Kuching. Berbeza dari segi percakapan. Dari segi budaya itu lebih kurang sama. Seperti di kawasan lain juga mereka ini dapat bekerjasama. Misalnya, di kawasan Trusan, Cina berkahwin dengan Lunbawang, Melayu berkahwin dengan Lunbawang atau berkahwin dengan Cina perkara selalu berlaku. Mereka bukan sahaja berkahwin antara kaum tetapi fasih dengan dialek kaum lain. Cina fasih dalam bahasa Lunbawang dan Melayu fasih dalam dialek Lunbawang. Keistimewaan ialah mereka bekerjasama antara satu sama lain dan begitu rapat sekali.

Kata orang di belakang suami ada isteri. Apakah peranan isteri YB sebagai ahli politik?

Isteri perlu faham tentang tugas-tugas kita. Kalau tidak faham sukar jugalah. Kalau sudah menjadi wakil rakyat tugas dan tanggungjawab kita bukan lagi sebagai ketua keluarga sahaja tetapi adalah untuk rakyat. Rakyat datang berjumpa kita bukannya tentu masa. Isteri mesti faham. Tengah malam pun kalau mereka hendak datang mereka datang. Ada yang memerlukan pertolongan dan sebagainya, kita perlu beri pertolongan. Kalau isteri itu cerewet; tidak membenarkan mereka datang sekian-sekian masa sukarlah bagi kita. Isteri perlu faham tentang tugas kita sebab kita bukan hanya sebagai ketua keluarga lagi tetapi tempat untuk rakyat bersuara. Bagaimanapun dalam banyak hal, isteri tidak boleh terlalu banyak campurtangan dengan tugas rasmi suami.

Bagaimana cara YB meningkatkan pengalaman dalam bidang politik?

Bagi saya, untuk meningkatkan pengalaman dalam politik ialah dengan bergaul rapat dengan ahli-ahli politik veteran kita, pemimpin kita,

bergaul rapat dengan rakyat. Sebab politik ini satu subjek yang 'very lively', yang tidak spesifik. Pergaulan penting. Kedua, kita perlu banyak membaca. Ketiga, kalau kita keluar melawat-lawat negeri lain kita bukan sahaja bersiar-siar tetapi kita perlu memahami struktur pemerintahannya, struktur masyarakatnya, supaya dapat menjadi satu bahan yang boleh kita perbandingkan. Dan ini akan memperkaya pengalaman kita dalam politik.

Bercakap tentang membaca, apakah jenis buku yang YB minati?

Saya lebih minat buku-buku yang berkaitan dengan masyarakat atau berkaitan dengan soal-soal kemasyarakatan. Juga, buku-buku yang berkaitan dengan soal pentadbiran dan buku-buku yang berkaitan dengan politik. Ini mungkin disebabkan semasa di universiti saya mengambil jurusan politik. Bukan itu saja, mungkin sudah menjadi minat saya sewaktu di bangku sekolah lagi. Itu sebab di sekolah saya berminat kepada sejarah. Saya juga berminat tentang kemasyarakatan, sastera dan sebagainya.

Bagaimanakah politik kampus membantu tugas seharian YB dalam bidang politik?

Ya banyak membantu walaupun kita nampak ada perbezaan di antara politik kampus dengan politik sebenar. Ia banyak membantu. Ia membantu membina keyakinan diri. Di universiti kita bertembung dengan perbezaan pendapat, idea-idea yang berbeza. Jadi



Rakyat berpuas hati sekiranya tugas dapat kita selesaikan dengan baik demi melihat negara membangun.

kalau kita dapat mengharungi semua itu jadi ia dengan sendirinya dapat membina keyakinan dalam diri. Saya melibatkan diri dalam politik kampus dan sekarang melibatkan diri dalam politik dalam masyarakat yang lebih luas. Di sana saya dapat merasa bahawa apa yang saya alami di kampus memberi satu keyakinan kepada diri saya. Walaupun pendekatannya mungkin berbeza tetapi dari segi membina keyakinan diri memang ada.

Hobi YB?

Hobi saya tak banyak. Saya suka membaca, membaca buku dan mem-

baca bahan-bahan yang ringan. Majalah-majalah, misalnya. Saya suka 'travelling'. Jogging sikit-sikit dan bermain badminton sikit-sikit. Saya dulu suka bermain bola sepak. Dulu memancing pun ada; bukan saja sebagai hobi tetapi satu pekerjaan. Tetapi sekarang kurang sikit.

Penyanyi yang diminati?

Terus teralah. Saya dari sekolah lagi saya minati Sharifah Aini. Sebab suaranya dan juga dia boleh membawa berbagai-bagai rentak lagu.

Bagaimanakah YB mahu diingati?

Kalau orang semua berpuas puas apabila kita berjaya membuat satu projek. Seperti kita dapat membina jalan raya menghubungkan kampung yang terpencil dengan daya usaha kita. Dan dapat menghubungkan kampung tertentu itu dengan pusat bandar atau dengan kampung-kampung persekitaran yang lain. Rakyat tentu berpuas hati dan mereka tahu yang ini adalah hasil usaha kita bersama. Dan kalau mereka dapat mengingati perkara begini sudah pasti memberi kepuasan kepada saya. Yang penting ialah; apa yang kita lakukan itu biarlah memuaskan hati rakyat. Mereka akan sentiasa ingat. Itulah yang menjadi kepuasan kita.

Dalam konteks politik Sarawak, umum mengatakan bahawa YB ialah salah satu bintang yang menyinar?

Saya tak boleh komen tentang hal seperti ini. Orang lain membuat, interpretasi berbagai-bagai. Hanya rakyat dan pemimpin kita yang boleh menentukan ini. Bagi saya kalau saya jalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan sempurna ialah satu kepuasan. Saya berasa duka cita jika saya tidak dapat menjalankan tugas dengan baik atau tidak faham tentang tugas tersebut. Saya berasa seolah-olah saya gagal. Sama ada kita terus maju dalam politik atau tidak itu tidak menjadi soal besar. Yang penting kita diberi tugas dan pada masa yang sama kita selesaikan tugas itu dengan baik. Rakyat berpuas hati dan kita dapat melihat negeri kita membangun, kestabilan sentiasa wujud dan rakyat bersatu padu. Itulah yang menjadi kepuasan saya. Tidak kira di mana jugalah.



Rakyat harus mengubah sikap untuk melibatkan diri dalam pekerjaan yang dipelopori oleh pihak swasta dalam sektor perladangan, perindustrian dan sumpamanya.

Y.B. Dr. Abang Abdul Rauf Abang Haji Zen

N4 Sejingkat

DARI SETIAUSAHA POLITIK KE ADUN

Secara ringkas bila dan bagaimana YB mula-mula melibatkan diri dalam politik?

Mula-mula saya tidak merancang untuk menjadi ahli politik. Saya telah dipelawa untuk menjadi Ketua Pemuda PBB kawasan Satok pada tahun 1983. Apabila menjadi Ketua Pemuda PBB saya telah terlibat secara langsung untuk membantu wakil rakyat kawasan Satok; YB Abang Johari, ahli Dewan Undangan Negeri dan YB Datuk Dr. Sulaiman Daud, Ahli Parlimen. Setelah membuka Medical Private Practice selama satu setengah tahun saya telah ditawarkan oleh Datuk Dr. Sulaiman untuk menjadi setiausaha politik beliau. Mula-mula saya menolak, kerana saya baru membuka klinik persendirian dan kalau dikira pendapatan tentu lebih lumayan. Beliau memberi enam bulan untuk memberi keputusan. Susah saya hendak menolak. Bukan saya hendak jual mahal. Datuk Dr. Sulaiman begitu betul-betul menunggu saya membuat keputusan. Saya berasa serba salah

kerana saya begitu berminat dalam bisnes dan sudah pun membuat wawasan dalam bisnes. Saya juga serba salah kerana ayah dan isteri saya tidak bersetuju saya menceburkan diri dalam bidang politik kerana "orang politik ialah milik rakyat jelata" dan tentu saya tidak dapat menumpukan perhatian saya sepenuhnya kepada keluarga di mana anak saya masih kecil lagi. Mungkin berasa "kerana perkhidmatan saya diperlukan"; saya tidak ada pilihan lain. Saya berkorban dan akhirnya menjadi setiausaha politik. Waktu itu Datuk Dr. Sulaiman adalah Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan. Saya menjadi setiausaha politik pada 1 Disember 1984. Awal tahun 1988 Ketua Menteri telah memanggil saya dan melantik saya sebagai Ketua Setiausaha Politik kepada beliau.

Tugas sebagai Ketua Setiausaha Politik?

Untuk mengendalikan apa saja hal-ehwal politik kerajaan negeri dan



apa saja tugas tentang politik yang diberi oleh YAB Ketua Menteri. Memastikan Parti PBB kuat dan Barisan Nasional menang dalam pilihan raya.

Tugas sebagai YB pula?

Dalam tahun 1991 Ketua Menteri telah memilih saya untuk bertanding di kawasan Sejingkat. Saya menang dalam pilihan raya tersebut. Saya memegang dua jawatan; sebagai wakil rakyat dan sebagai Ketua Setiausaha Politik. Tugas sebagai wakil rakyat ialah untuk memastikan rakyat dibela, kawasan dan rakyat maju dan menjadi wakil kepada rakyat di Dewan Undangan Negeri bukan sahaja menyuarakan keperluan rakyat, mencadang projek-projek untuk rakyat, mencadang dasar-dasar untuk kerajaan tetapi juga mengambil bahagian dalam penggubalan dan pemindaan undang-undang. Memupuk dan melaksanakan dasar kerajaan Barisan Nasional dan dasar parti kita untuk memantapkan lagi pembangunan di Sarawak.

Apa isu yang selalu YB bangkitkan dalam Dewan Undangan Negeri?

Selalunya saya kemukakan perkara mengenai dasar-dasar kerajaan. Untuk memastikan kerajaan Barisan Nasional dapat membela rakyat di kawasan kita melalui projek-projek dan dasar-dasar yang baik. Kita buat cadangan dan penilaian supaya pelaksanaan dasar kerajaan lebih berkesan, yang pada jangka panjang menguntungkan rakyat.



Memupuk dan melaksanakan dasar kerajaan Barisan Nasional dan dasar parti kita dapat memantapkan lagi pembangunan di Sarawak.

Tugas sebagai wakil rakyat ialah untuk memastikan rakyat dibela, kawasan dan rakyat maju

Masalah sikap, bagaimana?

Saya mengambil berat tentang sikap rakyat. Rakyat hanya akan dapat maju atau dapat mempertingkatkan taraf hidup kalau mereka menggunakan peluang yang disediakan oleh kerajaan.

Komen YB mengenai politik pembangunan?

Saya bersetuju dengan pendirian YAB Ketua Menteri iaitu politik pembangunan meletakkan pembangunan di tempat nombor satu dan politik nombor dua. Pembangunan artinya rakyat mendapat taraf hidup yang baik dari semua segi. Politik menjadi nombor dua ialah kerana ia berkaitan dengan kuasa atau perebutan kerusi. Kalau terdapat terlalu banyak perebutan kuasa ataupun politik, tentu pembangunan akan terjejas.

Bagi YB sendiri, politik itu sebagai alat untuk apa?

Politik erti sebenarnya ialah kuasa. Siapa yang berkuasa, bila dan bagaimana dapat kuasa. Untuk apa kuasa ini digunakan? Alat untuk membawa pembangunan sepenuhnya kepada rakyat. Rakyat yang maju adalah rakyat yang dapat menggunakan peluang. Kemudahan asas seperti jalan raya akan dapat membawa kemudahan asas lain seperti bekalan air, telefon dan elektrik ke kawasan tersebut. Peluang ini disediakan oleh kerajaan. Projek besar ini mewujudkan peluang kepada rakyat. Peluang perniagaan akan berkembang di kawasan tersebut. Peluang pembangunan pendidikan juga berkembang, jika sekolah disediakan.

Falsafah dan prinsip perjuangan YB dalam politik?

Politik adalah satu kerjaya. Yang penting sekali ialah kuasa dan amanah yang diberi kepada kita. Misalnya, dalam sistem demokrasi berparlimen wakil rakyat adalah mewakili kuasa rakyat. Kuasa ini harus digunakan sebaik-baiknya untuk membantu rakyat mempertingkatkan taraf hidup dan juga membentuk kerajaan yang baik.

Seorang wakil rakyat adalah seorang yang menyertai "exercise" untuk membentuk kerajaan yang baik dan rakyat yang maju. Rakyat yang maju memerlukan tiga perkara asas iaitu;

- a) Pembangunan manusia yang seimbang (Pembangunan Sumber Manusia) termasuk pembangunan ahlak,
- b) Pembangunan ilmu dan
- c) Pembangunan ekonomi

Saya berusaha sekuat-kuatnya melalui perjumpaan, ceramah, kursus-kursus untuk memberi kefahaman ini kepada rakyat, terutama di kawasan pilihan raya saya. Ketiga-tiga perkara ini menjadi perjuangan serampang tiga mata. Perkara ini sebenarnya adalah perkara asas dalam Dasar Politik Pembangunan dan Wawasan 2020.

Boleh YB rumuskan pencapaian yang mengagumkan yang telah dicapai oleh Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Ketua Menteri Sarawak sejak 13 tahun yang lalu?

Kalau dibandingkan dengan Ketua-Ketua Menteri yang terdahulu dalam jangka masa sepuluh tahun YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji

Abdul Taib Mahmud telah mencapai kejayaan enam kali ganda dari segi pembangunan. Fakta ini adalah melalui penyelidikan tentang peruntukan untuk pembangunan dari segi pembangunan prasarana, ekonomi, sosial, keagamaan dan sebagainya. Satu keistimewaan ialah perpaduan rakyat sebagai asas kepada pembangunan yang lain. Keadaan negeri Sarawak adalah susah untuk dipimpin. Bukan saja kawasannya luas, rakyatnya berselerak dan menuntut pendekatan yang sesuai agar berkesan. Masyarakat berbilang kaum pun ada masalah. Perpaduan rakyat berbilang kaum sungguh mengagumkan. Kita berasa bangga menjadi rakyat Malaysia anak Sarawak. Perpaduan kaum begini juga lahir daripada pembangunan yang pesat.

Asas kejayaan YAB Datuk Taib ialah dasar keadilan kepada semua kaum, tanpa mengira agama dan asal usul (tetapi tidak mengabaikan Dasar Ekonomi membantu Bumiputera). Asas atau rahsia politik pembangunan?

Terdapat tiga asas dalam politik pembangunan. Satu, perpaduan yang erat. Perpaduan yang erat lahir daripada keadilan sosial atau adil kepada semua kaum. Kedua ialah pemimpin yang berbilang. Pemimpin dan rakyat yang pandai. Ketiga ialah kerjasama yang erat antara kerajaan dan rakyat (Ucapan Ketua Menteri di Betong).



Kuasa ini harus digunakan sebaik-baiknya untuk membantu rakyat mempertingkatkan taraf hidup dan juga membentuk kerajaan yang baik.



Keutamaan saya dan rakan-rakan sebagai wakil rakyat ialah berjanji untuk membangunkan manusia.

Kerjasama yang rapat antara kerajaan dengan rakyat. Rahsia kejayaan Ketua Menteri?

Rahsia kejayaan beliau ialah, kerajaan yang adil kepada semua kaum tetapi tidak mengabaikan Dasar Ekonomi untuk membantu dan mengutamakan bumiputera. Kita tidak mahu kerajaan yang ekstrim. Cara YAB Datuk Taib memimpin kerajaan begitu profesional; tidak pilih kasih. Walaupun orang yang paling rapat dengan beliau kalau salah memang beliau disiplinkan. Walaupun seorang itu difitnah, kalau orang itu melakukan yang betul akan tetap betul.

Sebagai ahli politik yang rapat dengan Ketua Menteri apakah sifat Ketua Menteri yang mengesankan?

Yang paling istimewa, baik hati. Mungkin orang lain fikir Ketua Menteri ini tegas, dan susah untuk dijumpai. Tetapi beliau sebenarnya baik hati, prihatin dengan masalah rakyat. Kalau ada perkara yang penting beliau akan lakukan dengan sepenuh hati untuk memperbetul atau membuat sesuatu itu dengan sebaik-baiknya. Kalau kita kenal beliau dengan mendalam, beliau orang yang berhati baik.

Berbalik kepada kawasan YB, apakah projek yang telah dilaksanakan setakat ini?

Kawasan Sejingkat telah mem-

Generasi muda harus menuntun ilmu sebanyak yang boleh. Membina akhlak yang baik. Menggunakan peluang yang ada mengikut keupayaan masing-masing. Kalau ada peluang rebutlah peluang tersebut. Jangan fikirkan gaji

bangun dengan pesat. Kawasan industri yang besar ialah kawasan Sejingkat dan Muara Tabuan. Saya meramalkan dalam beberapa tahun akan datang kawasan ini akan membangun dengan lebih pesat lagi. Selaku wakil rakyat kawasan Sejingkat saya telah mengadakan beberapa kursus. Kami mengumpul pemimpin-pemimpin parti agar bekerjasama dengan ketua masyarakat atau pertubuhan-pertubuhan yang lain. Tiga perkara yang kita pupuk. Bukan perkara baru. Pertama ialah untuk membangun manusia itu sendiri. *Human development*. Pembangunan akhlak. Kedua ialah ilmu. Ilmu dari persekolahan dan ilmu bukan dari persekolahan, iaitu pendidikan formal dan informal. Anak-anak perlu ke sekolah untuk menuntun ilmu. Kita ada banyak program. Ada yang sudah dilaksanakan; ada yang belum dilaksanakan. Ketiga,

ialah ekonomi. Pembangunan ekonomi penting sekali. Masyarakat yang berjaya, masyarakat yang maju ialah masyarakat yang kuat ekonominya. Ini bukan falsafah baru. Tiga strategi ini ada dalam perspektif politik pembangunan. Keutamaan saya sebagai wakil rakyat, saya dan rakan-rakan berjanji untuk membangunkan manusia. Supaya rakyat cukup bersedia untuk mengambil peluang. Tugas mendidik ini bukannya senang. Kita tidak boleh terlalu laju. Rakyat tidak akan faham dan dapat mengikut kita.

Nasihat YB kepada generasi muda khususnya?

Generasi muda harus menuntun ilmu sebanyak yang boleh. Membina akhlak yang baik. Menggunakan peluang yang ada mengikut keupayaan masing-masing. Kalau ada peluang rebutlah peluang tersebut. Jangan fikirkan gaji. Kami ada sediakan program tertentu. Pejabat saya dijadikan "employment agencies" secara sukarela. Kami daftarkan belia yang menganggur. Setakat ini ada 1,000 lebih belia telah mendaftar dan 600 lebih orang telah mendapat kerja. Ini satu kejayaan.

Masalah sikap?

Kerana orang Melayu dan bumiputera di kawasan Sejingkat dan di seluruh Sarawak belum lagi kenal tentang industri. Saya memberi nasihat kepada belia-belia di kawasan Sejingkat walaupun bekerja sehari atau dua hari itu merupakan satu kejayaan. Misalnya bekerja di kilang plywood. Apabila bekerja di kilang plywood, mereka sudah ada pengalaman. Selepas beberapa lama bekerja di sana mereka dapat menimba pengalaman. Pengalaman awal tersebut sangat berguna. Mereka boleh bekerja di tempat lain mengikut minat dan gaji yang lebih tinggi. Mereka mesti tahu susah dahulu kalau mahu senang. Mereka yang menjadi jutawan pun bekerja begitu juga pada mula-mulanya. Kita ingin mengubah sikap mereka. Kalau kita tidak berbuat begini dan apabila kawasan kita membangun dari segi industri, mereka nanti akan berputih mata. Nasihat saya kepada generasi muda, apa saja kerja ambil. Jangan memilih. Dalam industri kita mesti mengkaji tentang kesan negatif. Seperti masalah sosial. Kedua, apabila ramai orang luar yang masuk ke

kawasan industri, mungkin berlaku jenayah. Kawasan kami memperkenalkan Kumpulan Mewujudkan/Mencari Kerja atau KMK. Di Sejingkat kampung di bahagikan kepada rukun tetangga-rukun keluarga bahagia. Kami telah mendapat kebenaran daripada tuan Residen mengenai perkara tersebut. Ini adalah projek perintis. Di kawasan kami, kami kurangkan 'pertelingkahan' politik. Kami pentingkan pembangunan. Dalam satu kumpulan ada 10 hingga 15 orang dan ketua kumpulan akan berusaha mencari pekerjaan. Selalunya, yang menjadi ketua itu sudah ada pekerjaan. Dengan cara ini, mereka dapat membimbing beliau agar dapat berdiriku, tetapi juga dapat menjalinkan hubungan yang baik sesama sendiri. Satu atau dua orang yang kuat agamanya menjadi ketua. Mungkin mereka ini dapat memberi kaunseling.

Kesannya?

Saya tak berani hendak komen dahulu kerana ia baru dilaksanakan. Masih "on-going" dan perlu motivasi yang tinggi di kalangan ahli. Ada tempat boleh dibuat dan ada tempat belum sedia.

Bagaimana YB melihat kawasan YB dalam 20 tahun akan datang?

Kawasan Sejingkat ini terbahagi kepada dua kawasan. Kawasan luar bandaryang bercirikan pertanian. Dan kawasan bandar ialah kawasan Tabuan. "Poor urban area". Kerajaan sudah meletakkan industri di kawasan Sejingkat dan Tabuan ini. Sudah mempunyai beberapa buah kilang.

Ketua Menteri pernah me-ngatakan bahawa masa depan Sarawak bergantung kepada perindustrian. Kawasan kami adalah satu daripada kawasan tersebut. Keutamaan yang kerajaan tumpukan ialah menyediakan segala infrastruktur. Kawasan Tambak Bako telah digunakan untuk kawasan industri. Banyak industri telah wujud di Industrial Park di kawasan Sejingkat. Ada yang masih dalam pembinaan. Pelabuan yang besar di Senari sudah diluluskan dan masih dalam perancangan. *Coal power plant* di antara Gobil dan Muara Tebas sudah diluluskan. Dengan industri yang ada, perkembangan-perkembangan lain akan mengikut. Mungkin penduduk akan bertambah. Kawasan perumahan, sekolah juga bertambah. Sekolah vokasional telah diluluskan. Pusat perubatan dan projek-projek lain akan disediakan. Tambak kedua menghubungkan Sejingkat dengan Bintawa sudah sedia untuk dilaksanakan. Dalam waktu lima hingga sepuluh tahun kawasan ini akan menjadi satu bandar baru. Dalam waktu 20 tahun memang menjadi bandar satelit. Sebab itulah saya mengatakan bahawa rakyat mesti bersedia. Kami sedang menubuhkan sebuah koperasi walaupun ada tentangan. Kita mempunyai pantai yang cantik. Pelancong akan datang.

Apa yang YB buat pada waktu lapang?

Saya banyak terlibat dengan pertubuhan sukarela. Saya suka memberi latihan dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembangunan manusia. Saya suka membaca mengenai

pembangunan, sosiologi, psikologi dan lain-lain. Dalam Saberkas Kuching saya sebagai naib pengerusi dan Exco Negeri. Dalam Saberkas juga kita banyak membuat program latihan — Gerak Berdikari, Latihan amali sepanjang hayat dan lain-lain. Dalam AZAM menjadi ahli lembaga pengarah dan bergiat dalam jawatankuasa kecil "Community Development". Saya juga menjadi Timbalan Yang Dipertua Persatuan Kaunseling (KASARA) dan pengerusi projek Kaunseling Pembangunan — satu projek khas dalam persatuan KASARA. Kami bercadang untuk membawa yang berminat dan mempunyai pengkhususan dalam bidang-bidang berkenaan dalam projek ini untuk bekerjasama dengan Saberkas, AZAM dan pertubuhan-pertubuhan lain. Kami berhasrat untuk bekerjasama dengan Pamadam (masalah dadah) dan DUBS (program pembangunan ekonomi). KASARA ingin membantu dari segi membuat *training programme* terutama dalam perubahan sikap dan dorongan (motivation). AZAM membantu kerajaan dalam latihan (Training of Trainers) untuk JKKK. Saya juga adalah pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Daerah Kuching. Dahulu saya banyak duduk NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) lain — seperti Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Melayu Sarawak (menyandang jawatan Pemangku Setiausaha Agung seketika), Ahli Majlis Tertinggi BINA Negeri dan Bendahari BINA Daerah Kuching dan beberapa tahun menjadi Doktor Kehormat Persatuan Bola Sepak Sarawak. "Kesibukan" saya dalam NGO adalah kerana NGO merupakan satu sumber penting untuk membawa pembangunan di mana rakyat memainkan peranan penting untuk menjayakan program-program kerajaan.

Bagaimana YB mahu diingati?

Kalau orang tidak mengingati saya pun tidak apa. Sebagai ahli politik saya rasa biarlah kita diingati sebagai satu kumpulan. Saya bangga sebagai salah seorang pengerusi dalam parti PBB. Saya ingin diingati sebagai sebahagian daripada pasukan PBB yang menjadi agen utama kepada pembangunan di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri, Presiden PBB yang juga Ketua Menteri Sarawak.



Sebagai ahli politik biarlah kita diingati sebagai satu kumpulan.

Bagaimana YB melibatkan diri dalam politik? Boleh ceritakan sedikit?

Saya mula-mula melibatkan diri dalam politik selepas saya keluar dari universiti. Secara sambilan sahajalah, sebab saya masih bekerja dengan kerajaan. Selepas itu saya keluar dan bekerja dengan kerajaan saya dapat melibatkan diri dalam politik secara aktif. Saya dipilih sebagai ahli EXCO Pemuda PBB N6 Satok pada tahun 1982. Selama dua kali berturut-turut saya dipilih menjadi ahli EXCO. Pada tahun 1989 saya dipilih menjadi Ketua Pemuda PBB N6 Satok. Selepas itu apabila Satok dan Tupong dibahagi dua, atas persetujuan YAB Ketua Menteri dan sokongan rakyat dan ahli PBB N5 Tupong saya telah dipilih menjadi wakil rakyat pada tahun 1991.

Bagi YB, politik itu untuk apa?

Politik kalau kita lihat secara umum ramai orang salah faham. Bagi mereka politik adalah cara untuk menonjolkan diri demi kepentingan mereka sendiri. Bagi saya politik adalah "vehicle" untuk kita membantu rakyat; yang boleh menggerak dan mengubah fikiran rakyat, terutama sekali masyarakat bumiputera.

Falsafah dan prinsip yang selalu dipegang oleh YB dalam memperjuangkan politik?

Falsafah saya dalam memperjuangkan politik adalah jelas. Apabila kita dipilih oleh rakyat adalah menjadi tugas kita untuk membantu rakyat. Jadi falsafah perjuangan saya ialah menjadi tugas saya setelah dipilih menjadi wakil rakyat untuk membantu rakyat berlandaskan keikhlasan dan kejujuran.



Falsafah perjuangan kita setelah dipilih menjadi wakil rakyat ialah untuk membantu rakyat berlandaskan keikhlasan dan kejujuran.

Y.B. Haji Daud Abdul Rahman

N5 Tupong

SERONOK DAPAT MEMBANTU RAKYAT



Berbanding dengan tahun 50-an dan 60-an nampaknya dekad 90-an ini lebih ramai yang berminat dalam politik, kerana kononnya apabila jadi wakil rakyat akan cepat kaya. Apa komen YB?

Ini yang mula-mula saya beritahu tadi kalau ada prinsip masuk politik hendak jadi kaya saya rasa tidak payahlah orang itu masuk politik. Sebab kurangnya kejujuran dalam diri mereka. Politik cuma menjadi batu loncatan untuk menjadi kaya. Cara demikian adalah cara yang paling berbahaya. Dan satu cara yang membawa kita kepada "money politics" dan boleh membawa perpecahan kepada masyarakat kita.

Apakah bahayanya politik wang?

Apabila kita menggunakan politik wang bahayanya jelas sekali. Tidak ada keikhlasan orang memilih seseorang itu kerana wang.

Yang keduanya, kenapakah seseorang itu sanggup membelanjakan

wang kerana politik?

Jawapannya begitu jelas. Jika ia sanggup membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk politik maknanya dia akan mencuba mendapat balik wang yang dibelanjakan itu. Maka timbulah masalah menyalahgunakan kuasa. Kita berbangga dengan keadaan di Sarawak. Di bawah pimpinan YAB Ketua Menteri Sarawak, kita dapat mengelak perkara demikian. Ramai yang ingin masuk politik sebab ingin jadi kaya. Konsep sedemikian, salah. Bagi yang masih muda elakkanlah konsep demikian. Kalau hendak masuk politik benar-benarlah berjuang untuk masyarakat. Jikalau bekerja untuk bisnes dan sebagainya untuk mendapat kekayaan tidak ada masalahnya, asalkan landasan itu tidak lari daripada landasan kejujuran kita. Untuk mencari nafkah kita boleh jalankan bisnes apa saja asalkan kita mesti jujur dan ikhlas.

Apakah untungnya atau faedahnya terbabat dalam politik?

Bagi saya faedah terbahit dalam politik ini ialah keseronokan kita dapat membantu rakyat; "satisfaction of helping the rakyat". Inilah bagi saya jela sekali. Apabila kita dapat lihat projek-projek di kawasan kita, terutama sekali projek infrastruktur yang meringankan bebanan rakyat, saya begitu gembira sekali.

Yang mengecewakan tentu ada?

Yang mengecewakan bagi saya, satu daripadanya ada di antara ahli se-perjuangan kita tidak ingin melihat seseorang itu menjalankan tugas. Timbullah fitnah memfitnah, surat layang dan sebagainya. Menikam dari belakang. Ini yang mengecewakan kita. Sebuah projek atau aktiviti tidak lain dan tidak bukan ialah untuk rakyat. Politik beginilah yang mengecewakan hati saya. Orang yang menyebarkan surat layang ini ternyata tidak dapat menerima hakikat akan apa yang telah kita buat.

Cara YB mengendalikan masalah atau cabaran begini?

Cara menyelesaikan masalah sedemikian ialah dengan terus berkhidmat kepada masyarakat. Dalam pekerjaan kita asalkan kita jujur, ikhlas insya-Allah kita yakin, orang yang cuba memfitnah dan menikam kita dari belakang akan menerima konsep perjuangan kita dalam masa yang akan datang.

Adakah ini wujud dalam politik Sarawak. Bagaimanakah seriusnya?

Kalau dibandingkan dengan tempat lain memang belum begitu serius. Gejala tersebut memang ada. Yang kita takut ia akan menjadi serius. Ini yang kita takut. Kalau hal sedemikian berlaku di tempat lain, ini juga mungkin berlaku di tempat kita dan pada kita.

Apakah YB tidak suka dalam politik?

Politik fitnah, menikam dari belakang. "Politik surat layang". Ini yang paling saya benci dalam politik. Dan apa yang kita buat mereka kritikan. Politik mengkritik orang lain. Mereka tidak membuat apa apa.

Faktor kemenangan YB dalam pilihan raya yang lepas?



Orang yang cuba memfitnah dan menikam dari belakang akan menerima konsep perjuangan kita dalam masa yang akan datang.

Politik fitnah, menikam dari belakang. "Politik surat layang". Ini yang paling saya benci dalam politik.

Konsep Barisan Nasional adalah faktor pertama kemenangan kita. Kedua, adalah kepimpinan YAB Ketua Menteri. Ketiga, sokongan rakyat kepada kita.

Apakah yang mengagumkan YB tentang kepimpinan Ketua Menteri kita?

Yang sangat mengagumkan saya ialah visi beliau. Selama 13 tahun beliau menjadi Ketua Menteri Sarawak kita dapat lihat banyak pembangunan. Kalau kawan kita dari luar negeri yang pernah datang ke Sarawak lima tahun lalu dan sekarang baru datang lagi; mereka terperanjat tentang perubahan. Bukan sahaja di bandar bahkan di luar bandar. Beliau dapat menyatukan masyarakat berbilang-bagai kaum di Sarawak dalam konsep Barisan Nasional sehinggakan kita dapat lihat bahawa Sarawaklah negeri di dalam Malaysia yang paling stabil. Dan PBDS pun ingin memohon masuk ke dalam Barisan Nasional kerana mereka menerima keunggulan YAB Ketua Menteri.

Pembangunan di kawasan YB sendiri, barangkali YB dapat terangkan?

Pembangunan di kawasan saya memang begitu ketara sekali. Terutama sekali dengan kerjasama pihak DBKU dan agensi-agensi lain. Sebab kawasan saya adalah kawasan dalam

bandar. Pembangunan infrastruktur, jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, dan kemudahan-kemudahan lain begitu ketara. Saya gembira sekali. Mungkin satu dua perkara lagi yang masih menjadi masalah. Terutama sekali masalah setinggan, walaupun tidak begitu serius kalau dibandingkan dengan bandar-bandar lain di Malaysia. Bagi kawasan saya kita mahu mengurangkan, kalau boleh kita selesaikan masalah setinggan supaya tidak ada setinggan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa penduduk dari luar bandar berhijrah ke bandar. Memang berlaku di mana-mana tempat. Tetapi kita mahu melihat mereka ini ditempatkan di tempat-tempat yang sesuai. Masalah yang kedua ialah mengenai penempatan semula kawasan kampung. Rumah-rumah yang dibina begitu dekat sekali seperti di kampung-kampung Melayu di kawasan Petra Jaya, Kampung Tupong, Sungai Bedil dan sebagainya. Adalah menjadi harapan kita agar pemindahan mereka ini dapat kita laksanakan secara berperingkat-peringkat supaya kawasan baru itu lebih selesa untuk tinggal.

Kami amat tertarik dengan idea YB untuk melahirkan lebih ramai golongan ilmuwan dan cendekiawan di kawasan YB. Mungkin YB dapat memberi komen dengan lebih lanjut tentang hal ini. Apakah sebenarnya

visi YB terhadap perkara ini?

Bagi saya kawasan Tupong adalah satu-satunya kawasan di bandar Kuching yang mempunyai penduduk lebih 90 peratus Melayu. Jumlah yang tinggal di kawasan Tupong ialah lebih kurang 30 hingga 40 ribu orang. Kita dapat lihat di kawasan inilah banyaknya pegawai-pegawai kanan kerajaan dan mereka dari swasta tinggal. Kita ingin memimpin masa depan akan lahir daripada kawasan Tupong dan kawasan yang berdekatan dengannya. Jadi tujuan kita untuk melahirkan masyarakat berilmu ini ialah untuk menjayakan Wawasan 2020 dapat direalisasikan. Kita mesti mempunyai masyarakat berilmu dan berwibawa. Kalau masyarakat tidak berilmu Wawasan 2020 akan tinggal wawasan sahaja. Jadi inilah tanggungjawab kita untuk membuat persiapan. Pendidikan adalah cara yang paling berkesan.

Nasihat YB terhadap generasi muda, khasnya di kawasan YB sendiri?

Janganlah lupa tentang pelajaran. Seperti yang saya katakan 'education is the best mean to achieve success in life'. Kita mahu generasi muda terus tekun belajar kerana merekalah yang akan menjadi lambang Wawasan 2020 kita.

Komen YB mengenai prestasi atau pencapaian dari segi pendidikan di kawasan YB?

Kalau kita lihat pencapaian dari segi pendidikan di kawasan saya ada dua. Prestasi secara umumnya begitu menyelerah sekali setelah kita memberi hadiah untuk pelajar-pelajar cemerlang dalam UPSR dan PMR. Begitu rami pelajar dari kawasan N5 Tupong mendapat keputusan yang cemerlang. Apabila kita buat kajian nampaknya pelajar-pelajar ini kebanyakannya datang dari kawasan "taman". Ertinya hanya anak dari golongan "middle class" dan "upper middle class" mendapat keputusan yang cemerlang ini. Malangnya prestasi pelajar dari kampung-kampung belumlah dapat dibanggakan. Keputusan dari sekolah-sekolah N5 Tupong kalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah lain di Sarawak adalah masih sederhana. Bagi saya itu belum mencukupi. Lebih banyak lagi ruang untuk menumpukan tenaga kita mempertingkatkan pres-



Kita mahu generasi muda terus tekun belajar kerana merekalah yang akan menjadi lambang Wawasan 2020.

tasi golongan "lower class" atau "lower middle class" dan yang bawah lagi. Ini yang patut kita titik beratkan. Kita telah mengatur berbagai-bagai rancangan. Satu daripadanya ialah kita akan mengadakan kelas bimbingan bagi pelajar-pelajar dari sekolah yang prestasinya kurang memuaskan, terutama sekali di dalam UPSR. Salah satu masalah ialah lemahnya penguasaan bahasa Inggeris, lemahnya Matematik, lemahnya Sains di kalangan pelajar Bumiputera ataupun Melayu khususnya.

Barangkali YB ada nasihat untuk pelajar kita?

Begini jelas sekali pelajar-pelajar kita daripada golongan Bumiputera lemah dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, Matematik dan Sains begitu ketara sekali. Sama ada dalam UPSR ataupun PMR. Kita harap dapat mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah ini. Satu daripada cadangan ialah, di Sekolah Rakyat Tupong kita cuba wujudkannya sebagai pusat dalam bahasa, ilmu Sains dan Matematik. Itu masih di dalam perancangan. Mungkin di sebelah malam diadakan tuisyen dalam ilmu Sains dan Matematik. Ini adalah saranan YAB Ketua Menteri kita. Ini saranan yang begitu baik sekali. Sekolah Menengah Tupong apabila siap dalam tahun 1995 kita akan mengadakan kursus-kursus bimbingan dalam ilmu Sains dan Matematik dan mungkin juga akan menjadi sebuah gedung pelajaran untuk pelajar-pelajar di kawasan N5 Tupong.

Mimpi atau visi YB terhadap kawasan YB menjelang tahun 2000?

Visi saya untuk kawasan N5 Tupong ialah agar infrastruktur dapat dinikmati oleh rakyat di kawasan N5 Tupong. Yang kedua, agar pendapatan mereka dapat dipertingkatkan supaya tidak ada golongan yang miskin. Kalau dapat kita basmi kemiskinan seratus peratus atau seberapa yang terdaya, inilah harapan saya.

Yang selalu YB perjuangkan dalam Dewan Undangan Negeri?

Banyak perkara yang kita perjuangkan di dalam Dewan Undangan Negeri. Satu daripadanya ialah tentang pembangunan di negeri Sarawak secara umum. Yang lain-lainnya banyak juga yang kami bincangkan secara umum; untuk melihat negeri Sarawak sebagai satu "model state" di Malaysia. Cara untuk merealisasikan semuanya kami bincangkan sama-sama dalam Dewan Undangan Negeri.

Bagaimana YB melihat potensi Sarawak pada masa depan?

Setakat ini kita telah maju begitu jauh ke depan. Saya harap ia akan dapat diteruskan pada masa akan datang. Bagi saya potensinya begitu baik sekali dengan adanya projek-projek yang besar seperti Projek Bakun dan sebagainya. Masa depan rakyat Sarawak begitu cerah sekali. Hanya saya harapkan agar kita dapat meneruskan politik perpaduan. Kita tidak mahu politik perpecahan. Ini akan melemahkan masyarakat dan melambatkan pembangunan di negeri kita.

Pilihan raya akan diadakan mungkin tidak berapa lama lagi. Apakah justifikasi mengapa rakyat harus memilih calon BN, khususnya kawasan YB sendiri?

Itu senang sekali. Rakyat perlu melihat pembangunan yang telah pun dibawa oleh Barisan Nasional kepada rakyat selama ini. Dari segi pembangunan fizikal begitu ketara sekali. Banyak sekolah telah didirikan. Jalan raya. Sosioekonomi telah meningkat. Kadar kemiskinan menurun dari 40 peratus ke tahap yang kurang daripada 20 peratus. Begitu jelas sekali rakyat dapat merasai nikmat di dalam kepemimpinan Barisan Nasional.

Adakah keadaan yang selesa begini antara kita tukar? Do they want to take the risk?

Bagi saya tidak ada kecurigaan terhadap Barisan Nasional. Saya di dalam Barisan Nasional. *I believe*; saya percaya Barisan Nasional dan PBB dapat membawa kesejahteraan dan pembangunan kepada rakyat. Janganlah rakyat hendak mencuba mencari yang lain-lain. Ada yang cuba hendak membawa politik perubahan. Mereka menang beberapa kerusi. Selepas itu mereka kalah teruk.

Kenapa?

Saya tahu kerana mereka memainkan politik omong-omong kosong. Bagi Barisan Nasional kita bercakap dan mengotakan apa yang kita kata. Walaupun dengan pencapaian yang sedemikian masih ada yang membangkang.

Mengapa ini berlaku, YB?

Ada golongan masyarakat yang sentiasa buta. Mereka melihat tetapi sentiasa membuatkan mata mereka. Mereka mendengar tetapi sengaja membuat diri mereka menjadi tuli. Mereka tidak mahu melihat kebaikan yang dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional. Kita tidak dapat melaksanakan projek sekalgus. Kita bukannya "Alladin and the magic lamp". "There is no way". Jadi kita melaksanakan projek berperingkat-peringkat. Jika kita terlambat sedikit, mereka akan ungkit isu yang kecil. Memang ada segolongan kecil tetapi tidak ramai. Mereka sengaja tidak mahu melihat dan menerima perubahan yang dibawa oleh BN.

I believe; saya percaya Barisan Nasional dan PBB dapat membawa kesejahteraan dan pembangunan kepada rakyat. Janganlah rakyat hendak mencuba mencari yang lain-lain

Apakah bentuk kerjasama antara YB dengan Ahli Parlimen di kawasan YB?

Kerjasama dengan Ahli Parlimen begitu baik sekali. YB Datuk Sulaiman Haji Daud bekerjasama dengan saya. Beliau ahli politik yang berpengalaman. Saya selalu mendapat nasihat daripada beliau. Mendapat tunjuk ajar daripada beliau. Saya sungguh beruntung mendapat ahli parlimen yang berpengalaman. Kerjasama begitu erat sekali untuk bersama-sama melaksanakan sesuatu projek.

Daripada sekian banyak peristiwa pahit-maung yang telah YB alami dalam politik barangkali YB hendak mengingati peristiwa tertentu...

Peristiwa yang pahit mungkin semasa saya dipilih menjadi wakil rakyat pada tahun 1991. Ada segolongan kecil dari kawasan saya sendiri yang tidak berpuas hati kerana mereka pun ingin hendak menjadi wakil rakyat. Ada yang memfitnah dan menghantar surat layang mengatakan bahawa saya tidak mendapat sokongan daripada rakyat. Saya berasa perit sekali semasa itu akan tetapi alhamdulillah, YAB Ketua Menteri begitu adil sekali. Selepas meneliti kedua-dua pihak beliau mendapat tahu bahawa ahli-ahli PBB N5 Tupong telah memberi sokongan yang padu sekali untuk saya menjadi wakil rakyat.

Mengapa YB dipilih menjadi calon?

Antara faktor-faktor ialah, selain daripada berkecimpung dalam politik saya juga melibatkan diri di dalam bidang kebajikan. Inilah faktor yang membantu saya untuk dipilih menjadi wakil rakyat.

Tentang kebajikan, nampaknya YB begitu prihatin. Apa agaknya rahsia di sebalik tugas kebajikan ini?

Saya tidak ada apa-apa rahsia. Tapi yang jelasnya bagi membantu orang yang perlu dibantu nampaknya "is in my blood". Saya memang suka menolong orang yang memerlukan bantuan. Membantu anak-anak yatim atau orang-orang yang miskin, misalnya.

Apakah agaknya kriteria sebagai wakil rakyat yang ideal?

Pada pendapat saya wakil rakyat harus lebih prihatin terhadap masalah-masalah rakyat. Sempurnalah masalah-masalah rakyat di kawasan mereka bila-bila masa subaja. Tidak semestinya biladekat pilihan raya baru hendak menunjukkan muka. Wakil rakyat tidak mengira malam atau siang untuk bertemu dengan rakyat. Kalau tidak dia bukan wakil rakyat namanya.

Apakah jenis buku yang YB minat baca?

Macam-macam. Terutama sekali buku mengenai agama dan bisnes.

YB ada main golf atau permainan lain?

Badminton saja, main golf belum lagi.

Selalunya... siapa dengan bermain?

Ahli-ahli PBB di kawasan Tupong.

Peranan isteri sendiri dalam politik?

Peranan isteri penting dalam politik. Isteri mesti faham tentang tugas suami sebagai ahli politik. Kita terpaksa keluar bila-bila masa. Kita terpaksa menghadiri majlis-majlis tertentu, tidak kira siang atau malam. Isteri mesti faham tentang keadaan begini. Kalau isteri tidak faham mungkin susahlah. Masa untuk bersama isteri dan anak-anak memang begitu kurang sekali. Apabila kita menjadi ketua selalunya kita kena puji. Isteri sendiri dapat membuat "constructive criticism" terhadap kita.

Bakat yang ingin YB miliki?

Menyanyi. Saya tak pandai menyanyi. Saya ingin memiliki bakat menyanyi.

























































Peristiwa pahit yang tidak dapat saya lupakan semasa menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri ialah apabila saya dituduh mencuri batang paip dari Kem Tentera di kampung saya sendiri iaitu Kampung Bunan Gega, Serian dalam tahun 1973



Y.B. Michael Ben Panggi

N15 Tebedu

PEMIMPIN PERLU TEGAS

Bila agaknya YB mula berkecimpung dalam politik?

Sebenarnya saya mula-mula membabitkan diri dalam politik pada 1966. Pada masa itu, berlaku krisis politik di Sarawak apabila Datuk Stephen Kalong Ningkan dipecat sebagai Ketua Menteri. Pada waktu itu, saya bekerja sebagai Juruteknik Makmal di Hospital Limbang. Saya meletak jawatan pada November 1966 dan memohon menyertai SNAP (Sarawak National Party) sebagai ahli biasa.

Siapakah yang menawarkan kepada YB supaya menjadi ahli SNAP?

Tidak ada sesiapa. Saya sendiri secara sukarela meletakkan jawatan kerajaan. Bila keahlian saya sudah diterima, saya bekerja sukarela mengambil dan mencari ahli, kemudian saya diberi jawatan sebagai Field Officer. Tugas utama saya ialah melawat ke kampung-kampung untuk memberitahu kepada orang ramai dasar parti SNAP dan mengambil ahli-ahli baru. Saya diberi elaun sebanyak RM170 sebulan. Elaun sebanyak itu memang tidak mencukupi untuk

menyara hidup. Oleh yang demikian, saya terpaksa meminta bantuan daripada abang saya bernama William Awan dan Andrian Manan, kerana semua anak saya masih kecil dan memerlukan wang untuk perbelanjaan. Sebagai Field Officer, saya ditugaskan untuk menjaga semua daerah di Bahagian Pertama, iaitu daerah Kuching, Lundu, Bau, Serian dan Simunjan. Pada masa itu, saya belum ada niat hendak bertanding, tetapi hanya menumpukan kepada kempen saya untuk mengambil lebih banyak ahli. Setelah bekerja dengan bertungkus-lumus selama tiga tahun, saya dipilih sebagai calon bagi kawasan N12 Tebakang dalam pilihan raya pertama 1969 dengan menggunakan lambang SNAP. Pada masa itu, SNAP adalah sebuah parti pembangkang. Pencabar saya ialah Encik Justin Ahan ak. Engkuyong dari Parti Perikatan dan Encik Richard Dampeng ak. Laki dari SUPP (Sarawak United People's Party). Oleh kerana berlakunya rusuhan di Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969, pilihan raya telah ditangguh sehingga Julai 1970.

Sebagai ahli politik veteran tentu terdapat peristiwa yang masih melekat dalam ingatan YB?

Peristiwa pahit yang tidak dapat saya lupakan semasa menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri ialah apabila saya dituduh mencuri batang paip dari Kem Tentera di kampung saya sendiri iaitu Kampung Bunan Gega, Serian dalam tahun 1973. Kem tersebut telah dikosongkan kerana pasukan tentera telah berpindah ke tempat lain, tetapi batang-batang paip masih terbiar di situ. Memandangkan anasir komunis masih ada, saya memberitahu kepada Pegawai Daerah supaya batang-batang paip itu disimpan di tempat yang selamat. Setelah kebenaran diberi, saya pun mengarah penduduk kampung memindahkan batang-batang paip itu dari kem ke tempat yang selamat. Perkara ini berlaku ketika saya dalam parti pembangkang. Selain daripada ini, masih ada peristiwa pahit yang lain.

Apakah peristiwa itu YB?

Pada suatu petang dalam perjalanan saya balik ke kampung, saya telah ditahan oleh empat orang Komu-

nis di antara Jambatan Pancho dengan Sekolah Chung Hua Batu 29, Jalan Kuching/Serian. Saya terpaksa berhenti kerana batu-batu telah disusun merentangi jalan. Mereka meminta kad pengenalan saya tetapi waktu itu saya hanya membawa kad keahlian Dewan Undangan Negeri. Apabila melihat nama saya, mereka pun mengalih batu-batu dan membenarkan saya pergi. Mereka mengatakan bahawa mereka tidak mengacau sebarang orang, kemungkinan besar apa yang mereka maksudkan itu adalah Pegawai Kerajaan, kerana pada masa itu saya adalah ahli pembangkang.

Demi kepentingan generasi muda mungkin YB dapat menyebutkan pengalaman lain semasa era Sarawak menghadapi masalah diancam oleh komunis?

Pada waktu Sarawak diancam oleh komunis, rakyat luar bandar sangat susah kerana perintah berkurung (curfew) selalu dikenakan yang mengakibatkan orang tidak dapat pergi ke kebun-kebun dan ladang-ladang untuk mencari nafkah. Keselamatan tidak terjamin. Pertempuran sering berlaku antara pasukan keselamatan dan komunis. Saya masih terkenang pada satu pertempuran yang telah berlaku tidak jauh dari rumah saya di kampung dalam tahun 1973 di mana dua orang komunis telah dibunuh oleh pasukan keselamatan. Dalam saku komunis tersebut, terdapat peta kawasan Kampung Bunan Gega. Saya diberitahu oleh pihak pasukan keselamatan bahawa rumah saya telah ditanda, tetapi tidak diketahui tujuannya. Saya dinasihatkan supaya berpindah dari tempat itu dan mengambil keputusan berpindah di Kuching.

Meskipun terdapat peristiwa yang pahit, kami yakin tentu YB juga melalui detik-detik yang menyeronokkan...

Keseronokan memang banyak. Tetapi yang paling menyeronokkan ialah apabila saya berpeluang berjumpa dengan rakyat, tidak kira bangsa, agama dan kedudukan mereka. Selain itu, keseronokan juga wujud apabila saya memenangi enam pilihan raya.

Politik ditafsirkan dengan berbagai-bagai cara oleh pelbagai

pihak. Ada yang berpendapat politik adalah seni yang memungkinkan. Bagi YB, politik itu untuk apa?

Bagi saya, politik adalah satu cara kita berkhidmat untuk membangunkan sesebuah negeri dan masyarakat. Saya juga menganggap bahawa politik adalah satu pengorbanan.

YB telah memegang beberapa jawatan. Antaranya, YB?

Saya pernah dilantik sebagai Menteri Muda Kerajaan Tempatan dari tahun 1979 sehingga rombakan kabinet 1981. Saya juga pernah dilantik sebagai Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan sehingga 1983 dan dilantik semula memegang jawatan yang sama dalam tahun 1985 sehingga teretusnya Peristiwa Ming Court 1987. Pada 14 November 1992 saya dilantik sebagai Walikota Majlis Daerah Samarahan yang pertama sehingga sekarang.

Tugas dan tanggungjawab sebagai Walikota?

Tugas saya ialah menguruskan Mesyuarat Majlis, memastikan pembangunan yang diselenggarakan oleh majlis berjalan dengan lancar dan pengurusan pentadbiran diurus dengan sempurna.

Seperti komuniti lain, masyarakat Bidayuh telah banyak berubah. Apakah perubahan signifikan dalam masyarakat Bidayuh dalam sedekad dua yang lalu?

Perubahan yang sangat signifikan bagi masyarakat Bidayuh ialah, perubahan sikap. Dengan adanya perubahan sikap dan pemikiran

barulah segala-galanya dapat dijalankan. Di kawasan Bidayuh banyak jalan raya telah dibina yang merupakan nadi pergerakan pembangunan. Sekarang pembangunan tanah sedang pesat dibangunkan di beberapa kawasan yang memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk kampung yang menyertai skim tersebut dan ini telah membawa kepada keadaan hidup yang lebih seja. Selain itu, masyarakat Bidayuh juga telah berubah dalam bidang pendidikan. Sejak kebelakangan ini, terdapat ramai pelajar kaum Bidayuh yang melanjutkan pelajaran sehingga ke universiti. Dalam konteks ini, saya ingin menegaskan bahawa pendidikan amat penting bagi generasi muda untuk mencapai kehidupan yang lebih cerah di masa depan. Perubahan lain yang saya nampak ialah dari segi kemudahan infrastruktur, umpamanya jalan raya dan bekalan elektrik. Kemudahan infrastruktur telah banyak memberi perubahan kepada kaum Bidayuh kerana sebelum ini mereka telah menggunakan bot atau berjalan kaki untuk pergi ke bandar. Tetapi setelah adanya jalan raya, amat mudahlah bagi mereka untuk sampai ke destinasi dalam masa yang singkat. Dengan adanya bekalan elektrik, melakkan kerja pada waktu malam tidak lagi menjadi masalah untuk mereka kerana tidak perlu bergantung kepada pelita, unggun api ataupun lilin lagi. Tempat kediaman mereka juga telah berubah, contohnya atap rumah mereka sebelum ini adalah beratapkan rumbia dan berdinginkan buluh. Ini jelas menunjukkan bahawa kaum Bidayuh tidaklah ketinggalan zaman



Yang paling menyeronokkan ialah apabila berpeluang berjumpa dengan rakyat, tidak kira bangsa, agama dan kedudukan mereka.

seperti yang disangkakan.

Bagaimana dengan ladang teh? Apakah kesannya terhadap penduduk?

Ladang teh merupakan projek yang pertama sekali dilaksanakan di kawasan saya pada tahun 1982. Sebelum ini, kehidupan penduduk Kampung Mayang dan Engkeroh amat mundur. Pendapatan mereka juga tidak tetap, ini adalah kerana pengaruh hasil tanaman mereka seperti padi bukit. Semenjak adanya ladang teh ini, ia telah mengubah segalanya. Mereka mempunyai pekerjaan dan gaji yang tetap. Kini, sudah 12 tahun ladang teh wujud. Rumah-rumah mereka diperbuat daripada batu-bata dan sudah ada bekalan elektrik 24 jam. Ada yang mampu membeli televisyen, peti sejuk dan alat elektrik lain. Boleh dikatakan taraf hidup penduduk di kedua-dua kampung itu telah meningkat. Berhubung dengan pembangunan tanah, peranan saya ialah menerangkan kepada penduduk kampung tentang dasar kerajaan secara mengadakan dialog dengan mereka dan memberitahu bagaimana mereka akan memperoleh faedah daripadanya. Isu tanah amat sensitif kepada penduduk luar bandar. Penjelasan yang betul amat penting kerana terdapat anasir yang menyebarkan berita karut dan salah seperti mendakwa kerajaan akan merampas tanah, mengambil tanah penduduk dan sebagainya. Tetapi semua ini adalah tidak benar kerana kerajaan sentiasa membuat sesuatu untuk kebaikan rakyat.

Selain isu tanah, ada tak isu lain yang dibangkitkan oleh penduduk semasa sesi dialog?

Isu-isu ini bergantung kepada sesebuah kawasan. Ada yang membangkitkan isu pembalakan, ada juga yang menggunakan jalan raya-jalan raya tidak berturap sebagai isu.

Sebagai seorang yang dilahirkan dan dibesarkan dalam masyarakat Bidayuh, tentu YB lebih tahu akan keistimewaan kaum Bidayuh. Antara keistimewaan yang dikagumi oleh YB?

Antara keistimewaan yang saya kagumi ialah mereka merupakan kaum yang lemah-lembut, bersopan-santun, peramah dan berpegang teguh kepada



Masyarakat Bidayuh perlu bergandingan tangan untuk bersaing bersama-sama masyarakat lain agar tidak ketinggalan.

adat-istiadat tradisi dan tidak agresif. Apa yang menarik perhatian saya juga, ialah jika hendak mengadakan mesyuarat, perjumpaan, atau terdapat pemimpin yang datang ke tempat mereka, mereka akan datang berduyun-duyun dengan sukarela. Mereka akan menyambut kedatangan pemimpin dengan hati yang terbuka. Mereka juga akan mendengar dengan teliti amanat daripada pemimpin. Kaum Bidayuh juga amat mahir dalam bidang seni kraftangan seperti menganyam tikar yang dikenali sebagai 'kirasah', mengukir buluh, membuat bakul, tambok dan sebagainya.

YB, Sarawak berkembang pesat. Malaysia menuju Wawasan 2020. Kami fikir YB tentu ingin melihat kaum Bidayuh terus ke depan untuk ikut serta dalam arus perdana pembangunan negara. Apakah agaknya mengikut tanggapan YB yang harus dilakukan oleh kaum Bidayuh supaya mereka tidak terkeluar daripada *main stream of development*?

Demi mencapai Wawasan 2020, yang pertama sekali ialah masyarakat Bidayuh perlulah menyingkirkan sikap mereka yang kolot, tidak yakin pada diri sendiri, dan segala tabiat dan pemikiran negatif yang diamalkan sejak turun-temurun. Masyarakat Bidayuh perlu bergandingan tangan untuk bersaing bersama-sama masyarakat lain agar tidak ketinggalan. Mereka juga perlu menanamkan sikap berfikirana positif seperti berusaha

memperbaiki diri dalam segala aspek. Masyarakat Bidayuh juga harus mengambil serius tentang empat bidang utama iaitu pendidikan, perubahan sosial, pembangunan tanah dan pembangunan sumber manusia, kerana ini perlu untuk mencapai Wawasan 2020.

Falsafah atau prinsip perjuangan YB?

Menyumbang lebih daripada menerima.

Banyak orang mengatakan di sebalik kejayaan suami ialah isteri. Bagaimana pula peranan isteri YB?

Saya rasa kejayaan saya dalam politik adalah kerana sokongan isteri dan keluarga saya. Mereka mengerti masalah saya sebagai seorang wakil rakyat dan sentiasa memberi galakan dan sokongan. Kadangkala mereka yang menggantikan saya untuk melayan dan berbulu mesra dengan tetamu pada masa saya tiada di rumah. Memang tidak dapat saya nafikan yang peranan isteri dan keluarga amat penting bagi diri saya.

Kami difahamkan kadang-kadang ada penduduk meminta yang bukan-bukan, yang di luar kemampuan seseorang YB. Sejuah manakah ini benar YB?

Memang banyak permintaan yang bukan-bukan daripada rakyat. Sampai sekarang banyak yang masih belum mengerti apakah tugas seorang wakil rakyat sebenarnya. Tetapi saya percaya, dengan penjelasan dan keterangan mereka faham. Kita harus berterus-terang dengan mereka, mana barang yang patut diberi dan yang tidak patut kita tolak. Umpamanya, jika seseorang hendak meminta pinggan mangkuk, kita tidak seharusnya terus mengatakan tidak boleh. Sebaliknya, kita perlulah memberi penjelasan yang sebaik-baiknya.

YB sudah berkecimpung dalam politik untuk sekian lama. Tentu ada rahsia mengapa YB dapat bertahan?

Secara jujurnya saya menyatakan yang saya tidak mempunyai sebarang rahsia. Apa yang penting ialah berinteraksi, berdamping rapat dan bermesra dengan rakyat. Kita juga harus berterus-terang dengan mereka. Soko-

ngan daripada keluarga juga memainkan peranan yang penting.

Memimpin bukannya mudah. Bukan semua orang dapat menjadi pemimpin, apatah lagi memimpin dengan baik dan berkesan. Pada pandangan YB, apakah agaknya sifat ideal pemimpin politik?

Pemimpin tidak harus angkuh, sombong atau egoistik. Tidak mementingkan diri sendiri. Seorang pemimpin harus lemah lembut tetapi tegas. Seorang pemimpin juga tidak harus terlampau berlagak, sebaliknya harus mengagap dirinya sama taraf dengan masyarakat.

Barangkali YB dapat memberi komen tentang politik pembangunan dan bagaimana ia membantu membangunkan masyarakat Bidayuh?

Bagi saya politik pembangunan bukan sahaja dari segi fizikal bahkan dari segi mental. Tidak dapat dinafikan melalui dasar politik pembangunan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, masyarakat Bidayuh telah menikmati banyak faedah. Banyak pembangunan telah dijalankan seperti pembangunan tanah, kemudahan awam, pendidikan, ekonomi dan sebagainya.

Apakah justifikasi rakyat harus memilih Barisan Nasional jika terdapat pilihan raya?

Barisan Nasional telah membuktikannya. BN bukannya parti yang

BN sebagai parti yang bertanggungjawab lebih banyak bertindak daripada bercakap. Apa yang dilaksanakan di sesuatu kawasan dan di Sarawak pada amnya telah membuktikan komitmen dan ketegasan BN untuk membangunkan masyarakat dan negeri ini. Saya rasa tidak ada pilihan yang lebih baik melainkan BN

banyak bercakap. BN sebagai parti yang bertanggungjawab lebih banyak bertindak daripada bercakap. Apa yang dilaksanakan di sesuatu kawasan dan di Sarawak pada amnya telah membuktikan komitmen dan ketegasan BN untuk membangunkan masyarakat dan negeri ini. Saya rasa tidak ada pilihan yang lebih baik melainkan BN.

Bagaimanakah YB melihat masa depan Sarawak?

Negeri Sarawak sangat beruntung kerana mempunyai pemimpin yang berpengalaman luas dan berkebolehan seperti YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud yang memimpin Kerajaan Negeri Sarawak. Sarawak telah membangun dengan begitu pesat. Dengan konsep politik pembangunan tambahan pula dengan adanya kestabilan politik perpaduan rakyat, Sarawak akan terus maju. Dengan hubungan baik antara pemimpin Kerajaan Negeri Sarawak akan membangun dengan bertambah pesat lagi, terutamanya pada tahun 2020.

Bagaimanakah YB mahu diingati?

Soloan ini agak susah dijawab. Walau bagaimanapun, setelah berjuang selama hampir 25 tahun sebagai wakil rakyat menerusi berbagai-bagai parti politik (SNAP, PBDS & PBB) saya rasa saya telah menyumbang secara langsung ataupun tidak langsung kepada negeri yang saya cintai amnya dan khasnya kawasan pilihan raya saya iaitu N12 Tebakang dahulu dan sekarang dinamakan N15 Tebedu. Sebagai seorang Bidayuh, saya harap sumbangan saya menerusi politik ada sedikit sebanyak memberi manfaat kepada kaum Bidayuh amnya dan Bidayuh di kawasan Serian khasnya, dari apa jua segi pembangunan. Jadi, saya harap generasi muda (kaum Bidayuh khasnya) akan mengingati saya sebagai salah seorang yang telah menyumbang kepada pembangunan kaum Bidayuh.

Menjadi YB merupakan jalan terbaik untuk kaya...

Saya rasa itu tidak benar. Bukan semua YB itu kaya, hidup mewah dan ada segala-galanya. Ada YB yang hanya bergantung kepada elaun sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri.

Hobi YB?

Bercucuk tanam, memancing dan berburu.

Penyanyi yang diminati?

Saya tak pandai menyanyi, tetapi saya peminat Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Negara yang pernah dilawati?

Amerika Syarikat, Kanada, Indonesia, Filipina, Thailand, Australia, Holland, Hong Kong dan Jerman. (Jerman Barat ketika itu.) Saya ingin melawat ke Afrika Selatan (kalau ada rezeki) setelah menyaksikan rencana tentang negara itu melalui televisyen.



Pemimpin tidak harus angkuh, egoistik dan mementingkan diri sendiri.

Perkara yang menjadi penyakit utama melanda masyarakat Islam pada hari ini ialah, yang pertama, hasad dengki. Ini terbukti segelintir masyarakat kita tidak senang duduk apabila melihat orang lain lebih maju dan lebih pandai



Y.B. Haji Wan Abdul Wahab Wan Sanusi

N16 Semera

ISLAM DI SARAWAK LEBIH MENONJOL

Bagaimana pandangan YB tentang perkembangan agama Islam di Sarawak setakat ini?

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah s.w.t kerana negeri Sarawak dalam konteks perkembangan agama Islam amatlah membanggakan, malah dalam sesetengah perkara. Sarawak nampak lebih menonjol berbanding negeri lain di Malaysia. Sebagai contoh, dalam masalah melaksanakan Undang-undang Mahkamah Syariah, negeri Sarawak merupakan yang terkemuka.

Begitu juga dalam konteks perkembangan di kalangan individu Muslim. Kita dapati ianya amat menggalakkan dari generasi tua sampai kepada generasi muda. Malah ianya sedikit-sebanyak telah bertapak di dalam masyarakat bukan Islam di mana kalau pun mereka tidak menganutinya, tetapi menghormatinya.

Komen YB tentang penyakit yang melanda masyarakat Islam pada hari ini?

Perkara yang menjadi penyakit utama melanda masyarakat Islam pada hari ini ialah, yang pertama, hasad dengki. Ini terbukti segelintir masyarakat kita tidak senang duduk apabila melihat orang lain lebih maju dan lebih pandai. Apabila ada umat Islam yang berpengaruh dan berkuasa, maka akan ada golongan yang cuba menghalang, menggagalkan dan cuba menumbangkan kerajaan yang berkuasa.

Penyakit yang kedua ialah tamak dan yang ketiga kurang berusaha atau malas. Mereka hanya mengharap atau menyerah kepada takdir semata-mata.

Gejala lepak, penderaan, membuang anak dan beberapa lagi begitu membimbangkan. Ada pendapat yang mengatakan masalah

ini berpunca daripada lemahnya pegangan agama dan longgarnya hubungan kekeluargaan. Komen YB?

Gejala lepak, penderaan, membuang anak juga berpunca daripada lemahnya pegangan agama dalam sesebuah keluarga Islam. Ini memang benar. Ini kerana Islam itu adalah agama yang amat menitikberatkan soal kemesraan, keharmonian, kasih sayang di antara satu dengan lain. Dalam hubungan ini kita lihat umat Islam amat menekankan betapa ibu dan bapa itu merupakan punca segala-galanya. Apakah anak itu akan menjadi manusia yang berguna kepada bangsa dan negara atau sebaliknya.

Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud, "Anak yang lahir itu adalah putih bersih, dan ibu bapalah yang akan mewarnakan mereka, sama ada mengyahudi atau menasranikan mereka".

Dari sini jelas kepada kita apakah anak itu akan menjadi anak yang suka melepak atau akan jadi yang baik banyak bergantung kepada ibu bapa.

Begitu juga dalam masalah penderaan dan membuang anak merupakan gejala yang terbit daripada lemahnya pendidikan agama. Islam itu amat menitik-beratkan sifat-sifat kasih-sayang, hormat-menghormati dan dalam hubungan ini, ciri-ciri demikian jelas bercanggah dengan gejala yang tidak sihat itu.

Strategi mengatasinya?

Didikan agama itu amat penting. Dan mengamalkan didikan agama itu sebagai *way of life* juga harus diutamakan. Ibu bapa yang dapat menghayati Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan tahu tentang betapa dosanya membiarkan anak melepak, mendera atau membuang bayi. Mereka tidak akan tergamak melakukan perbuatan yang amat teruk itu jika hukum Islam dijadikan pegangan sesebuah keluarga.

Baru-baru ini dilaporkan dalam akhbar tentang betapa sesetengah kaum Iban yang diislamkan telah kembali mengamalkan kepercayaan nenek moyang mereka. Mengapakah hal ini berlaku, dan langkah untuk mengelakkannya?

Soalan ini patut dikemukakan 10 tahun lalu. Saya rasa ini lebih sesuai

daripada kita mengemukakan soalan ini hari ini. Seolah-olah pemimpin Islam sekarang yang dipersalahkan.

Sebenarnya antara sebab berlakunya masalah tersebut ialah:

- Islam disebarkan tidak dengan jalan yang baik atau dengan niat tidak suci.
- Memperalatkan Islam untuk tujuan tertentu, iaitu mencari keuntungan.
- Tidak ada tindakan susulan dibuat.

Jadi, langkah yang sepatutnya diambil ialah:

- Mengenal pasti tempat, kedudukan dan permasalahan yang mereka hadapi.
- Memberi perhatian yang secukupnya dengan mengadakan lawatan dari masa ke masa di samping menempatkan guru-guru agama yang berkelayakan untuk membimbing mereka.

Pandangan YB tentang berlakunya gejala penyelewengan agama?

Berlakunya penyelewengan agama adalah disebabkan beberapa perkara:

- Tidak mempelajari Islam itu secara mendalam.
- Memperalatkan Islam itu untuk tujuan tertentu iaitu politik,



Perkara yang menjadi penyakit utama melanda masyarakat Islam pada hari ini ialah hasad dengki.

mendapatkan kuasa dan kekayaan.

c. Tindak tanduk jahat musuh-musuh Islam yang ingin melihat Islam itu hancur dengan memperalatkan umat Islam yang cetek imannya.

Apakah pandangan YB tentang ciri-ciri/sifat-sifat pemimpin politik yang unggul dari sudut pandangan Islam?

Ciri-ciri pemimpin politik yang unggul dari sudut pandangan Islam ialah antara lain:

- Benar, yakni tidak takut menghadapi cabaran.

b. Amanah dan jujur dalam tindakan-tanduk.

c. Menyampaikan atau melaksanakan tugas dan kewajipan dengan penuh dedikasi.

d. Adil dan saksama.

e. Bijaksana, berilmu tinggi dan visi dan wawasan ke arah kemajuan ummah.

Komen YB tentang kebangkitan kesedaran Islam di negara ini?

Alhamdulillah jelas kepada kita bahawa Islam bukan sahaja sebagai agama rasmi negara malah telah terbukti ia menjadi pegangan hidup masyarakat kita. Ini dapat kita lihat dalam beberapa aspek seperti:

a. Pendidikan — Mata pelajaran agama Islam diberikan keutamaan dalam kurikulum dan kokurikulum di sekolah menengah dan rendah.

b. Ekonomi — bank-bank, takaful (insurans), pajak gadai sudah mula menjalankan urusan niaga berdasarkan hukum-hukum Islam.

c. Politik — pemimpin-pemimpin negara tidak segan silu mengetengahkan model kepemimpinan Islam.

d. Individu — jarang kita lihat umat Islam tidak sembahyang, berpuasa dan mengerjakan ibadat-ibadat lain. Pakaian lelaki dan perempuan juga sekarang nampak lebih sopan.



Islam bukan sahaja sebagai agama rasmi negara malah telah terbukti sebagai pegangan hidup masyarakat.

Sejauh manakah perkembangan Islam dan kebajikan umat Islam

diberi perhatian di bawah dasar Politik Pembangunan YAB Ketua Menteri?

Di bawah dasar Politik Pembangunan Ketua Menteri, Islam telah diberi perhatian yang serius sama ada dari segi rohaniah mahupun jasmaniah. Lihat sahaja betapa kita dikagumi dengan pembinaan bangunan masjid dan surau yang indah di seluruh negeri. Mahkamah Syariah, Baitulmal, Majlis Islam, Madrasah (sekolah agama) diberi perhatian yang amat tinggi oleh kerajaan negeri dalam pembangunannya. Badan-badan dakwah dan kebajikan Islam secara langsung atau tidak telah mendapat bantuan dan sumbangan kewangan daripada kerajaan negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Dalam konteks kebajikan, masya-

Dasar kerajaan sekarang juga tidak membeza-bezakan di antara kaum dan agama dari segi keadilan dan kebebasan, menyeru masyarakat semua kaum, bangsa dan agama agar bersatu-padu, bertolong bantu dan hidup rukun dan damai



Dasar kerajaan sekarang tidak membeza-bezakan antara kaum dan agama sama ada dari segi keadilan mahupun kebebasan.



rakat Islam di Sarawak hari ini bukan sahaja berbangga mempunyai Ketua Menteri yang berjiwa rakyat malah sebagai pembela maruah dan kedudukan umat Islam. Dengan terbinanya institusi-institusi yang saya sebutkan tadi, secara langsung telah memberi sumbangan yang amat bermakna tentang kebajikan umat Islam.

Penerapan nilai-nilai Islam dalam konteks arus politik pembangunan.

Ini amat perlu kerana ketahanan dan kekuatan sesebuah kerajaan tergantung kepada sejauh mana kerajaan itu dapat diterima oleh rakyat. Sekarang kita dapat melihat penerimaan rakyat terhadap kepemimpinan Y.A.B. Ketua Menteri melalui dasar

Politik Pembangunan amatlah jelas. Sikap terbuka, jujur, adil, amanah dan bertanggungjawab yang merupakan ciri-ciri dan nilai-nilai Islam sedang dipraktikkan oleh beliau dalam memimpin negeri ini. Dan itulah menjadi beliau disegani kawan dan lawan.

Adakah apa-apa persamaan di antara politik zaman sekarang dengan politik zaman Rasulullah. Bagaimana dan di mana persamaan dan perbezaannya?

Dari segi persamaan, jelas ada. Di mana negara kita mengamalkan politik demokrasi yang menyamaratakan hak-hak individu, menentukan sesuatu tindakan itu melalui mesyuarah, dengan mengutamakan suara terbanyak. Dasar kerajaan sekarang juga tidak membeza-bezakan antara kaum dan agama dari segi keadilan dan kebebasan, menyeru masyarakat semua kaum, bangsa dan agama agar bersatu-padu, bertolong bantu dan hidup rukun dan damai.

Perbezaannya pula ialah di zaman Rasulullah sumber hukum itu hanya ditentukan oleh al-Quran dan sunnah. Di zaman dahulu, ulama adalah juga Umara' iaitu pemerintah.

Dewasa ini, Umara' (pemerintah) bukan semestinya golongan ulama, begitu juga sebaliknya. Pada zaman dahulu, ulama memainkan peranan utama dalam menentukan keputusan dan dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan yang memerintah.

Dewasa ini, kedua-dua ulama dan Umara' harus bekerjasama. Ulama penting kepada Umara' dan Umara' perlu kepada ulama.

Gabungan Umara' dan ulama menjadi kekuatan umat dan kesejahteraan ummah.

Pandangan Islam dari segi penggunaan politik wang, menggunakan kuasa untuk menghimpun kekayaan dan menganiaya lawan?

Islam amat memusuhi politik wang atau rasuah serta menggunakan kuasa untuk menghimpunkan kekayaan dan menganiaya lawan. Politik wang samalah dengan khianat yang kedua-duanya dibenci oleh Islam kerana itulah kita lihat kalau berlaku amalan kotor ini di dalam mana-mana pertubuhan atau parti dan kerajaan, pasti hancur sebagai balasan Allah s.w.t.

Y.B. Haji Mohammed Naroden Haji Majais

N17 Simunjan

AHLI POLITIK: LILIN YANG MEMBAKAR DIRI

Saya tidak pernah termimpi untuk menjadi ahli politik. Bagaimanapun saya pernah membantu ahli politik di kawasan saya sewaktu pilihan raya. Dari situlah saya dipilih untuk menjadi calon



Bagaimana YB mula menjadi ahli politik?

Saya tidak pernah termimpi untuk menjadi ahli politik. Bagaimanapun saya pernah membantu ahli politik di kawasan saya sewaktu pilihan raya. Dari situlah saya dipilih untuk menjadi calon. Semasa itu saya bertugas dengan SEDC dan sebelum itu saya bekerja dengan Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai Timbalan Pegawai Pilihan Raya Negeri pada 1980-1983. Saya bertugas dengan SEDC selama 9 tahun sehingga pilihan raya yang lalu.

Pada pendapat YB, kenapa YB dicalonkan oleh PBB?

Pada asasnya rakyat di kawasan saya memberi sokongan kepada kerajaan kerana sebelum itu kawasan tersebut berada di tangan pihak pembangkang. Semenjak 1987 hingga pilihan raya lepas tidak ada apa-apa perubahan di kawasan itu. Rakyat menyedari bahawa parti pembangkang tidak dapat membawa pembangunan. Sebab itulah mereka memilih Barisan Nasional. Saya rasa rakyat menyedari bahawa kerajaan peka terhadap rakyat dan tidak mengingkari janji-janji semasa pilihan raya.

Adakah YB kesal melibatkan diri dalam politik?

Tidak. Kini saya mula berasa keseronokan dan kepuasannya.

Apa keseronokan sebagai YB?

Ponyokong saya sering mendampingi saya malah pihak pembangkang mula mendampingi saya dan berbaik-baik dengan saya. Adalah sifat semula jadi saya untuk suka bergaul dengan rakyat. Apabila kita suka menemui rakyat, rakyat suka kepada kita dan sering menjemput ke kampung mereka untuk membuka rasmi berbagai-bagai acara. Itu adalah satu daripada keseronokan. Lebih ramai rakyat menyedari bahawa mereka sepatutnya berbaik-baik dengan kita, berjumpa kita dan menyokong kita. Saya juga dapat berkenalan dengan pelbagai jenis manusia, dari pelbagai peringkat.

Bagaimana dengan kekecewaan?

Rakyat mianaruh harapan yang terlalu tinggi dan mereka ingin sesuatu dibuat dengan segera. Misalnya, apabila mereka memerlukan satu projek mereka tidak sabar menunggu. Mereka ingin projek tersebut dijalankan dengan segera. Mereka tidak henti-henti menghubungi saya. Mereka juga mungkin hanya ingin menemui kita. Saya merasa bersalah kerana tidak dapat memenuhi semua permintaan mereka.

Ramai rakyat datang berjumpa YB, apakah yang mereka luahkan?

Kebyakinan mereka datang dengan membawa "surat cinta" untuk memohon projek kecil-kecilan seperti

projek jalan raya, generator, zink, pinggan mangkuk dan cat. Ada juga yang datang dengan masalah peribadi. Mereka minta cermin mata, minta jelaskan bil hospital, bil klinik, menaja perkahwinan, menaja persekolahan, dan minta tambang balik.

Bagaimana cara YB mengendalikan permintaan begini?

Biasanya saya kendalikan satu persatu, kes demi kes berdasarkan kasihahin permohonan tersebut. Kalau mereka minta dua puluh ringgit saya akan beri sepuluh ringgit dan kalau mereka minta sepuluh ringgit saya akan beri lima ringgit. Saya perlu menawar. Ada juga permintaan yang saya tolak dan mereka menerima alasan yang saya berikan. Tetapi tentu tidak wajar menolak "out-right".

Rakyat menganggap bahawa jadi YB bermakna jadi jutawan. Apabila mereka menganggap sedemikian mereka akan terlalu bergantung kepada YB. Apa komen YB?

Memang ramai yang beranggapan sedemikian, terutama sekali generasi tua. Mereka menganggap bahawa apabila mereka dipilih sebagai YB saya mempunyai konsesi balak di sana sini, mempunyai peniagaan; ini membuat harapan mereka terlalu tinggi terhadap YB. Saya menjelaskan keadaan yang sebenar. Saya katakan kepada mereka bahawa saya belum ada wang untuk

memulakan peniagaan dan saya baru dipilih menjadi YB. Kebanyakan mereka menerima penjelasan tersebut. Tidak elok juga kalau kita terus menolak permintaan mereka. Biasanya ada tawar menawar. Selepas dijelaskan biasanya mereka memahami keadaan sebenar.

Adakah sebagai YB ia membantu dalam bidang perniagaan?

Ia bergantung kepada keadaan. Tanya menjadi YB pun jika permohonan kita adalah wajar, permohonan kita akan dapat dipertimbangkan. Saya fikir sebagai YB bukan apa yang dipohon itu semua boleh diperolehi. Mungkin keutamaan dapat diberi oleh agensi kerajaan, itu pun bergantung kepada kewajaran permohonan tersebut. Kadangkala sebagai YB, kita banyak memberi perakuan. Mengenai permohonan kerja terpulang kepada pihak tertentu untuk mempertimbangkan permohonan selepas kita memberi sokongan.

Masalah-masalah yang dihadapi di kawasan YB?

Rakyat di kawasan saya kebanyakannya bekerja sebagai pembalok, nelayan dan petani. Pembalok apabila pulang ke kampung biasanya menganggur hingga menjejaskan sosioekonomi masyarakat. Mereka terpaksa bekerja sebagai petani; pekerjaan yang jauh berbeza daripada pekerjaan mereka sebelum itu. Mereka kurang pendapatan untuk membeli kegunaan harian seperti baju, untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Jika kita dapat mengadakan satu projek, seperti projek pertanian, pembukaan ladang mereka dapat bekerja di ladang tersebut. Saya berasa YAB gembira kerana YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud telah bersetuju untuk membuka sebuah ladang di antara Gedong dan Bukit Kundong. Telah dipersetujui bahawa projek tersebut akan di kendalikan oleh syarikat dari Semenanjung dan sebuah syarikat tempatan. Ladang tersebut akan memerlukan 2,000 pekerja. Saya harap projek ini akan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini. Infrastruktur adalah baik pada masa ini. Kita ada jalan raya ke Gedong, dari Gedong ke Rumpin dan dari Serian-Sri Aman-Pundar ke Simunjan. Melalui jalan

Pundar ada jalan-jalan kecil yang menghubungkan kampung-kampung yang berdekatan. Walaupun sebahagian daripada jalan tersebut tidak berturap tetapi kemudahan lain seperti bekalan air dan keperluan asas yang lain sudah ada. Bagaimana dengan sikap rakyat? Orang kampung sangat rajin bekerja. Kita dapat lihat di tepi jalan ada sawah padi dan ladang koko. Kebanyakan yang diam di rumah panjang ada memohon subsidi untuk kolam ikan air tawar. Ada yang memohon daripada SEDC dan Jabatan Pertanian untuk menjalankan projek memternak ayam, itik dan burung puyuh. Kebanyakan mereka telah

Semasa hari pencalonan itulah saatnya saya tidak berasa 'kaki saya menjejaki tanah' semasa berjalan dari bilik operasi ke pusat pencalonan. Itu adalah pertama sekali saya menjadi calon. Beberapa penyokong yang mabuk daripada parti pembangkang telah mempersendakan saya

memulakan projek mereka dengan inisiatif mereka sendiri. Kita dapat lihat bahawa sikap mereka telah berubah; daripada menjadi pembalok dan petani mereka ingin menjadi pengusaha.

Sejak YB mewakili kawasan tersebut apakah projek-projek yang telah dijalankan?

Ada beberapa projek. Terbahagi kepada dua; satu projek kecil iaitu MRP. Beberapa projek tersebut telah diagihkan ke beberapa kampung. Misalnya, jalan Gedong sepanjang 3 kilometer yang menghubungkan satu kampung ke kampung yang lain telah diturap oleh pihak JKR. Tiga suku daripada jalan raya tersebut telah dipasang dengan lampu jalan. Beberapa

buah rumah panjang telah menerima bantuan berupa generator. Saya telah membelanjakan RM10,000 untuk memperbesar sebuah klinik di kawasan Iban yang penduduknya seramai 6,000-7,000 orang. Di pertengahan jalan ke Simunjan ada sebuah klinik dan klinik tersebut dapat membantu mereka yang menetap di sepanjang jalan tersebut apabila mereka memerlukan bantuan kecemasan.

Wawasan YB terhadap kawasan?

Pada peringkat pertama saya terlibat dengan perancangan dan saya berharap hasilnya akan dapat menjadi realiti pada peringkat kedua. Saya ingin melihat kawasan tersebut mendapat projek besar, projek sosioekonomi yang berlandaskan pertanian seperti perladangan agar kebanyakan rakyat yang menganggur dapat bekerja di sana dan menetap di ladang. Mereka akan dapat bergantung kepada pekerjaan tersebut untuk menampung penghidupan mereka. Bagi sesiapa yang tidak menetap di ladang tetapi bekerja di sana mereka dapat mengusahakan tanah mereka sendiri dengan menanam kelapa sawit atau tanaman yang lain dan mereka dapat menjual kelapa sawit tersebut kepada pihak berkuasa ladang. Saya harap pihak kerajaan akan meluluskan projek tersebut agar syarikat kerjasama akan mengusahakan tanah di kawasan berkenaan. Dengan ini rakyat di kawasan itu akan memperolehi keuntungan dalam jangka panjang. Selain daripada ini kita dapat lihat beberapa infrastruktur yang ada. Ini adalah projek besar yang kita tidak nampak hasilnya dalam jangka pendek.

Untuk semua ini berapa banyak wang telah dibelanjakan?

Untuk projek MRP disediakan RM150,000 setahun. Belanja untuk projek tersebut adalah dibawah jagaan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pertanian adalah agak besar. DID telah berada di sana semenjak beberapa tahun dan JKR sentiasa memperbaiki jalan raya tiap-tiap tahun. Saya tidak tahu berapa yang mereka belanjakan untuk itu.

Untuk menjadi YB bukannya senang. Pada pendapat YB apakah kriteria untuk menjadi YB yang

ideal?

Bagi saya YB yang ideal adalah YB yang dapat merancang, mendapat kelulusan daripada pihak berkenaan, melaksanakan projek yang telah diluluskan terutama sekali projek yang dapat mempertingkatkan taraf hidup rakyat. Dengan itu kualiti hidup masyarakat di kawasan tersebut akan meningkat dengan adanya infrastruktur yang sempurna, bekalan air, klinik yang sempurna, dan sekolah yang disediakan. Dan juga mempertingkatkan sosioekonomi seperti pendapatan rakyat. Kita bukan cuma fikir tentang kawasan kita sendiri sahaja tetapi mesti memberi sumbangan kepada pembangunan negeri keseluruhannya.

Perkara yang sering dibangkitkan oleh YB di dalam Dewan?

Mengenai pembangunan tanah dan mengenai perladangan, walaupun kita membangunkan seluruh Sarawak supaya menjadi ladang kelapa sawit kita masih belum dapat menandingi pasaran dari negara lain. Perkara kedua ialah pembangunan infrastruktur di seluruh negeri terutama sekali di kawasan luar bandar. Perhubungan dan pembangunan adalah merupakan satu masalah. Masyarakat luar bandar hendak ke bandar atau dari bandar hendak ke luar bandar menghadapi masalah.

Peristiwa yang ingin diingati se-

menjak YB melibatkan diri dalam politik?

Semasa hari pencalonan itulah saatnya saya tidak berasa 'kaki saya menjeraki tanah' semasa berjalan dari bilik operasi ke pusat pencalonan. Itu adalah pertama sekali saya menjadi calon. Beberapa penyokong yang mabuk daripada parti pembangkang telah mempersendakan saya. Selepas dua tahun sebagai wakil rakyat ada dua tiga orang yang tidak senang hati sebab tidak mendapat kontrak. Ada yang mendapat banyak kontrak dan selepas mereka menyelesaikan projek tersebut mereka melawan saya dengan adanya duit yang diperolehi. Saya kenal seorang yang datang berjumpa saya dan dengan terbuka ingin melawan saya pada pilihan raya akan datang. Saya tidak gentar. Walaupun beliau tidak mencabar saya memang ada seorang lain yang akan melawan saya. Dia ini adalah orang yang profesional; orang yang pernah melibatkan diri di dalam beberapa pilihan raya yang lalu. Saya telah siasat dan saya tahu bahawa dia telah menghantar borang pencalonan pada tiap-tiap kali ada pilihan raya tetapi tidak pernah bertanding.

Bagaimana cara YB melayan pencabar YB, pencabar yang tidak seiring dengan cara pemikiran YB?

Pencabar saya pada pilihan raya yang lalu mendapat kurang daripada 100 undi. Merujuk kepada rekod ter-

sebut saya tidak begitu bimbang.

Kenapa YB begitu yakin bahawa calon BN akan menang pada pilihan raya akan datang? Apakah justifikasi untuk rakyat memilih calon BN?

Saya rasa yang penting ialah kerajaan Barisan Nasional telah menunaikan janji. Kebanyakan janji semasa pilihan raya yang lalu telah ditunaikan dan sebahagiannya masih dalam proses untuk ditunaikan. Ada projek yang mengambil masa memandangkan bentuk projek tersebut. Masalah tanah, wang dan tenaga pekerja. Pihak kerajaan tidak berhenti berusaha untuk meneruskan projek atau pembangunan yang telah dijanjikan semasa pilihan raya yang lalu, baik dalam pilihan raya parlimen mahupun pilihan raya negeri.

Selain daripada membuka sebuah pejabat di Jalan Haji Taha apa lagi cara yang lain untuk menyelman masalah rakyat?

Kami ada ahli-ahli jawatankuasa PBB bahagian dan juga ahli-ahli jawatankuasa cawangan untuk memberi khidmat kepada rakyat di kawasan saya baik secara langsung atau tidak langsung. Kami sediakan bilik gerakan di semua kawasan atau cawangan dan sentiasa berhubung rapat dengan ahli jawatankuasa cawangan supaya masalah-masalah rakyat dapat dibawa atau diselesaikan. Tiap-tiap tahun saya adakan lawatan ke kawasan dan mengadakan sesi dialog bersama rakyat dan ketua jabatan di daerah Simunjan supaya orang kampung dapat menuyuarakan masalah mereka secara langsung bukan sahaja kepada saya tetapi kepada ketua jabatan. Dengan cara yang demikian kami dapat memberi jawapan yang tepat kepada rakyat.

Bentuk kerjasama antara YB sebagai ADUN dengan Ahli Parlimen di kawasan YB?

Selalunya saya dan Ahli Parlimen bekerjasama apabila ada acara yang diadakan di kampung. Kami adakan program lawatan, dialog sivik. Kami selalunya pergi bersama-sama untuk berjumpa dengan masyarakat kampung. Apa saja permohonan daripada orang kampung kami berkongsi mengenai peruntukannya. Kalau



Kita bukan hanya memikirkan tentang kawasan kita sendiri sahaja tetapi mesti memberi sumbangan kepada pembangunan negeri keseluruhannya.



Rakyat sodor bahawa parti pembangkang tidak akan dapat membawa apa-apa kemajuan.

peruntukan saya tidak mencukupi saya akan meminta pertolongan daripada Ahli Parlimen, YB Encik Wahab Suhaili. Ahli parlimen mendapat peruntukan RM350,000 setahun dan ADUN mendapat peruntukan RM150,000 setahun. Ahli Parlimen mendapat peruntukan sekali ganda tetapi beliau memberi perkhidmatan kepada dua kawasan. Kalaulah permohonan memerlukan peruntukan RM40,000 misalnya, beliau mengeluarkan RM20,000 dan saya RM20,000 ataupun beliau mengeluarkan lebih daripada itu. Mengenai perancangan untuk kawasan selalunya saya berbincang dengan Ahli Parlimen. Saya tidak mahu merancang sesuatu untuk kawasan tanpa pengetahuan beliau. Kami berdua mengadakan "brain storming" untuk mendapat idea. Ada satu ketika kami berdua berjumpa YAB mengenai "master plan" untuk kawasan Simunjan.

Komen mengenai politik pembangunan dan pencapaian besar yang diperolehi oleh Ketua Menteri?

Ketua Menteri kita telah berjaya membawa pembangun fizikal untuk Sarawak seperti jalan raya. Lebuhraya Pan-Borneo kini hampir siap. Kita dapat memandu dari Lundu ke Miri sekarang ini. Ketua Menteri kita begitu berjaya membawa pembangunan di Sarawak dan membawa kesan yang besar terhadap sosioekonomi rakyat

Sarawak pada keseluruhannya. Kesan utama adalah terhadap rakyat luar bandar kerana banyak projek pembangunan tanah dan peluang kerja di ladang-ladang. Ketua Menteri kita berpandangan jauh dan mempunyai wawasan mengenai pembangunan. Beliau merancang untuk membangunkan lebih daripada 1/2 juta hektar tanah di Sarawak menjelang tahun 2002 untuk dijadikan kawasan perladangan. Ketua Menteri menyedari potensi pembangunan tanah di Sarawak. Ketua Menteri telah berjaya membawa perpaduan kaum di Sarawak. Sebelum beliau datang ke Sarawak beliau telah mengetahui adanya parti pembangkang di sana sini. Perkara yang menyedihkan adalah mengenai Kes Ming Court pada 1987. Beliau telah berjaya kerana rakyat telah memberi kepercayaan kepada beliau kerana dapat membawa pembangunan kepada negeri dan rakyat. Rakyat telah menyedari perkara ini. Sedangkan PBDS juga ingin menyertai Barisan Nasional. Saya rasa parti lain pun kalau diberi peluang mereka juga akan menyertai Barisan Nasional. Mungkin mereka ini masih malu-malu untuk memohon. Lambat laun kebanyakan parti pembangkang akan menjadi lemah.

Rahsia di sebalik kejayaan beliau?

Saya fikir rahsia kejayaan Ketua Menteri ialah keikhlasan. Beliau begitu jujur mengenai janji dan ikhlas terhadap rakyat. Beliau ikhlas me-

ngendalikan ahli kabinet beliau dan ikhlas dalam mengendalikan apa-apa perkara yang masuk ke Sarawak. Beliau begitu ikhlas. Beliau tidak mengungkitkan perkara yang telah beliau rancang atau janjikan. Beliau adalah orang yang adil. Sebuah negeri perlu dibangunkan dari satu sudut ke satu sudut. Beliau tidak hanya membangunkan satu tempat dan membiarkan tempat yang lain. Beliau membangunkan seluruh daerah di Sarawak agar semua rakyat dapat mengecapi hasil pembangunan.

Bagaimana YB meneladani kepimpinan YAB?

Sebagai ADUN dari satu kawasan kita tidak sepatutnya peka terhadap satu kawasan sahaja tetapi harus peka terhadap kawasan lain di Sarawak. Kita mesti menyelidik dan memahami keperluan dan masalah semua masyarakat tidak kira Melayu, Cina, Melanau, Bidayah, Iban dan lain-lain.

Latar belakang masyarakat di kawasan YB?

Simunjan mempunyai penduduk 42 peratus Iban, 48 peratus Melayu, 2 peratus Melanau dan 8 peratus Cina. Kaum Melanau datang ke Simunjan kerana hubungan perkahwinan dan perniagaan.

Komen YB mengenai politik pembangunan?

Kita mempunyai kawasan tanah yang luas dan belum diterokai. Masyarakat menetap di pelbagai kawasan di seluruh Sarawak dan pembangunan adalah cara yang sebaiknya untuk membawa pembangunan di tanah yang luas dan terbiar di Sarawak yang mempunyai banyak potensi. Bukan setakat mendapat hasil pendapatan untuk negeri Sarawak tetapi untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat keseluruhannya. Melalui politik pembangunan kita dapat menyatu-padukan rakyat.

YB terlibat aktif dalam SABERKAS. Tentu YB dapat memberitahu masalah beliau di Sarawak.

Sebagai setiausaha penganjur SABERKAS negeri saya telah diarah untuk membuat kajian tentang masalah yang dihadapi oleh beliau di Sarawak. Bagaimana untuk menyelaraskan tentang latihan dan peluang pekerjaan

yang ada. Bagaimana hendak mendokumentasi maklumat ini supaya belia yang mengangur dapat manfaat. Saya telah bekerjasama dengan perunding dari UPM Serdang untuk menyelaraskan maklumat melalui pangkalan data. Maklumat ini akan diedarkan kepada belia-belia di Sarawak. Ini untuk memudahkan mereka mendapat maklumat mengenai latihan dan peluang-peluang pekerjaan yang disediakan oleh pihak swasta ataupun agensi kerajaan. Sebuah kertas kerja mengenai latihan dan projek sosioekonomi telah disiapkan oleh perunding. Sekarang kami sedang membuat kajian terperinci mengenai projek sosioekonomi yang dirancangkan di Sarawak dan mengkaji peruntukannya sekali. Supaya peruntukan ini dapat disalurkan untuk kegiatan latihan untuk belia-belia Saberkas dan untuk diberikan kepada belia-belia yang telah tamat latihan agar mereka dapat membuka projek sosioekonomi yang berpotensi. Misalnya, seperti di Selangor atau Terengganu, projek perunding ini telah membahagikan kejayaan. Dan ramai belia telah mendapat manfaat.

Hobi YB ?

Sebelum menjadi YB saya suka bermain golf dan selepas pilihan raya saya pun berhenti. Sekarang alat permainan golf saya pun sudah berkarat.

Waktu lapang saya selalu berjogging agar saya merasa segar dan sihat. Saya juga membaca. Saya membaca bahan bacaan yang berkaitan dengan seni bina dan juga mengenai politik. Kadangkala saya pergi memancing dengan keluarga.

Rancangan YB untuk masa depan?
Menjadi usahawan yang berjaya.

Bagaimana cara YB membahagikan masa?

Selalunya sebelah pagi saya mengendalikan perniagaan saya. Pukul 9 hingga pukul 10 pergi ke "site". Selepas itu saya pergi ke pejabat parti untuk berjumpa dengan rakyat sehingga pukul dua. Sebelah petang jika tidak ada apa-apa saya akan balik ke pejabat saya.

Dalam politik apakah yang YB benci sekali?

Orang yang memukul dari belakang; orang yang menikam dari belakang. Itu pertama. Kedua, orang yang tidak bersyukur terhadap pembangunan yang telah diberikan. Ini adalah jenis manusia yang "anti-establishment". Apa saja yang kita buat; walaupun kita buat dengan betul, bagi mereka semuanya salah. Walaupun mereka tahu bahawa mereka adalah salah dan kita betul; tetapi mereka sebarkan kepada umum bahawa mereka salah yang betul. Mereka ini

dilahirkan untuk membangkang. Ada beberapa orang yang bersikap begini. Tidak ramai. Selepas dua tahun dalam politik dan mengenal latar belakang mereka; bagi saya mereka bukanlah cabaran yang serius. Soalnya kita biasakan dengan keadaan begini.

Ahli politik adalah umpama lilin bakar diri, apa komen YB?

Memang. Lilin yang membakar diri. Berkorban untuk menerangkan orang lain. Tidak banyak masa untuk keluarga. Bila balik ke rumah sudah ada tiga atau empat orang yang menunggu di rumah. Kebanyakan masa digunakan untuk melayan rakyat kalau dibandingkan masa untuk keluarga. Mereka inilah yang kita perlukan untuk menyokong kita dari belakang.

Sumbangan isteri YB dalam kerjaya YB sebagai ahli politik?

Saya memerlukan isteri saya. Saya memerlukan isteri saya untuk memberi senyuman kepada saya setiap hari. Saya tidak memerlukan wang ringgit daripada isteri saya. Saya perlu sokongan isteri melalui senyuman yang diberikan apabila saya balik ke rumah dari pejabat. Memberi motivasi dan kebahagiaan. Walaupun menghadapi tekanan kita akan gembira apabila melihat keluarga kita bahagia. Perkara yang paling saya benci apabila isteri menengking anak-anak di rumah. Walaupun dia bukan menengking kita, kita terasa kerana kita memang berada di dalam keadaan tertekan. Dengan melayan dengan baik itu saja yang saya perlukan. Saya tidak memerlukan dia untuk berkempen dari kampung ke kampung kerana rakyat sudah bersedia untuk membantu dalam berkempen. Saya ingin isteri saya memberi senyuman kepada saya. Saya ingin dia menjaga dan mengasuh anak-anak.

Bagaimana apabila rakyat datang ke rumah?

Saya tidak mahu isteri saya menjauhi diri dari rakyat. Apabila orang kampung mengunjungi rumah saya, pembantu rumah akan menghidang kopi. Isteri perlu berjabat tangan dengan tetamu. Apabila seseorang datang ke rumah biasanya mereka memerlukan sambutan yang ikhlas.

Adakah isteri dan anak YB me-



Kebanyakan masa digunakan untuk melayan rakyat kalau dibandingkan masa untuk keluarga.

rungut?

Ada juga sekali sekala.

Bagaimana YB ingin diingati?

Saya tidak ingin mereka mengingati apa yang saya tidak dapat berikan. Saya ingin memberi apa yang terdaya. Sekurang-kurangnya ada sesuatu yang hendak diingati walaupun saya tidak dipilih suatu hari nanti. Sesuatu yang telah saya rancangkan. Sesuatu yang telah saya lakukan untuk mengubah sikap mereka, taraf hidup mereka di kampung.

Nasihat YB untuk generasi muda di kawasan YB?

Untuk generasi muda di kampung terutama sekali lepasan sekolah yang masih mengangsur saya mahu mereka bersabar menanti projek yang dirancang untuk mereka. Projek seperti ladang. Bagi rakyat projek begini akan membuka peluang pekerjaan. Kedua, mereka mesti bersedia untuk menghadapi cabaran dalam menghadapi beberapa projek tersebut. Apa artinya projek kalau generasi tua dan muda tidak dapat merebut peluang yang ada. Mereka mesti memperlempang diri dengan ilmu dan kemahiran.

Penyanyi yang YB minati?

Saya meminati Ziana Zain. Saya suka cara dia menyanyi. Mata yang seksi. Suara yang seksi. Saya mempunyai beberapa buah album beliau.

Saya meminati Wann, P. Ramlee. Saya tidak pandai menyanyi tetapi saya suka muzik.

Orang ramai berpendapat, sebagai YB mesti versatile, pandai menyanyi. Apa pendapat YB?

Apa yang mereka fikir adalah betul. Orang seperti kita ada masanya diminta untuk bernyanyi. Diminta untuk berlawak. Terutama sekali melawat sesuatu tempat atau apabila menghadiri satu-satu majlis. Ada masanya di minta menari dan "ngajat". Ada di beberapa rumah panjang mereka menyediakan kumpulan muzik. Mereka meminta kita menari dan menyanyi. Kalau tidak pandai bernyanyi sekurang-kurangnya tahu menyanyi sebuah lagu. Satu cara untuk PR. Mereka suka melihat kita di atas pentas.

Latar belakang YB?

Saya dilahirkan pada 9 Jun 1954. Sekarang usia saya 41 tahun. Mempunyai 17 orang adik beradik. Saya adalah yang tertua. Tiga orang telah meninggal dunia. Sekarang tinggal 14 orang. Sembilan orang lelaki dan empat orang perempuan. Enam orang daripada yang lelaki sekarang bekerja di Kuching. Dua orang yang perempuan masih bersekolah di kampung. Seorang masih menjalani latihan elektronik di Melaka. Seorang masih berlatih di Selangor. Saya mempunyai empat orang anak. Dua orang lelaki

dua orang perempuan. Anak yang tertua adalah lelaki; sekarang di tingkatan satu. Anak saya yang kedua, perempuan. Masih di prasekolah. Ketiga adalah perempuan juga. Yang bongsu lelaki berumur setahun tujuh bulan.

Latar belakang persekolahan YB?

Belajar di SMK Simunan untuk peringkat menengah rendah selama tiga tahun dari 1966 hingga 1968. Selepas itu melanjutkan pelajaran di SM Dragon dalam tahun 1970 hingga 1971. Juga dalam bidang sains. Pada tahun 1973 saya belajar di Kolej Tuan-ku Haji Bujang, Miri. Pada Januari 1974 saya melanjutkan pelajaran di Canberra Technical College, Australia di bawah "Colombo Plan". Selepas itu belajar di University Of England, New South Wales, dalam bidang sastera pengkhususan dalam geografi. Apabila tamat pengajian saya mengajar di SMK Tun Abang Haji Openg selama setahun pada tahun 1980. Dalam tahun 1981 saya menyertai Suruhanjaya Pilihan Raya. Julai 1983 saya bertugas dengan SEDC sebagai Pegawai Projek, mengendali pembangunan harta sehingga 1991.

Saya tidak ingin mereka mengingati apa yang saya tidak dapat berikan. Saya ingin memberi apa yang terdaya. Sekurang-kurangnya ada sesuatu yang hendak diingati walaupun saya tidak dipilih suatu hari nanti. Sesuatu yang telah saya rancangkan. Sesuatu yang telah saya lakukan untuk mengubah sikap mereka, taraf hidup mereka di kampung



Apa artinya projek kalau generasi tua dan muda tidak merebut peluang bagi memperlempangkan diri dengan ilmu dan kemahiran.



Y.B. Julaihi Narawi

N18 Sebuyau

PERUBAHAN UNTUK MENANGANI CABARAN

Kami perhatikan YB berminat bercakap tentang masalah nelayan. Masalah kaum nelayan yang sering YB debatkan di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN)?

Kebanyakan kaum nelayan di sepanjang pantai Sarawak masih menggunakan cara penangkapan yang tradisional. Jadi, mereka ini boleh kita anggap sebagai 'pemburu' ikan kerana yang diburu mereka itu tidak pasti. Kita perlu mencari jalan untuk menyelesaikan masalah mereka demi meningkatkan pendapatan kaum nelayan. Dalam usaha meningkatkan taraf hidup kaum nelayan dan petani kita, saya menaruh harapan bahawa projek akuakultur adalah paling berpotensi untuk menangani masalah ini. Ini memandangkan Sarawak mempunyai kawasan seluas lebih kurang 257,000 hektar untuk dibangunkan sebagai tapak akuakultur, khususnya ternakan udang harimau dan selunsong dalam kolam. Lagipun tenaga manusia di kalangan nelayan dan petani begitu banyak untuk dilibatkan secara langsung dalam projek ini. Dengan adanya

projek seperti ini akan lahir budaya masyarakat nelayan yang memiliki kolam ternakan sendiri, seterusnya meningkatkan sumber pendapatan mereka.

Masalah dari segi sikap kaum nelayan ini? Adakah mereka bersedia untuk menerokai laut dalam?

Buat masa sekarang saya lihat kaum nelayan kita belum bersedia menerokai laut dalam. Bukan tidak mahu, ini kerana mereka masih menganggap laut terlalu jauh dan peralatan untuk menangkap ikan belum sesuai untuk mereka ke laut dalam. Untuk ke laut dalam peralatan menangkap ikan mestilah canggih, berteknologi tinggi dan mempunyai kelengkapan dan modal yang mencukupi.

Pada pandangan YB, bagaimana cara hendak menyelesaikan masalah ini?

Bagi saya, untuk menyelesaikan masalah ini kita perlu melihat dari segi konsep hendak membangunkan

ekonomi pesisiran, iaitu merangkumi kaum nelayan dan petani. Bukan hanya pergi ke laut untuk menangkap ikan tetapi mempunyai kegiatan pertanian di sepanjang pantai Sarawak. Kegiatan pertanian juga mempunyai masalah seperti kemasukan air masin apabila air bah. Walau bagaimanapun, dengan adanya sistem saliran yang mencukupi dan rangkaian jalan raya pesisiran dan beberapa kemudahan asas yang lain, kawasan ini boleh ditanam dengan tanaman komersial seperti nanas. Selain itu, saya juga mencadangkan lebih banyak kilang memproses dan mengetin ikan dan sistem *cold storage* didirikan di kawasan pesisiran. Di samping itu, 'Coastal Economy Authority' perlu ditubuhkan untuk menyelaras dan menggerak pembangunan ekonomi pesisiran.

Penduduk luar bandar bergelut dengan masalah alam sekitar? Saya rasa politik pembangunan YAB Ketua Menteri ada strategi tertentu?

Kita memang menghadapi masalah alam sekitar, misalnya tanah yang tidak sesuai untuk bercucuk tanam. Kalau kita lihat strategi politik pembangunan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, jelaslah pembangunan ekonomi pesisiran amatlah ketara kerana banyak rangkaian jalan raya telah dibina untuk memberi peluang kepada penduduk luar bandar merebut peluang pembangunan yang disediakan. Melalui konsep pembangunan wilayah di bawah gagasan politik pembangunannya, Ketua Menteri berusaha membangunkan kawasan pesisiran. Kawasan ini akan menjadi *trigger point*, sebagai pemangkin pembangunan di situ dan kawasan sekitarnya. Apa yang jelas pembinaan jalan raya di kawasan pesisiran akan 'membuka' kawasan itu hingga pembangunan akan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah lagi. Apabila segala perancangan berkaitan dengan pembangunan wilayah ini dilaksanakan sepenuhnya nanti, saya yakin Sarawak, khususnya kawasan luar bandar dan pesisirannya akan lebih cepat membangun.

Satu perkara yang selalu ditekankan oleh pemimpin PBB khususnya KM ialah soal pem-



Perubahan dan kemajuan tidak akan dapat dicapai jika rakyat tidak mahu mengubah sikap.

bukan tanah, adakah projek begini dilaksanakan di kawasan YB?

Sebenarnya kawasan N18 Sebuyau masih dalam kajian untuk melaksanakan projek IADP. Penduduk-penduduk di kawasan Sebuyau menaruh harapan apabila projek IADP dilaksanakan nanti ia akan dapat meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat melalui bidang pertanian seperti kejayaan yang dikecapi oleh penduduk di kawasan Samarahan. Selain itu, mereka juga memerlukan benteng laut untuk meliputi pekan-pekan seperti Sebuyau dan Sebangon, hingga ke kampung seperti kampung Sungai Ladong, Sungai Apin dan Pantong Melayu.

Apa agaknya tanaman yang sesuai ditanam di kawasan YB?

Ini semua sebenarnya masih dalam kajian. Sebab itulah saya tidak dapat hendak memberitahu perkara ini. Semasa persidangan DUN yang lalu, ada saya cadangkan bahawa tanaman nanas sesuai ditanam di kawasan saya kerana tanahnya bergambut dan mempunyai 'acid-sulfate'. Jika sistem saliran mencukupi, kawasan ini juga boleh ditanam dengan tanaman komersial yang lain.

Boleh YB terangkan sedikit latar belakang mengenai penduduk di kawasan YB?

Majoriti penduduk adalah kaum Melayu, selain kaum Iban dan Cina. Penduduk di kawasan saya terdiri daripada golongan nelayan dan petani.

Nelayan dan petani tersebut masih menggunakan cara tradisional.

Berapa buah kampung terdapat di kawasan YB?

Jumlah kampung termasuk rumah panjang, hampir 60 buah kampung. Semuanya terletak di sepanjang Batang Sadong dan Batang Lupar sehingga ke daerah Lingga.

Seperkara yang sering ditekankan oleh PBB ialah soal perubahan sikap bumiputera terutamanya di luar bandar. Apa komen YB mengenai kenyataan ini?

Penduduk luar bandar memang perlu mengubah sikap mereka, terutamanya dalam menerima dasar politik pembangunan yang diilhamkan oleh YAB Ketua Menteri. Sebab, penduduk luar bandar terutama bumiputeralah yang sering ditekankan oleh PBB supaya mengubah sikap demi mencapai hasrat kerajaan untuk membangunkan negeri ini.

Dalam sebarang perubahan, sikaplah yang utama. Perubahan dan kemajuan tidak akan dapat dicapai jika rakyat tidak mahu mengubah sikap. Penduduk di luar bandar harus bersedia untuk mengubah sikap dengan bersedia menerima perubahan dan projek pembangunan yang diperkenalkan oleh kerajaan. Tidak ada untungnya jika rakyat menolak pembangunan. Rakyat tidak seharusnya membangkang projek yang akhirnya bertujuan membawa faedah kepada mereka sendiri.

Dasar politik pembangunan YAB Ketua Menteri merupakan penggerak atau pemangkin kepada pembangunan di Sarawak, khususnya di kawasan luar bandar. Komen YB tentang dasar politik pembangunan?

Seungguhnya, dasar politik pembangunan YAB Ketua Menteri adalah pemangkin kemajuan dan pembangunan di Sarawak. Kalau kita analogikan dasar tersebut sebagai bidang

bisnes jelaslah ia begitu *viable* dan *bankable*. Sebab, dasar politik pembangunan telah berjaya memenuhi aspirasi dan kehendak rakyat Malaysia di Sarawak. Dasar tersebut berupaya mengubah ekonomi Sarawak daripada yang bergantung kepada pertanian menjadi negeri yang berjaya menerokai usaha pembangunan tanah, dengan penanaman tanaman komersial seperti rumbia dan kelapa sawit. Dasar politik pembangunan mempercepat proses perindustrian. Kita berjaya menarik pelabur asing untuk menanai modal di negeri ini. Lebih banyak kawasan perindustrian dibuka. Semuanya ini mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Projek sosioekonomi yang dilaksanakan mampu meningkatkan taraf hidup penduduk di setiap penjuru Sarawak, tanpa mengira kaum, agama dan kepercayaan. Hal ini membuktikan betapa PBB bersikap adil dan mengutamakan kepentingan rakyat.

Pada pandangan YB, apakah perubahan paling besar yang telah dicapai oleh Ketua Menteri?

Sarawak di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud telah mencapai banyak kejayaan. Kejayaan tersebut dapat dirumuskan seperti berikut: komitmen yang mendalam terhadap pembangunan negeri dan rakyat, perpaduan di kalangan penduduk pelbagai suku kaum, kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi yang begitu mantap dan membanggakan, dan hubungan yang mesra dan cemerlang dengan pemimpin Persekutuan.

Masa depan Sarawak begitu cerah dan berpotensi di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri. Barangkali YB dapat memberi komen tentang masa depan Sarawak di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri, dan PBB?

Masa depan Sarawak menjelang hujung abad ini, dan pada abad ke-21 amatlah cerah. Abad ke-21 adalah abad

Dalam sebarang perubahan, sikaplah yang utama. Perubahan dan kemajuan tidak akan dapat dicapai jika rakyat tidak mahu mengubah sikap

untuk Sarawak. Dengan komitmen semua pihak, dan landasan yang dicapai sekarang, bukanlah menghairankan Sarawak akan terus mencapai kejayaan yang gemilang dalam semua bidang — politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, pelancongan, dan banyak lagi. YAB Ketua Menteri, sesungguhnya adalah pemimpin unggul yang mempunyai visi hingga mampu meletakkan Sarawak setaraf dengan negeri lain di Malaysia. Sebenarnya, politik pembangunan yang dipelopori oleh Ketua Menteri adalah wahana atau cara untuk mencapai Wawasan 2020.

Apakah yang sebenarnya yang menyebabkan masyarakat luar bandar agak mundur? Selain dari sikap, adakah kemudahan tidak cukup atau kurang penekanan dalam soal pendidikan?

Mungkin disebabkan kurang pendedahan. Kerana orang luar bandar tidak semaju seperti orang di bandar. Mereka jarang jadi perintis kerana tidak yakin pada diri sendiri. Jika kita beri pendedahan untuk meyakinkan mereka tentu mereka dapat menggunakan pengalaman mereka atau idea-idea itu untuk membawa kemajuan dalam jangka masa yang panjang. Bagi saya, masyarakat luar bandar harus mengambil kesempatan daripada kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Misalnya, kini sekolah sudah terdapat hampir di segenap pelosok negeri. Terpujanglah kepada ibu bapa sendiri untuk memastikan anak-anak dihantar ke sekolah dan belajar dengan tekun. Mereka perlu memberi galakan yang sewajarnya; dan bukannya terlalu bergantung kepada kerajaan.

Mengapa ada sesetengah masyarakat luar bandar menentang usaha kerajaan untuk membawa pembangunan? Ini pernah berlaku di beberapa kawasan?

Di kawasan saya, tidak pernah saya mendengar masyarakat luar bandar menentang usaha kerajaan. Malah, mereka mengalu-alukan dan menunggu projek pembangunan yang disalurkan oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh, projek saliran DID memang mereka menunggu kedatangan projek itu untuk kemajuan mereka. Apa yang berlaku di tempat

lain, saya kurang pasti. Tetapi kemungkinan disebabkan hasutan daripada pihak tertentu yang ingin mengambil kesempatan untuk mendapat pengaruh politik dan sebagainya. Atau mungkin mereka mendapat maklumat yang salah hingga tidak jelas akan sesuatu projek yang hendak dijalankan. Kita harus bertanya: untuk siapakah projek itu? Siapakah yang akan mendapat keuntungan? Dan, siapa pula yang akan rugi?

Selain kerana hasutan, mungkin kerajaan tidak ada memberi penerangan yang secukupnya?

Jika dikatakan tidak memberi penerangan yang cukup, saya rasa tidak benar kerana para pemimpin kerajaan sering bercakap atau melancarkan pelbagai projek pembangunan dalam ucapan-ucapan mereka yang disiarkan menerusi media-media. Mungkin sesetengah mereka terkena hasutan ini disebabkan kurang mendapatkan maklumat.

Sebagai pemimpin muda dalam PBB, bagaimana agaknya peranan yang harus dimainkan oleh lapisan kedua pemimpin PBB. Misalnya ahli politik, pemimpin peringkat kampung dan cawangan. Apa yang harus dilakukan untuk mengubah sikap?

Saya rasa yang paling penting ialah memberi kerjasama dan sokongan padu kepada pucuk pimpinan yang ada sekarang. Kerana pemimpin

peringkat rendah macam saya perlu mendapatkan bimbingan daripada pemimpin veteran. Jadi, apabila kerjasama dapat dibentuk maka gandingan buah fikiran baru dan lama akan berjaya menghasilkan pembangunan berterusan kepada rakyat.

Selain itu YB, dari segi sikap pemimpin muda ini sepatutnya macam mana, supaya dapat merealisasikan hasrat parti, rakyat dan negara?

Paling utama ialah kita sering mendampingi rakyat kerana dengan perjumpaan itu kita dapat bertanya atau menyelami masalah yang mereka hadapi. Kita perlu mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan masalah mereka di peringkat rendah terlebih dahulu. Sekiranya masalah itu teruk sangat barulah kita membawa ke peringkat atasan. Orang kita memang senang dibawa berbincang kerana mereka bersikap terbuka.

Selain itu, pada hemat saya pemimpin muda perlu berganding bahu dalam semua aspek bagi memastikan aspirasi rakyat tercapai. Jika pemimpin muda bersatu, saya yakin lebih mudah kita melaksanakan projek pembangunan. Kita hendaklah memastikan tindakan kita seialiran dengan pandangan dan pemikiran pemimpin atasan.

Ketua Menteri pernah menyatakan bahawa dalam PBB kita berusaha mewujudkan pemimpin yang ter-



Penduduk di luar bandar harus mengubah sikap dan sedia menerima segala perubahan dan projek pembangunan yang diperkenalkan oleh kerajaan.



PBB bergerak dengan baik dan memainkan peranan dengan berkesan kerana pemimpinnya menumpukan perhatian terhadap usaha bagaimana untuk memajukan kawasan, masyarakat dan negeri ini.

baik. Apa komen YB?

Itu memang benar. Kerja berpasukan seperti yang sering diilangkan oleh YAB Ketua Menteri ialah untuk membentuk sebuah pasukan yang terbaik dalam menumpukan pembangunan kepada negeri. Ini penting, kerana tanpa *team work* mungkin kerja yang kita jalankan itu tidak menjadi. Seperti juga pasukan bola sepak, jika tanpa kerja berpasukan mungkin payah untuk mencapai kemenangan atau menjarangkan gol. Sebagaimana pasukan bola sepak, dalam PBB yang kita perjuangkan ialah sasaran kita tercapai. Apakah sasaran kita? PBB adalah sebuah parti komited untuk meningkatkan taraf sosioekonomi Bumiputera dan juga masyarakat bukan Bumiputera. PBB sentiasa berusaha keras untuk memastikan harapan rakyat tidak dikecewakan. Dari segi ini, saya fikir, PBB telah memainkan peranan yang berkesan mengurangkan kemiskinan di luar bandar melalui pelbagai rancangan pembangunannya.

Matlamat PBB ini adalah untuk membangunkan masyarakat majmuk dan ingin menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri yang termaju di negara ini

Dalam sesuatu pasukan itu perlu ada nilai-nilai tertentu. Untuk pasukan itu bergerak, orang macam mana sepatutnya ada dalam pasukan itu?

Kita mesti ada komitmen, disiplin, kesungguhan, keikhlasan dan kejujuran. Sesuatu pasukan dapat hidup dan bergerak kerana kesetiaan. Pasukan tidak akan dapat bergerak jika wujud prasangka dan perasaan iri hati. Jika perasaan dan sentimen negatif wujud, tentu sukar bagi pasukan tersebut berkembang dan mencapai matlamatnya. Kerana masing-masing saling mencurigai. Dalam keadaan curiga mencurigai, bagaimanakah kita dapat hidup bahagia? PBB dapat bergerak dengan baik dan memainkan peranan dengan berkesan kerana pemimpin menumpukan perhatian terhadap usaha bagaimana untuk memajukan kawasan, bagaimana untuk membawa pembangunan kepada masyarakat dan negeri ini. Jadi, tidak ada masa untuk politik. Jika landasan yang telah dihipkan oleh Datuk Taib di-amalkan, PBB akan terus kukuh.

Kalau masing-masing bercakaran dan berlumba-lumba untuk mendapatkan kuasa dan pengaruh, kesannya akan diterima oleh PBB sendiri.

Bagi YB, apakah perjuangan dalam politik?

Untuk membantu memajukan rakyat dan sama-sama membangunkan negeri dan negara kita.

Perkara pokok dalam berpasukan ialah perjuangan. Dalam hubungan ini, apakah formula untuk membangun negeri yang PBB sebagai tulang belakangnya?

Kita berbalik kepada kerja berpasukan, sebab PBB adalah sebagai penggerak utama kerajaan BN dalam membangunkan negeri dan rakyat.

Pada pandangan YB adakah kemasukan pemimpin muda yang mempunyai kelayakan akademik dan profesional yang lebih tinggi akan memberi kesan hebat kepada PBB?

Matlamat PBB ini adalah untuk membangunkan masyarakat majmuk dan ingin menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri yang termaju di negara ini. Jadi, kemasukan pemimpin muda itu saya anggap sebagai satu usaha untuk sama-sama menggerakkan dan melaksanakan dasar politik pembangunan dengan lebih berkesan lagi. Juga untuk membawa idea baru dan terus menjadi pendokong kepada cita-cita dan aspirasi pucuk pimpinan sekarang.

Apakah cabaran masa depan PBB dalam senario dunia yang berubah dengan pesat dan ledakan maklumat ini?

Cabaran PBB dalam perubahan pembangunan sekarang ialah berjuang untuk membangunkan rakyat agar mereka tidak lagi dibelenggu kemiskinan. Jadi, ledakan maklumat yang mereka terima itu adalah untuk membaiki dan meningkatkan taraf hidup masing-masing.

PBB perlu melalui semacam anjakan paradigma bagi memastikan ia tetap relevan dalam konteks perubahan masa depan. Maksudnya, pemimpinnya perlu bersikap proaktif, fikiran mereka menembusi tembok waktu. Sesungguhnya, dengan segala perkembangan yang berlaku di sekitar, kita dapat bayangkan cabaran yang terpaksa dipikul oleh PBB untuk memastikan matlamatnya tercapai. Semakin maju negara, semakin tinggillah harapan rakyat, dan semakin beratlah pula tanggungjawab dan cabaran yang perlu dipikul oleh PBB. Bagi menanganai cabaran dan tanggungjawab tersebut ia harus mempersiapkan diri dari segi kepimpinan, ketahanan dan disiplin.

Sebelum terbabit di dalam arena politik secara aktif dan serius, kami difahamkan YB mempunyai jawatan yang baik, sebagai seorang jurutera di Sarawak Shell Bhd. Barangkali YB dapat menceritakan bagaimana YB beralih ke dunia politik?

Sebenarnya, saya bergiat dalam bahagian sayap Pemuda PBB sejak 1986 dan pada 1987, apabila krisis Ming Court teretus, saya telah dicadang oleh YAB Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud agar bertanding dalam pilihan raya. Saya bertugas sebagai jurutera di Sarawak Shell pada waktu itu — sudah lapan tahun sebenarnya. Bagaimanapun, saya sudah terbabit dalam politik sebelum dicalonkan untuk bertanding. Saya menganggotai Pemuda PBB Negeri, sebelum memegang jawatan Ketua PBB Bahagian Saribas, yang kini dikenali sebagai Kawasan N19 Beladin. Pada 1992 saya dipilih menganggotai ahli MKT PBB Negeri, dan juga Ketua Bahagian N19 Beladin bagi penggal kedua.

Tentu ada sebab YB tergerak untuk berkecimpung dalam dunia politik. Mengapa agaknya YB?

Sebenarnya, yang menyebabkan saya ingin terbabit ialah, politik tampak mencabar. Politik penuh dengan cabaran. Ia menjadi cabaran besar selepas peristiwa Ming Court pada 1987. Sesudah pilihan raya negeri 1987 yang saya menangi, saya terbabit sepenuhnya masa dalam arena politik. Terdapat banyak ahli politik di sekitar kita; dan sebagaimana banyaknya ahli politik begitu lah juga banyaknya jenis ahli politik. Saya menerima cabaran dalam politik kerana pada pandangan saya, pada waktu itu kawasan yang saya wakili begitu jauh ketinggalan dari segi pembangunan. Kawasan itu diabaikan. Tidak keterlaluan jika saya katakan kawasan tersebut adalah begitu mundur.

Jadi tugas dan tanggungjawab utama saya sebagai wakil rakyat ialah memberi kesedaran kepada rakyat bahawa kerajaan di bawah pemerintahan Barisan Nasional berusaha keras untuk membangunkan kawasan mereka; untuk memajukan kampung dan luar bandar. Saya mengambil inisiatif yang agresif untuk memaklumkan kepada pihak tertentu,



Y.B. Bolhassan Di
N19 Beladin

PBB KOMITED DALAM PERJUANGANNYA UNTUK MEMIMPIN SARAWAK

termasuk agensi kerajaan terbabit bahawa perhatian khusus perlu diberi bagi membangunkan kawasan tersebut. Misalnya, tumpuan terhadap keperluan mendesak, keperluan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air dan sudah tentu, jalan raya. Bekalan api dan air tidak mencukupi. Keadaan jalan raya begitu teruk. Industri, hampir sifar. Tidak ada. Jadi, apabila saya dipilih, sasaran pertama dan utama ialah memperbaiki keperluan asas penduduk tempatan. Dan, kini saya bersyukur dapat melihat perubahan yang berlaku.

Maksudnya, sudah berjuang untuk mengubah keadaan, akhirnya YB berasa puas?

Saya bangkitkan isu berkaitan di dalam persidangan Dewan Undangan Negeri. Saluran kedua, saya secara

peribadi menemui menteri yang bertanggungjawab dan ketiga, saya menemui dan berbincang dengan kakitangan kerajaan yang berkenaan. Sebagai kesannya, beberapa projek mulai dituluskan dan dilaksanakan. Ada yang dalam peringkat perancangan dan ada yang masih dalam pelaksanaan. Projek pertanian berkelompok, misalnya. Di kawasan saya, disebabkan air masin, kerajaan terpaksa melaksanakan projek perparitan bagi memastikan tanah di kawasan sekitar subur dan sesuai untuk pertanian secara besar-besaran. Saya boleh katakan sejumlah besar kampung di kawasan saya sudah ada skim pertanian berkelompok. Lebih banyak rumah mendapat bekalan elektrik dan air di kawasan Beladin — yang mempunyai lebih kurang 12,000 penduduk; 90 peratus daripadanya Melayu. Di

situ ada 21 cawangan PBB.

Secara khusus projek yang sedang dilaksanakan YB?

Pada ketika ini kita ada projek jalan raya yang menghubungkan Pusa ke Triso. Fasa pertama projek jalan raya Pusa-Meludam telah disiapkan. Fasa kedua ialah antara Meludam dan Triso yang akan dibina tidak berapa lama lagi. Beberapa batang jalan raya lain masih dalam peringkat pembinaan. Jalan raya tersebut akan menghubungkan Kampung Pusa dengan kampung-kampung kecil di sekitarnya. Kementerian Pembangunan Infrastruktur sedang mengkaji kemungkinan menyediakan lebih banyak kemudahan prasarana di Kampung Beladin. Dan, kita harap lebih banyak pembangunan akan berlaku.

Masalah Bumiputera banyak diperkatakan di Sarawak. Pada hemat YB apakah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh masyarakat Bumiputera?

Jika kita mengkaji masyarakat kita, kita maju dan membangun secara berperingkat-peringkat. Kita, pada pendapat saya, membangun sebagai satu kumpulan, menuju ke arah pencapaian yang lebih baik. Jadi, kita menghadapi banyak cabaran. Tumpuan kita sekarang ialah untuk meningkatkan pembabitan Bumiputera dalam dunia perniagaan dan sektor korporat. Saya fikir, Bumiputera belum lagi terabit secara serius dan signifikan dalam sektor ekonomi dan kewangan. Sedangkan kaum Cina, mereka berada dalam persekitaran yang demikian. Ternyata proses pembelajaran tidaklah semudah yang difikirkan oleh kebanyakan orang. Dari segi sikap, kita perlu menyesuaikan dan mengubah sikap kita daripada cara tradisional kepada cara pemikiran yang moden, sesuai dengan tuntutan zaman. Kita perlu meneroka dan terabit dalam setiap aspek perniagaan, dan mampu menguasainya demi faedah, bukan untuk generasi hari ini, tetapi generasi masa depan.

Bagi saya, generasi masa hadapan akan mempunyai kesedaran yang lebih terhadap dunia perniagaan dengan adanya pendedahan dan peluang yang lebih terbuka. Dengan kelengkapan, ilmu dan kemahiran yang diperolehi.

Dengan langkah dan insentif yang diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan senario perniagaan yang lebih berbangsakan, saya kira, generasi Bumiputera masa depan akan lebih maju. Akan terdapat hubungan perniagaan yang lebih mantap antara Bumiputera di Mukah, Bintulu, Sibu, Miri dan tempat lain di Sarawak.

Dalam usaha meningkatkan pembabitan Bumiputera dalam perniagaan, sebagai orang penting dalam Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS), tentu YB dapat menjelaskan peranan yang dapat dimainkan oleh badan itu.

Salah satu peranan DUBS di bawah kepimpinan YB Datuk Effendi Norwawi ialah untuk mengisi

Kita, pada pendapat saya, membangun sebagai satu kumpulan, menuju ke arah pencapaian yang lebih baik. Jadi, kita menghadapi banyak cabaran. Tumpuan kita sekarang ialah untuk meningkatkan pembabitan Bumiputera dalam dunia perniagaan dan sektor korporat



Tumpuan kita sekarang ialah untuk meningkatkan pembabitan Bumiputera dalam dunia perniagaan dan sektor korporat.

kecosongan yang perlu di kalangan ahlinya. Pertama, kemahiran pengurusan, keupayaan, pengalaman, dan kedua, kawalan kewangan. Ketiga, sikap terhadap perniagaan pada keseluruhannya perlu diperbaiki di kalangan ahli.

Jadi, apa yang dilakukan oleh DUBS, melalui SEDC ialah untuk menangani sebahagian daripada kelemahan ini. Cuba meningkatkan atau memperbaiki keupayaan agar mereka dapat bersaing dalam pasaran yang lebih terbuka dan kompetitif sifatnya. Dan, suatu hari nanti mereka dapat berdikari, dan bukannya terlalu bergantung kepada agensi kerajaan untuk mendapatkan projek, mendapatkan pekerjaan dan kontrak. Untuk ketika ini SEDC membantu, membantu dari segi pengurusan, kawalan kewangan, mencari projek, kontrak, dan ahli kita melaksanakan projek itu. Jadi, itulah peranan DUBS dan SEDC.

Ada laporan dalam akhbar yang menyatakan hasrat kerajaan untuk melahirkan 500 usahawan Bumiputera menjelang tahun 2000. Pandangan YB tentang hasrat ini?

Adakah anda bermaksud 500 usahawan Bumiputera tambahan yang berjaya? Terdapat banyak usahawan yang berjaya di sekitar kita. Kebanyakan mereka memperoleh RM100,000 setahun atau lebih. Kita perlu mengakui atau mengiktiraf mereka ini. Ya, kita ingin melahirkan 500 usahawan Bumiputera — dan ini saya fikir dapat dicapai. Ini target yang realistik.

Faktor utama ialah strategi dan dasar. Dan, sekarang kita tanya, apakah tahap kejayaan yang kita harapkan daripada mereka? Adakah kita mengharap mereka ini menjadi jutawan? Saya boleh katakan ada orang yang berpuas hati dengan pendapatan RM2,000 sebulan daripada perniagaan mereka. Tetapi jangan terkejut, ada daripada ahli DUBS yang belum mencapai tahap itu. Bagaimanapun, perlu ada ruang yang luas untuk mereka meneroka. Tetapi untuk masa ini, saya belum pasti, adakah strategi dan program pragmatik untuk memungkinkannya mereka berjaya?

Baik, kita bercakap tentang pemilihan. Orang yang dipilih perlu mempunyai keinginan bekerja kuat.

bersedia berjuang, bersedia menghadapi risiko, tidak takut akan cabaran dan mesti bersedia bekerjasama dengan Bumiputera dan bukan Bumiputera lain, serta dengan usahawan dari negara luar. Jadi, kemungkinannya memang ada. 500, tidak banyak sebenarnya. Sasaran itu realistik; dapat dicapai.

Bukan ahli DUBS tidak ada peluang hendak dapat projek SEDC?

Saya telah nyatakan, SEDC membantu ahli DUBS membabitkan diri dalam perniagaan. Memang benar SEDC memberi peluang perniagaan kepada ahli DUBS. Anda perlu menjadi ahli DUBS sebelum layak dijadikan syarikat anak angkat SEDC. Itu memang benar. Tetapi saya fikir tidak betul bahawa SEDC cuba mengawal, menguasai atau memonopoli pasaran, atau mengurangkan peluang perniagaan kepada Bumiputera. Di sebaliknya, SEDC cuba melobi, dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan projek atau kontrak daripada JKR untuk ahli DUBS. Setakat tahun ini, lebih kurang RM15 juta nilai projek telah diagihkan kepada ahli DUBS di seluruh Sarawak. Tetapi untuk menikmati itu semua, anda perlu mendaftar sebagai ahli DUBS terlebih dahulu.

Bagaimana dengan nasib Bumiputera yang bukan ahli DUBS?

Anda perlu mendaftar sebagai ahli DUBS. Sebab, peranan DUBS ialah menggalakkan pembabitkan Bumiputera dalam perniagaan. Anda tahu, DUBS adalah wadah atau forum bagi Bumiputera menyoal masalah, mendapatkan peluang pekerjaan dan perniagaan serta meningkatkan kemahiran dan kepakaran yang berkaitan. Kita ingin melahirkan wadah sebenar bagi membantu Bumiputera memperkembangkan perniagaan mereka. Beritahu saya, jika anda berdiri sendiri, adakah anda dapat berkembang? Mungkin anda dapat, tetapi tentu sukar. Lebih banyak masalah dan cabaran. Sedangkan melalui wadah seperti DUBS tidak-tidaknya bebanan, masalah dan cabaran itu dapat dikurangkan.

Cabaran abad ke-21 begitu hebat. Bagaimanakah kita dapat membawa Bumiputera, khususnya dari



Rakyat perlu digalakkan agar dapat bekerja sebagai satu pasukan yang lebih teratur dalam usaha mewujudkan perpaduan yang utuh.

luar bandar ke dalam arus perdana pembangunan?

Keistimewaan kerajaan negeri di bawah kepimpinan YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud ialah keutamaan yang diberi oleh beliau terhadap pembangunan. Jika kita mengkaji apa yang dilakukannya, kita akan sedar betapa hebatnya wawasan beliau. Beliau berusaha keras untuk membangunkan setiap kawasan di bawah gagasan Pusat Pertumbuhan Luar Bandar (RGC) dan konsep *trigger point*. Contohnya, saksikan apa yang telah dan akan berlaku di Tanjung Manis, Kuala Baram, Sejingkat, Samarahan — semuanya di kawasan luar bandar. Saya juga ingin melihat kawasan saya turut tidak terlepas daripada menikmati kesan pembangunan tersebut, sebab kawasan Beladin masih memerlukan semua itu. Jika anda terbang dari Kuching ke Sarikei, anda akan dapat melihat pembangunan pesat di kawasan tertentu, dan apabila sampai di kawasan saya, anda dapat melihat hutan. Tidak ada ladang. Di Kalaka, terdapat ladang besar. Sebab itulah, saya berpendapat memang wajar Kerajaan Negeri membuka ladang di kawasan N19 Beladin di bawah konsep pembangunan RGC — *Rural Growth Centre*.

Pencapaian Sarawak di bawah kepimpinan YAB Datuk Patinggi Taib begitu hebat. Kalau dapat YB jelaskan sedikit?

Kita tinjau dua aspek. Satu aspek

ialah pembangunan fizikal, dan aspek kedua ialah pembangunan manusia. Jika kita bercakap tentang perubahan fizikal di negeri ini, yang utama ialah pembangunan tanah. Lihat sahaja estet perindustrian, perladangan, bekalan elektrik dan air, jalan raya dan sebagainya. Kaji sahaja rekod pembangunan kadar kemiskinan. Pembangunan begitu cemerlang. Dan, beliau dan kerajaannya mempunyai *track record* yang baik. Beliau mempunyai banyak kejayaan yang dapat dibanggakan. Memang tepat kalau dikatakan, beliau begitu menyerlah berbanding pemimpin-pemimpin terdahulu.

Sebab itu, orang melihat pembangunan fizikal yang berlaku di Sarawak, *may be second to none*. Jika kita mengambil kira faktor geografi, tentang keluasan Sarawak, penduduknya yang begitu ramai, kira-kira 30 suku kaum, memang hebat.

Dari segi pembangunan manusia, kemajuannya memang ketara. Begitu signifikan. Beliau adalah pemimpin yang dapat merangsangkan penduduk. Jika pemimpin gagal menggalakkan rakyat, walau bagaimana baik sekalipun dasarnya, ia tidak akan dapat dilaksanakan. Dan, YAB Datuk Patinggi Taib adalah pemimpin yang berupaya merangsangkan pemimpin dan rakyat. Beliau bekerjasama dengan anggota kabinetnya, wakil rakyat, kakitangan kerajaan dan semua orang, dan pada waktu yang sama, memberi galakan dan rangsangan. Inilah sebahagian daripada kejayaan beliau dalam melaksanakan dasar politik pembangunannya. Dan, kita dapat mewujudkan keamanan dan perpaduan; tidak ada masalah dan ketegangan kaum.

Dengan segala perubahan yang akan berlaku, bagaimanakah YB melihat peranan pemimpin muda?

Kita perlu bekerja kuat. Mesti memahami wawasannya. Kita perlu merangsang atau menggalakkan rakyat agar dapat bekerja sebagai satu pasukan yang lebih teratur, dalam usaha mewujudkan perpaduan yang utuh, agar kita dapat bekerja dan hidup dalam keadaan yang harmoni. Saya fikir, pemimpin muda perlu melakukannya untuk kebaikan generasi akan datang. Kita berharap agar Ketua Menteri sentiasa dalam keadaan yang



Pemimpin mesti jujur, menyayangi rakyat, adil, cinta akan negaranya dan berwawasan jauh.

sihat supaya dapat terus menyebarkan kearifan dan dasar beliau.

Sejak ditubuhkan PBB telah banyak berubah ke arah kebaikan Bumiputera. Komen YB tentang perubahan PBB katakan sejak 10 tahun lalu?

Pada tanggapan saya, kini terdapat banyak penghormatan...*respect*... di kalangan sesama pemimpin PBB dan juga orang lain terhadap PBB. Banyak ahli yang berasa bangga bahawa mereka ahli PBB. Terdapat semacam kebanggaan di kalangan ahli bahawa pemimpin mereka adalah pemimpin yang berkualiti. Disebabkan keadaan yang demikian, parti lain menghormati kepimpinan PBB. Sebab mereka tahu PBB mempunyai mandat, kuasa dan sokongan hebat daripada ahlinya. PBB *is not an overnight party, but a well proven party, with discipline and established contacts and networks throughout the country.*

Maksudnya, PBB sudah mencapai objektif dan hasratnya?

PBB, bagi saya adalah sebuah parti yang begitu *ambitious*, dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa lebih banyak pembangunan untuk rakyat di seluruh negeri Sarawak. PBB sentiasa melanjutkan dan meningkatkan sasarannya. Jika kita bercakap dengan pemimpin parti, saya fikir mungkin mereka katakan mereka mencapai objektif dan sasaran. Sebab, bagi saya, memang banyak yang sudah dicapai, tetapi banyak lagi yang perlu dicapai.

Ya, PBB mungkin telah mencapai sasaran jangka pendeknya, tetapi PBB juga ada sasaran jangka sederhana

dan jangka panjang. Sasarannya ialah, kita ingin mencapai sesuatu yang lebih baik, dan lebih banyak seiring dengan kemajuan dan pertumbuhan parti, dan seiring dengan peningkatan kualiti ahlinya. Pemimpin bawah juga perlu bertambah baik; perlu memperbaiki dan mempertingkatkan daya kepimpinan mereka.

Dalam UMNO agak banyak golongan korporat yang terbabit, dan sekaligus meninggalkan kesan dan impak yang bermakna. Mungkin ada yang rasaimbang. Bagaimana pandangan YB berhubung kemasukan pemimpin korporat dalam PBB?

Benarkah terdapat kerisauan di kalangan pemimpin tertentu? Betulkah ada perasaan demikian? Ini pertama kali saya dengar. Ia berlaku dalam UMNO. Lihat kepada UMNO sekarang. Parti itu semakin mantap dan teguh dari sehari ke sehari. Saya fikir pihak tertentu tidak perlu risau. Seperti saya katakan dahulu, terdapat banyak *respect* terhadap pemimpin PBB, anggota MKT, dan saya fikir negara kita dipimpin oleh kumpulan pemimpin politik dan korporat. Mereka perlu *co-exist*; perlu berganding bahu dan saling melengkapi.

Saya fikir seseorang tidak harus berasa risau sebab PBB memerlukan pemimpin dan mereka daripada latar belakang yang berbeza, pendekatan, pandangan dan profesion yang berbeza. Perbezaan inilah yang mengukuhkan PBB. Jika kita adunkan semuanya, ini baik untuk parti. Partilah yang mendapat faedahnya, yang akhirnya tersalur kepada rakyat. Bukankah ini menguntungkan?

Dalam era moden, kita memerlukan kumpulan pemimpin yang mempunyai latar belakang ekonomi. Kalau tidak bagaimanakah parti kita dapat bersaing. Dan, sekaligus, parti perlu melahirkan pemimpin yang mampu menangani pelbagai portfolio di peringkat negeri dan persekutuan, dan juga pemimpin berkualiti yang dapat menguruskan agensi kerajaan.

Bercakap tentang pemimpin, sudah adakah pemimpin pelapis yang bakal menggantikan Datuk Taib. Maksudnya, apabila Datuk Taib meninggalkan kerusinya nanti... tentu ada kekosongan dan kekosongan itu perlu diisi oleh pemimpin yang berkualiti, yang setaraf, walaupun tidak lebih wibawanya...

Saya tidak mahu menjawab soalan ini.

Tetapi suatu hari kerusi itu perlu diisi. Mahu atau tidak.

Tetapi hanya YAB Datuk Patinggi Taib sahaja yang tahu siapa pemimpin tersebut. Beliau lebih arif akan calon yang mempunyai keupayaan untuk menggantikan beliau. Biarlah kita tinggalkan tugas itu kepada beliau. Beliau adalah orang yang sudah terlibat dalam politik selama lebih 30 tahun. Beliau faham akan prasyarat sebagai pemimpin, sebagai menteri dan sebagai Ketua Menteri. Beliau sudah masak tentang itu semua.

Ketua Menteri masa depan Sarawak?

Anda tanyalah YAB Datuk Patinggi Taib.

Kriterianya? Bagaimana dengan sikap calon Ketua Menteri?

Anda tanyalah soalan ini kepada YAB Datuk Patinggi Taib. Saya belum pernah menjadi Ketua Menteri. Belum ada pengalaman.

Ya, bagaimana kriteria yang sepatutnya. Bukan sekadar orang dapat memikul tugas itu?

Jika anda mahu saya menyatakan kriterianya, anda tengoklah apa yang ada pada YAB Datuk Patinggi Taib. Pemimpin itu mesti jujur, bertolak ansur, berani, menyayangi rakyat, adil, cinta akan negaranya dan berwawasan jauh.

Y.B. Dr. Haji Wahbi Haji Junaidi

N24 Saribas

POLITIK MENENTUKAN MASA DEPAN RAKYAT



Bagaimana YB membabitkan diri dalam politik?

Sebenarnya saya sudah berminat dalam politik sewaktu saya masih di universiti. Tetapi dengan senyap-senyap. Sewaktu menjadi mahasiswa Universiti Malaya pada tahun 80-an saya telah menghantar borang untuk menjadi ahli parti PBB. Pada waktu itu saya bergiat menghadiri perjumpaan-perjumpaan parti. Tetapi saya tidak pernah memegang jawatan-jawatan penting di dalam parti. Saya mengambil bahagian di dalam apa saja kegiatan yang dikelolakan oleh parti di peringkat kampung. Begitulah cara saya mula-mula bergiat. Selama saya menuntut di Semenanjung Malaysia semenjak 1977 saya banyak menjelajah di seluruh Semenanjung. Selama enam tahun di Semenanjung saya dapat lihat, pembangunannya begitu pesat sekali. Kawasan luar

bandar telah mempunyai kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air. Begitu juga projek pertanian; sudah ada. Apabila saya balik ke Sarawak pada awal 80-an saya nampak keadaan yang sangat berbeza. Sarawak ketinggalan begitu jauh dari segi pembangunan asas. Sebelum saya menjadi wakil rakyat, kawasan N24 Saribas adalah kawasan yang agak besar. Empat wakil rakyat sudah bertukar ganti; bermula daripada Tuan Haji Kihok, Tan Sri Ahmad Urai, Tuan Haji Zainuddin Satem dan YB Encik Bolhassan Di. YB Encik Bolhassan Di sekarang ini telah menjadi wakil rakyat di kawasan N19 Beladin. Pada tahun 1990 kawasan N24 telah dibahagi dua. Sedikit daripada kawasan Layar, iaitu Spaoh telah dimasukkan ke bahagian N24 Saribas. Kawasan itu tidak begitu maju. Peranan saya sekarang agak

Saya tidak mahu bermusuh-musuhan. Saya mahu tiap-tiap musuh saya akan menjadi kawan. Saya tidak mahu mencari lawan. Kemenangan Barisan Nasional itu adalah kerana kerjasama dan sokongan rakyat. Saya tidak mampu memenangi kerusi itu tanpa sokongan rakyat

sukar kerana kawasan tersebut telah lama terbiar. Hampir 30 tahun ditinggal oleh arus kemajuan. Sebab keadaan tersebutlah maka saya berminat menceburi politik. Dengan takdir Allah Subhanahu Wata'ala, pucuk pimpinan parti PBB telah memilih saya untuk bertanding sebagai calon pada tahun 1991.

Prinsip YB dalam politik?

Saya tidak mahu bermusuh-musuhan. Saya mahu tiap-tiap musuh saya akan menjadi kawan. Saya tidak mahu mencari lawan. Kemenangan Barisan Nasional itu adalah kerana kerjasama dan sokongan rakyat. Saya tidak mampu memenangi kerusi itu tanpa sokongan rakyat. Biarlah kita bekerjasama untuk sesuatu yang baik. Kalau boleh saya tidak mahu bertanding. Bukan kerana takut kalah. Tidak. Tetapi takut dengan kesan yang

kurang baik selepas bertanding. Dalam proses pemilihan ini masing-masing mencaci, menghina dan memburukkan lawan. Pengikut kita pun tidak kurang hebatnya. Mereka saling membenci, saling tuduh menuduh, saling hasut menghasut, penuh dengan rasuah dan sebagainya. Saya tidak suka begini. Sebab itulah saya berdoa kepada Allah s.w.t. Ya Allah, sesungguhnya saya tidak suka pertandingan ini, kerana apabila saya melihat dalam proses pertandingan itu ada penyelewengan di kalangan ahli-ahli. Dalam parti sendiri ada penyelewengan. Ini dapat saya lihat walaupun saya tidak diberitahu. Dari gerak geri dan langkah mereka saya sudah tahu. Ada ura-ura hendak mensabotajkan saya. Saya takut perkara begini akan benar-benar berlaku kepada diri saya dan akan merosakkan parti. Walaupun saya mungkin menang tetapi akibatnya tetap tidak baik. Sebab itulah saya berdoa kepada Allah Ta'ala biarlah saya diangkat sebagai wakil rakyat tanpa bertanding. Dengan takdir Allah, dengan kuasa yang ada pada Allah Ta'ala, calon pembangkang tidak mahu menghantar kertas pencalonan beliau walaupun hampir mendekati meja semasa penamaan calon. Sebelum itu saya telah memberi penerangan kepada dia. Saya katakan kepada beliau bahawa kita sama-sama untuk memajukan masyarakat kawasan kita. Ini bukan untuk kepentingan diri saya tetapi untuk masyarakat, agama dan bangsa. Untuk apa kita berlawan. Mungkin

Saya benar-benar berjuang di dalam politik. Selama dua tahun lebih saya telah menjadi ADUN. Saya kecewa mengenai kelambatan proses pembangunan di kawasan saya. Saya amat kecewa sekali. Sebab itulah semasa persidangan Dewan Undangan Negeri ucapan saya bernada emosional. Saya bukan memikirkan tentang diri sendiri tetapi masa depan rakyat di kawasan saya

dengan penjelasan tersebut beliau mengundur diri. Maka ini adalah takdir Allah dan kuasa Allah yang sentiasa berserta orang-orang yang benar-benar jujur dan ikhlas dalam perjuangan. Apa jua perjuangan yang ikhlas maka Allah akan membantu. Inilah prinsip saya dalam politik.

Apakah kekecewaan YB selama menjadi wakil rakyat?

Saya benar-benar berjuang di dalam politik. Selama dua tahun lebih saya telah menjadi ADUN. Saya kecewa mengenai kelambatan proses pembangunan di kawasan saya. Saya amat kecewa sekali. Sebab itulah semasa persidangan Dewan Undangan Negeri ucapan saya bernada emosional. Saya bukan memikirkan tentang diri sendiri tetapi masa depan rakyat di kawasan saya. Kita telah merdeka lebih daripada 30 tahun tetapi pembangunan begitu lambat men-

jelma di kawasan saya. Sedangkan di bandar-bandar sudah pesat membangun. Untuk apa kita bangga-banggakan kemajuan kalau kemudahan asas pun tidak ada di kawasan luar bandar. Saya kecewa mengenai pembangunan. Bukan kedudukan saya. Sebagai pejuang politik saya tidak mengharapkan kedudukan istimewa. Saya tidak ingin meminta untuk diletakkan ke tahap yang baik dalam perjuangan. Tetapi kalau orang beri saya akan terima. Saya tidak mahu berebut-rebut jawatan. Yang penting bagi saya ialah bersama-sama dengan pucuk pimpinan dan rakan-rakan seperjuangan untuk memajukan negeri Sarawak.

YB, bagaimana pula kepuasan?

Dalam polisi saya, kepuasan ialah apabila kita mencapai sesuatu yang dikehendaki. Kepuasan itu juga tidak dapat kita rasai kalau Allah tidak beri. Allah yang memberi kepuasan kepada kita. Kepuasan itu ialah apabila kita sudah bersyukur kepada Allah. Apabila kecewa saya tidak akan putus asa. Saya akan berjuang sehingga mendapat sesuatu yang dikehendaki. Bukan untuk kepentingan diri tetapi untuk kepentingan rakyat, agama, bangsa dan negeri. Kalau ini sudah tercapai barulah kita puas dan bersyukur.

Masalah pembangunan yang belum teratur, bagaimanakah cara YB mengatasi masalah tersebut?

Saya telah merangka rancangan pembangunan di kawasan saya. Pertama pembangunan infrastruktur. Pelan jalan raya antara Bungin, Serembang dan Antang telah siap dan diluluskan pada tahun 1986. Jalan raya Betong, Bebanggai, Tanjung Asam



Apakah jua perjuangan yang jujur dan benar-benar ikhlas maka Allah akan membantu.



Kemajuan tidak guna dibanggakan-banggakan kalau masyarakat di luar bandar tidak mencapai kemudahan asas seperti yang terdapat di bandar.

sedang dibina. Sekarang dalam proses pembinaan. Jalan raya Spaoh, Bijok, Surip Atas, Surip Tengah, Surip Bawah, Rimbas Ulu, jalan raya Debak-Gek, Debak-Serbang-Tuik masih di dalam perancangan. Jambatan sepanjang 60 meter menyeberangi Debak. Jalan berturap dari jalan utama ke pekan Spaoh, jalan ke pekan Debak. Pembangunan lain adalah seperti dewan serba guna Daerah Kecil Debak dan Daerah Kecil Spaoh yang bernilai setengah juta sebuah. Masjid Besar Pekan Spaoh bernilai setengah juta. Pembekalan air paip, telefon dan elektrik ke seluruh kampung yang dihubungi jalan raya. Pemesaran Kampung Spaoh telah diluluskan. Insha-Allah akan siap dalam rancangan Malaysia keenam. Pemesaran Kampung Debak masih di dalam perancangan. Saya masih memastikan kawasan untuk pertanian di kawasan Melayu dan kawasan Iban. Kawasan Melayu yang berpaya akan diadakan projek tanaman kelapa sawit atau rumbia. Kawasan Iban yang berbukit bukau akan ditanam dengan kelapa sawit. Sekarang ini hampir 300 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit. Skim padi akan diusahakan di kawasan berpaya; khususnya di Kampung Melayu Spaoh dan Sebekut. Kawasan Kampung Melayu akan dikenal pasti untuk ternakan ikan air tawar. Industri sederhana akan ditubuhkan jika jalan raya pesisiran yang menghubungkan kampung-kampung telah siap. Industri kecil akan digalakkan. Kita ada merancang untuk membuka lebih

banyak gerai, khusus untuk Bumi-putera berniaga. Seperti di pekan Spaoh, Debak dan kampung-kampung yang mempunyai jalan raya. Kita telah merancang untuk mengadakan pasar tani dan pasar malam di dua daerah tersebut. Pasar minggu juga dirancangan untuk petani kecil. Kita bercita-cita agar kawasan saya menjadi kawasan pertanian bersepadu yang bercorak komersil. Sebagai menahut seruan YAB Ketua Menteri kita.

Pembangunan yang dicapai setakat ini di kawasan YB?

Setelah dua tahun setengah sebagai wakil rakyat, pembangunan



Politik adalah gelanggang yang menentukan masa depan rakyat seluruhnya.

yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ialah jalan raya. Jalan raya yang begitu lama terbengkalai. Penanaman kelapa sawit di kawasan Rimbas. Skim Sebekut, Spaoh sebesar 200 hektar. Tidak ada projek yang besar setakat ini. Itulah yang saya katakan tadi; kita minta pihak kerajaan membantu dalam menyegerakan proses pembangunan di kawasan itu. Memang tidak banyak berlaku pembangunan. Projek jalan raya yang disebutkan tadi banyak yang belum siap dan belum dibuat. Kita merancang agar jalan raya itu cepat siap agar memudahkan pembangunan lain dilaksanakan. Masalah besar adalah jalan raya. Jalan raya adalah perhubungan yang utama bagi membawa segala kemajuan dan pembangunan di kawasan saya. Perkara ini telah saya ajukan kepada Kementerian Infrastruktur pada persidangan yang lepas.

Komen YB tentang politik pembangunan?

Pada mulanya saya menanti apakah cetusan minda atau fikiran YAB tentang politik pembangunan itu sendiri. Beliau mula-mula membiarkan kami mencari erti politik pembangunan. Beliau menunjukkan bahawa beliau mahu politik yang kita amalkan benar-benar politik yang membangunkan rakyat. Bukan politik memecah belah, bukan politik perkauman. Bukan politik omong kosong dan cakap besar. Bukan politik memancing undi, bukan politik permainan. Bukan begitu. YAB mahu politik yang benar-benar 'membangunkan rakyat'. Saya berpendapat bahawa politik pembangunan mempunyai pengertian yang luas. Kalau kita benar-benar memperjuangkan dasar politik pembangunan, kita hendaklah memperbaiki diri kita dulu. Perjuangan hendaklah jujur dan ikhlas. Dalam perjuangan, kita hendaklah melaksanakan politik pembangunan. Tetapi kalau ada daripada ahli kita mengamalkan politik songsang itu sudah menyeleweng daripada dasar perjuangan. Orang itu perlu kembali. Barang siapa yang mengamalkan politik cantas dalam parti kita atau kerajaan, itu saya katakan politik sesat. Sudah sesat dalam perjuangan. Kita berharap supaya pucuk pimpinan lebih prihatin tentang perkara ini. Walaupun niat kita sama-sama untuk berjuang,



Kepuasan dalam politik lebih terasa apabila kita benar-benar berjuang untuk memelihara nasib rakyat.

untuk menjadikan rakyat maju, negeri kita maju tetapi kita tidak sama. Maksudnya cara dan kaedah tidak sama. Ada orang menggunakan politik untuk memperkuatkan kedudukan. Segala pembangunan itu disalurkan ke kawasan yang subur kerana beliau bimbang kedudukan akan tergugat dalam pilihan raya akan datang. Ada juga orang menggunakan politik untuk merebut jawatan. Dalam proses perebutan ia memporak-perandakan kawan dan sengaja memburukkan kawan. Sehingga kawan tersebut tadi disalah tafsir oleh pengundi.

YB mempunyai dua tugas; sebagai pengamal perubahan dan sebagai ahli politik. Bagaimanakah YB membahagikan masa untuk kedua-dua profesion tersebut?

Sebagai wakil rakyat yang bukan eksekutif saya tidak berjumpa rakyat tiap-tiap hari atau tiap-tiap minggu. Menteri adalah wakil eksekutif. Dengan waktu yang terluang saya isikan dengan melakukan tugas-tugas yang lain. Saya melaksanakan tugas saya sebagai pengamal perubahan. Kalau ada rakyat datang saya akan layan mereka. Pejabat saya dibahagi kepada dua; sebelah untuk klinik dan sebelah untuk pejabat. Di pejabat, saya merancang strategi pembangunan untuk rakyat. Saya berbincang dengan orang kanan saya bagaimana cara kami melaksanakan strategi kami. Dalam waktu yang terluang saya melayan pesakit yang datang.

YB sebagai pengamal perubahan, adakah YB menyelitikan hal-hal keagamaan?

Memang. Saya menerangkan tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat. Saya tidak mengenakan bayaran yang mahal untuk rakyat di kawasan saya. Saya mengenakan sedikit bayaran untuk ubat tetapi perkhidmatan saya beri percuma. Saya juga memberi nasihat mengenai pentingnya kesihatan. Pentingnya agama dalam kehidupan. Begitulah cara saya berhubung dengan rakyat.

Kesan yang dapat dilihat oleh YB setakat ini?

Setakat ini ada di antara mereka sedar tentang tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat. Faham tentang kedudukan saya. Faham tentang citarasa saya. Dan apakah yang perlu dilakukan kepada rakyat. Mereka faham sekarang ini. Harapan yang tinggi diletakkan di bahu saya. Saya akan melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Apakah YB minati atau wawasan dalam kehidupan?

Saya melibatkan diri di dalam politik ada dua sebab yang besar. Per-

Isteri mesti faham. Suami adalah milik bersama rakyat. Dia mesti sabar tentang kerana rakyat

tama, gelanggang perjuangan politik adalah begitu luas jika dibandingkan dengan arena-arena lain. Dalam politik, adalah gelanggang yang menentukan masa depan rakyat seluruhnya. Sebuah negeri dan negara amnya. Malah boleh menembusi arena antarabangsa. Perkara kedua ialah, kawasan saya adalah jauh ketinggalan dari segi pembangunan infrastruktur dan ekonomi. Ketinggalan dalam pembangunan sosial yang lebih mantap dari segi perpaduan, semangat kerjasama, sikap keterbukaan, pelajaran, kemahiran, sikap gotongroyong dan saling berkorban untuk kepentingan bersama. Beliau-belia khususnya tidak dipimpin dan dibimbing dengan sepenuhnya untuk menjadi pelapis yang berwibawa. Strategi pembangunan saya ialah untuk mempercepat proses pembangunan asas, pembangunan ekonomi. Proses ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di samping memanfaatkan tanah-tanah rakyat setempat, fikiran dan tenaga rakyat. Untuk mengurangkan penghijrahan beliau-belia tempatan ke bandar dengan mewujudkan peluang pekerjaan dalam perindustrian dan pertanian. Menggalakkan penubuhan industri-industri kecil dan sederhana. Juga, penumpuan kesedaran kepada ibu bapa dengan menghadiri majlis dialog dan seminar oleh agensi-agensis tertentu. Akhir sekali ialah pemberian kursus dan latihan-latihan kepada beliau tempatan tanpa mengira kaum.

Peranan isteri wakil rakyat?

Isteri mesti faham. Suami adalah milik bersama rakyat. Dia mesti sabar tentang kerana rakyat. Jangan cepat cemburu. Mesti berlapang dada. Rumah sentiasa terbuka. Harus gembira. Bersyukur dan menjaga kedudukan suami. Harus membantu suami agar suami sentiasa berada di hati rakyat dan berjuang untuk kepentingan rakyat.

Mengenai perhubungan atau persahabatan dengan orang-orang politik?

Kalau berkawan dengan orang-orang politik, politik tidak akan berkekalan. Mudah jadi lawan. Kalau kita berjuang kerana Allah dalam perjuangan politik, insya-Allah akan selamat.

POLITIK WANG MEMINGGIRKAN PEMIMPIN BERWIBAWA

Gejala politik wang hangat diperkatakan. Bagaimana pandangan YB tentang fenomena ini?

Jika kita menyalurkan wang ke sesuatu organisasi ataupun parti politik dengan tujuan untuk memperkukuhkannya, itu bukan politik wang. Hanya dengan cara itu kita dapat menggerakkan parti, menjalankan kegiatan. Ini bukan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Jika kita menyebarkan wang kepada penduduk di kawasan dengan niat untuk mempengaruhi mereka, kita mungkin dapat memenangi hati mereka dalam jangka masa singkat. Ini politik wang. Gejala ini tentu membawa kesan negatif. Mereka yang terbabit, jika berkuasa tentu ingin memastikan wang yang telah dihabiskannya tadi dapat dikembalikan. Orang berkenaan akan bermati-matian untuk mendapatkan wang supaya dapat *survive*. Politik wang adalah barah yang akan mereputkan sistem dan organisasi, dan sekaligus mereputkan peribadi orang yang terbabit.

Politik wang merupakan penyakit jelik yang amat berbahaya. Jika tidak dibendung gejala tersebut dapat mengancam kestabilan politik dan sosial. Kita tentu tidak mahu melihat hanya mereka yang mempunyai wang memperoleh kuasa dan memimpin. Jika keadaan ini terjadi, besar kemungkinan mereka yang mempunyai sifat kepemimpinan yang sebenarnya tidak akan berpeluang untuk menjadi pemimpin. Maksudnya, yang berwibawa dan berkharisma akan terpinggir. Ini tentu tidak baik untuk negara kita.

Bagaimanakah YB terbabit dalam politik?

Pada pilihan raya 1987 saya kalah hanya dengan 77 undi. Sesudah ke-



kalah itu saya ada dua pilihan: kekal dalam politik atau keluar daripada politik, dan melibatkan diri dalam perniagaan, sebagai usahawan. Sebelum menjadi ahli politik, saya sudah memegang jawatan yang agak kanan dalam kerajaan. Bagi saya menjadi YB bukan untuk glamour. Tujuan akhirnya ialah untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat, mengorbankan sebahagian daripada masa, tenaga dan kehidupan untuk penduduk di kawasan. Kita ingin membangunkan kawasan dan negeri Sarawak. Sebelum memasuki politik kita perlu tahu akan tujuan kita. Matlamat harus jelas. Kalau memasuki politik semata-mata kerana hendak dipanggil YB, tentu tak ada banyak gunanya. Sebab, apabila sudah dipilih oleh rakyat, kita memikul amanah dan kepercayaan rakyat. Dalam hubungan ini, meskipun saya kalah dalam pilihan raya tersebut,

saya tidak kecewa. Sebab matlamat saya jelas. Saya terus memberi perkhidmatan kepada rakyat. Saya maklumkan kepada Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud bahawa saya ingin aktif sepenuh masa dalam politik. Kesan daripada kesungguhan, dan usaha menyusun semula parti peringkat kawasan, telah terbukti melalui pilihan raya Parlimen 1990. Saya memberitahu penduduk, inilah peluang untuk menunjukkan sokongan kepada kerajaan. Dua kawasan, Kalaka dan Krian memberi majoriti besar, sebanyak 4000 undi kepada Datuk Peter Tinggom. Dalam pilihan raya negeri 1991, saya memperoleh majoriti lebih 6,000 undi.

YB kalah dengan 77 undi sahaja pada pilihan raya 1987. Apakah agaknya faktor kekalahan YB itu?



Interaksi dengan rakyat penting dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Pertama, pilihan raya tahun tersebut diadakan agak mengejut ekoran peristiwa Ming Court. Parti juga tidak begitu tersusun. Penyelarasan agak kurang. Jadi, ia tidak begitu berkesan di peringkat bawahan. Lagipun, pada waktu itu saya agak baru meskipun berasal dari kawasan berkenaan. Sebagai muka baru, idealisme memang ada. Kita mungkin dikenali dan mendapat *popular support* tetapi di peringkat bawahan, keadaannya berbeza. Kita mungkin menggunakan politik gentleman tetapi di peringkat *grass root*, ada yang bermain kotor. Sebagai bekas pegawai kanan kerajaan, penduduk agaknya tidak faham bagaimana peranan yang dapat saya mainkan sebagai ahli politik.

Kekalahan tersebut pasti memberi pengajaran berguna kepada YB?

Saya perlu menyusun semula organisasi parti di kawasan dan memastikan cawangan tersusun agar dapat bergerak dengan berkesan. Perkaranya penting juga, saya cuba mendisiplinkan pengundi. Sudah tentu saya perlu menunjukkan contoh kepada penduduk. Bagaimanakah kita dapat meyakinkan penduduk atau pengundi kalau sikap kita seperti ketam mengajar anaknya berjalan dengan betul? Sekali lagi, dedikasi amat penting.

Interaksi dengan rakyat amat penting. Interaksi saya jalinkan dengan memberi perkhidmatan kepada rakyat meskipun dalam pilihan raya 1987 saya kalah. Saya perlu melawat kawasan.

Hasilnya? Saya mendapat majoriti besar pada pilihan raya 1991.

Tanggungjawab YB bukannya mudah. Bukannya semudah yang disangka oleh banyak orang. Tanggungjawab YB bukannya ringan. Kita perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, dengan penuh dedikasi. Dedikasi dan komitmen penting untuk memastikan program yang dirancang dapat dilaksanakan.

Bagaimanakah YB melihat perubahan atau transformasi dalam PBB pada waktu ini, katakan jika dibandingkan dengan dua dekad lalu?

Di bawah kepemimpinan Presiden sekarang, PBB lebih tersusun, lebih teratur. Jentera parti lebih kemas hingga memungkinkannya bergerak dengan lebih baik dan lebih berkesan. Kini, pemimpin lebih dedikasi. Mereka komited untuk melaksanakan program pembangunan yang membawa faedah kepada rakyat, apatah

lagi di bawah gagasan politik pembangunan Ketua Menteri. Rakyat faham akan perjuangan parti. Mereka sedar bahawa parti dan pemimpin berjuang untuk kemajuan dan pembangunan mereka dan negeri Sarawak.

Di kawasan saya, semasa saya berkempen untuk pilihan raya 1987 ada penduduk kampung bangkit: Awak fikir kami percaya kepada calon BNkah? Sepuluh tahun wakil rakyat BN tak melawat kawasan ini! Jadi saya kata, YB tersebut bukan saya. Saya calon baru, orang Kalaka sendiri. Jika saya menang saya akan melawat kampung ini. Dan, saya berusaha selaya upaya untuk mengotakan janji saya itu.

Mengapa perubahan itu berlaku dalam corak dan sikap kepemimpinan sekarang?

Pemimpin sekarang mengamalkan konsep kepemimpinan melalui teladan. Jadi, wakil rakyat perlu akur dan menyesuaikan diri dengan rentak dan corak kepemimpinan atasan. Jika tidak tentu dia tidak akan dapat menunaikan tanggungjawabnya. Soal dedikasi penting untuk memajukan rakyat. Inilah yang cuba ditunjukkan oleh wakil sekarang.

Perubahan di kawasan YB?

Infrastruktur. Jalan raya, bekalan elektrik, air dan sebagainya. Dengan adanya kemudahan tersebut masuk ke kampung-kampung tentu akan membuka lebih banyak peluang kepada penduduk. Penduduk tahu Kerajaan sedang melakukan sesuatu demi kepentingan mereka. Untuk meningkatkan pendapatan rakyat banyak skim dibuka, misalnya FELCRA, SALCRA dan PORIM. Ternyata, buahan aspek prasarana sahaja diberi perhatian kerana yang lebih penting ialah rancangan untuk meningkatkan pen-

Belia perlu mempunyai cita-cita. Belia perlu berjuang untuk menjadi rakyat yang berguna, dalam ertikata berilmu, mahir dan berdisiplin. Kalau hendak maju perlu berilmu dan mahir. Kalau hendak memberi sumbangan secara bermakna pada masa depan perlu memperlengkap diri dari sekarang; bukannya membuang masa tidak tentu arah

dapatan rakyat.

Selain itu, sekolah menengah didirikan di Kabong, dan Pusat Giat MARA di Saratok.

YB turut terbabit dalam SABERKAS. Bagaimanakah SABERKAS dapat memainkan peranan untuk merealisasikan kehendak Wawasan 2020?

Yang paling penting SABERKAS di peringkat bahagian perlu membuat perancangan yang teliti dan berkesan. Pelan tindakan hendaklah digubal dan dilaksanakan. Ini untuk memastikan para belia terbabit dalam banyak kegiatan yang berfaedah, dan bukannya terjebak dalam kegiatan yang merugikan seperti lepak, membuang masa tak tentu arah, menyalahgunakan dadah dan sebagainya. Biarlah belia terbabit dalam aktiviti sosial dan ekonomi yang berfaedah, termasuk kegiatan pertanian.

Di Saratok, misalnya melalui pelbagai pertubuhan seperti PIBG kami merancang beberapa aktiviti untuk pelajar dan belia. Pertandingan sukan dan permainan diadakan untuk mengelakkan belia daripada terbabit dalam kegiatan yang merugikan. Sambutan amatlah menggalakkan. Apabila belia sibuk dalam kegiatan seperti itu, tumpuan mereka akan menjurus kepada perkara yang baik-baik. Mereka tidak terlintas untuk melakukan kegiatan yang merugikan.

Kegiatan keagamaan juga turut diadakan. Tusyen turut diadakan untuk pelajar dengan harapan agar prestasi dapat ditingkatkan dan disiplin pelajar dapat dikawal dan dibentuk.

Kita bercakap tentang lepak. Gejala ini hangat diperkatakan sekarang. Barangkali YB dapat menghuraiakan faktor yang mengakibatkan gejala ini daripada berlaku, dan strategi untuk mambantersanya?

Pada pandangan saya, pada masa lalu gejala ini juga berlaku tetapi tidaklah sehebat sekarang. Sekarang lebih hebat kerana saluran untuk remaja lepak lebih terbuka. Dulu remaja melepak dengan duduk di tepi jalan, main gitar dan sebagainya. Kini, pelajar dan remaja melepak di pusat membeli-belah.

Dalam konteks ini, lepak berlaku kerana beberapa faktor. Ada remaja yang lepak kerana tidak terdapat

kegiatan yang sesuai dengan citarasa mereka, mempunyai terlalu banyak masa lapang, kebosanan, ingin mencari keseronokan dan kurangnya kawalan daripada ibu bapa. Untuk itu, peranan keluarga amat penting. Mereka perlu prihatin dan tahu akan pergerakan anak-anak mereka. Kebebasan yang keterlaluan tidak banyak memberi keuntungan, malah akan membawa banyak kesan buruk. Kita perlu mengawal bagaimana mereka menggunakan masa. Ibu bapa perlu memberi perhatian terhadap kerja rumah anak-anak mereka, bertanya prestasi dan masalah yang dihadapi. Ini tidaklah pula bermakna kita tidak memberi peluang untuk mereka berehat. Misalnya pada hari Sabtu atau Ahad, biarlah digunakan untuk berehat dan bersiar-siar atau memenuhi hobi masing-masing. Dengan cara ini anak-anak akan dapat berkembang dengan seimbang. Kita perlu tahu ke mana mereka pergi dan dengan siapa mereka bergaul. Dan, pastikan mereka balik pada waktu yang ditentukan.

Interaksi yang bermakna antara anak dan ibu bapa amat perlu. Mereka hendaklah menjalinkan hubungan dan menggunakan masa bersama dengan bermakna, dengan sebaik mungkin. Jadi, rumahtangga adalah tempat pertama yang terbaik untuk mengelakkan gejala ini daripada berlaku. Perwatakan dan peribadi anak-anak dibentuk oleh ibu bapa. Bagaimana acuan, begitulah kuihnya. Bagaimana cara kita membentuk anak-anak akan mencorakkan jenis anak tersebut pada hari muka. Jika hubungan ibu bapa

mesra dengan anak-anak sebahagian masalah sosial seperti anak lari dari rumah, anak menghisap gam, merokok, ponteng sekolah dan melakukan perbuatan laku musnah yang lain akan dapat dibanteras. Hendak menghapuskan seratus peratus gejala lepak dan sebagainya memang sukar. Bagi saya kita perlu menggalakkan anak-anak membabitkan diri dalam kegiatan kokurikulum seperti Bulan Sabit Merah, Pengakap, Kadet Polis, dan beberapa lagi.

Kita sedang menuju ke tahun 2000. Sarawak cepat berubah. Peranan belia sangat penting. Apakah nasihat YB terhadap belia kita?

Sebagai individu, seseorang perlu ada matlamat dan objektif dalam hidupnya. Matlamat itu perlu jelas. Belia perlu mempunyai cita-cita. Belia perlu berjuang untuk menjadi rakyat yang berguna, dalam ertikata berilmu, mahir dan berdisiplin. Kalau hendak maju perlu berilmu dan mahir. Kalau hendak memberi sumbangan secara bermakna pada masa depan perlu memperengkap diri dari sekarang; bukannya membuang masa tidak tentu arah. Kerajaan hanya menyediakan program dan kegiatan. Terpujanglah kepada belia untuk merebut peluang. Belia sendiriilah yang akan menentukan sama ada mereka berjaya atau gagal pada masa depan. Kerajaan tidak dapat menyalia semua. Jadi, belia perlu ada visi, perlu ada azam dan semangat dan cita-cita untuk menjadi warga yang berilmu, berdisiplin, mahir, mementingkan agama dan dinamik. Kalau ilmu dan kemahiran



Politik wang merupakan penyakit jelek yang amat berbahaya dan jika tidak dpendung gejala tersebut dapat mengancam kestabilan politik dan sosial.

sahaja tinggi, tetapi agama goyah, tidak juga ada faedahnya. Keduanya perlu seimbang untuk melahirkan warga yang seimbang. Kita hanya dapat mencapai kemajuan jika beliau memiliki sifat-sifat positif dan kuat dari segi mental, intelek, rohani dan emosi. Negara akan runtuh jika beliau lemah dan reput peribadinya.

Perjuangan utama YB dalam politik?

Setiap rakyat mempunyai peranan dan sumbangan masing-masing, baik sebagai rakyat biasa, kakitangan kerajaan mahupun ahli politik. Sebagai wakil rakyat, saya hanyalah sebahagian daripada sistem untuk memastikan Sarawak terus ke hadapan, kawasan saya tidak tertinggal oleh arus pembangunan. Tetapi, tanggungjawab yang tidak kurang pentingnya ialah untuk memastikan kestabilan politik dapat dikekalkan dan dimantapkan. Jika setiap wakil rakyat memainkan peranan masing-masing di kawasan sendiri, dari segi mikronya, mereka membantu pembangunan keseluruhan, dari segi makro. Dengan sokongan pucuk pimpinan, saya yakin kita akan dapat membangunkan negeri ini. Kita perlu komited kepada tanggungjawab dan matlamat yang ditetapkan. Kita perlu ada matlamat dan berjuang untuk memastikan matlamat itu tercapai. Masa depan negeri kita cerah jika kita memiliki komitmen yang mendalam, apatah lagi di bawah gagasan politik pembangunan. Peranan yang dimainkan oleh wakil rakyat amat penting. Wakil rakyat adalah pemangkin (catalyst) dan pengerak agar sikap dan minda rakyat dapat diubah, agar rakyat bersikap dinamik untuk menerima pembangunan dan menggerakkan pembangunan. Wakil rakyat yang berkesan ialah yang dapat merancang, memiliki visi, dedikasi, bertanggungjawab, komited dan sanggup berjuang bersama-sama dengan rakyat.

YB bercakap tentang politik pembangunan. Pada hemat YB apakah pencapaian signifikan politik pembangunan?

Pembangunan prasarana, khususnya di luar bandar amat ketara. Banyak projek dirancang dan telah dilaksanakan. Penduduk memperoleh faedah. Banyak projek infrastruktur, ranc-



ngan pembukaan tanah dan sebagainya dilaksanakan. Yang penting juga ialah kestabilan politik. Negeri kita amat stabil. Kestabilan ini dicapai melalui falsafah politik yang meletakkan pembangunan sebagai keutamaan dan politik di tempat kedua. Kuasa dan pengaruh digunakan bukan untuk menegakkan kuasa semata-mata tetapi kuasa digunakan untuk kebaikan dan kepentingan penduduk terbanyak. Inilah kelainan dan keistimewaan politik pembangunan Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud. Dengan adanya kestabilan politik dan kestabilan sosial, pembangunan dapat dicapai.

Kalau saya ditanya tentang kejayaan Datuk Taib, salah satu kejayaan terbesar beliau ialah keupayaannya untuk menyatu-padukan penduduk pelbagai kaum di Sarawak. Inilah kehebatan dan kelebihan beliau sebagai Ketua Menteri. Sebagai pemimpin beliau memimpin semua kaum bukannya hanya sebagai pemimpin Melanau/Melayu atau Cina sahaja. Sikapnya yang terbuka memungkinkan beliau mudah diterima oleh kaum lain. Dengan pencapaian dan suasana yang wujud sekarang, rakyat ternyata berpuas hati. Dan, ini akan memastikan kerajaan akan terus mendapat sokongan.

Visi YB untuk kawasan YB sendiri, bagaimana?

Saya belum menghabiskan satu penggal. Saya sudah menjadi wakil rakyat selama tiga tahun — ada dua tahun lagi untuk saya. Dalam tempoh lima tahun saya membuat perancangan, mengenal pasti masalah. Pada peringkat kedua nanti, saya berharap

untuk melaksanakan rancangan dan projek yang dirangkaikan. Saya berharap kemudahan prasarana dapat ditingkatkan dan pendapatan rakyat juga bertambah melalui pelbagai rancangan sosioekonomi kerajaan.

Dalam politik tidak semuanya baik, tidak semuanya positif. Ada waktu-waktu yang mengecewakan...

Setakat ini saya bersyukur meskipun saya kalah pada 1987. Dalam keadaan kalah seperti itu mungkin ada orang akan berasa kecewa tetapi bagi saya tidak. Sebab, sebelum saya memasuki politik, saya sudah tahu matlamat saya. Saya sudah menetapkan objektif. Politik bagi saya bukan hanya untuk dipanggil sebagai YB. Ia adalah saluran untuk mendedikasikan diri kepada rakyat agar taraf hidup mereka dapat diperbaiki. Apabila berkuasa kita tidak seharusnya angkuh. Kuasa itu hendaklah digunakan dengan sebaik mungkin untuk memajukan rakyat. Kuasa yang kita perolehi diberi oleh rakyat. Itu amanah mereka. Jadi, kita hendaklah menggunakan amanah itu dengan baik. Bukan menyalahgunakannya.

Dalam keadaan tertentu memang sukar untuk mendapat sokongan seratus peratus. Bagi saya ini normal dalam politik. Meskipun kita sudah melakukan sesuatu dengan niat yang ikhlas akan ada yang tidak berpuas hati dan tidak bersetuju. Bagi saya meskipun ada yang bersikap demikian, tidak seharusnya kita kecewa. Di sebaliknya, kita harus terus berjuang kerana majoriti memberi sokongan.

Kita perlu menjadikan perjuangan Nabi Muhammad s.a.w sebagai iktibar. Baginda mengambil masa yang panjang untuk meyakinkan umat agar mengikut ajarannya.

Di sebaliknya, secara peribadi saya berasa puas jika dapat membantu rakyat meski bagaimana kecil sekalipun bantuan atau kejayaan itu. Rakyat datang bukannya untuk meminta wang. Mereka datang untuk mendapatkan nasihat dan pandangan berkaitan dengan masalah kawasan, anak-anak, masalah pelajaran, biasiswa, kerja dan sebagainya. Kita perlu memberi perkhidmatan yang terbaik. Tugas ini menuntut sebahagian daripada masa dan tenaga.

Selalunya saya gunakan masa seperti melalui sesi dialog dengan rakyat,

Pendidikan adalah pelaburan yang terbaik. Seribu ekar tanah tidak akan bermakna kalau seseorang tidak berilmu dan tidak mahir

waktu penyampaian sijil dan sebagainya untuk memberi nasihat kepada ibu bapa. Umpamanya tentang pentingnya pendidikan. Kita perlu memastikan pendidikan anak-anak diberi perhatian berat. Tetapi saya harus terlebih dahulu memastikan anak-anak saya berjaya. Saya bersyukur semua anak saya berjaya. Setidak-tidaknya saya tidak akan dianggap seperti ketam yang mengajarnya anaknya berjalan dengan betul. Hal ini penting.

Anak YB berjaya. Ini tentu berkat peranan berkesan yang telah dimainkan oleh YB sebagai bapa. Tentu ada rahsia yang YB ingin kongsi?

Sebagai ibu bapa kita perlu memberi perhatian kepada anak-anak. *Quality time* bersama anak-anak penting. Tidak ada gunanya kita berada sepuluh jam di rumah tetapi kita tidak berinteraksi dengan anak-anak dengan cara yang bermakna. Kemesraan dan keprihatinan terhadap anak-anak penting. Kita perlu menunjukkan kasih sayang dan mengambil berat terhadap pelajaran dan emosi mereka. Kita hendaklah memastikan mereka menggunakan masa dengan optimum, dengan sebaiknya. Disiplin perlu dijaga, bukan-

nya dengan cara kekerasan. Kita hendaklah memujuk minat mereka. Galakkan mereka mengikut minat masing-masing. Hendak jadi doktor-kah, peguam, jurutera atau apa? Kita perlu memastikan cita-cita ada di jiwa mereka dan membantu agar cita-cita tersebut tercapai. Ibu bapa hendaklah mewujudkan keadaan yang selesa di rumah. Ini penting agar mereka dapat membesar dalam keadaan yang normal dan agar mereka dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran. Bagi saya meskipun saya menghadapi banyak masalah di luar yang boleh memeningkan kepala tetapi apabila saya sampai di rumah, saya berasa begitu aman. *My home is so peaceful*. Sesungguhnya, dengan keadaan yang aman dan harmoni di rumah, rumah menjadi syurga.

Kami perhatikan YB amat menitikberatkan soal pendidikan. Pendidikan adalah pelaburan yang terbaik. Pendidikan akan menentukan masa depan anak-anak kita. Dapat YB jelaskan pentingnya pendidikan kepada masyarakat kita, khususnya generasi muda luar bandar?

Pendidikan adalah pelaburan yang terbaik. Seribu ekar tanah tidak akan bermakna kalau seseorang tidak

berilmu dan tidak mahir. Pendidikan bertambah penting kepada anak-anak di luar bandar. Dengan pendidikan mereka akan dapat muncul sebagai orang yang berguna pada suatu hari nanti. Dunia masa depan, era masa depan, dalam abad ke-21 menuntut agar kita memiliki ilmu dan pengetahuan yang cukup. Sebab itu, meski bagaimanapun pun kita, kita hendaklah memperuntukkan masa agar dapat memberi perhatian kepada anak-anak.

Tetapi masalah sekarang ialah prestasi sebahagian daripada pelajar Bumiputera kita, khususnya dalam mata pelajaran seperti bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Prestasi mereka tidak begitu memuaskan.

Ini masalah yang kritis. Kita berusaha mengatasi masalah ini. Saya percaya Jabatan Pendidikan juga mempunyai strateginya sendiri. Saya bercakap tentang kawasan saya. Kami berusaha melalui Lembaga Amanah untuk mengadakan kelas tambahan, tuisyen dan memberi insentif. Kami tidak mahu anak-anak membuang masa apabila balik dari sekolah. Untuk mencapai keputusan yang baik, usaha dan masa yang diperuntukkan amat penting. Peranan PIBG dan Lembaga Amanah amat mustahak. Kita perlu mempunyai pemimpin yang baik untuk memimpin dan menunjuk ajar. Pengembangan usaha dan tenaga amat perlu bagi menjamin prestasi dalam mata pelajaran berkenaan dapat ditingkatkan.

Dalam konteks kawasan saya, saya bertuah kerana membantu-pembantu saya begitu dedikasi. Mereka amat komited dan efektif dalam menjalankan program yang diamanahkan. Inilah rahsia yang menentukan kejayaan.

Akhir sekali bagi YB, Melayu baru itu apa?

Baik Melayu barukah, Melanau barukah atau Bumiputera barukah, bagi saya semuanya perlu berdisiplin, berilmu dan berakhlak mulia. Kita perlu memperlihatkan mutu kepemimpinan yang terpuji — dedikasi, amanah, bertanggungjawab dan berviisi. Untuk muncul sebagai orang yang berjaya, sikap dan mental perlu diubah. Hanya dengan demikian kita dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Melayu baru harus mengamalkan nilai yang positif.



Ibu bapa harus memberi perhatian sepenuhnya kepada anak-anak kerana mereka bakal pemimpin suatu hari kelak.



Y.B. Haji Hamden Ahmad

N28 Belawai

POLITIK TUNTUT KOMITMEN

Bagaimana YB mula melibatkan diri dalam arena politik?

Saya melibatkan diri dalam politik secara tidak langsung. Sebelum melibatkan diri dalam politik, saya pernah bekerja di Lembaga Padi dan Beras Negara dan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak.

Selepas meletak jawatan di agensi berkenaan, saya membuka syarikat perakaunan. Dalam pada itu, saya turut membantu Datuk Onn Mahmud menguruskan perniagaannya. Dari situlah saya terdedah kepada politik pada 1986.

Saya dilantik oleh Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud sebagai penyelaras PBB di N.23 Kuala Rejang. Kebetulan, pada waktu itu diadakan pemilihan ketua cawangan dan bahagian Kuala Rejang.

Pada mesyuarat itu, saya diminta bertanding dalam mesyuarat perwakilan untuk merebut jawatan ketua bahagian. Hasilnya, saya menang dalam pertandingan itu dan dari situlah bermulanya titik tolak politik dalam hidup saya.

Pernahkah YB bercita-cita jadi wakil rakyat?

Sebenarnya, saya tidak terfikir bahawa saya akan jadi wakil rakyat seperti sekarang. Sebab saya tahu menjadi wakil rakyat bukanlah perkara mudah. Ia memerlukan kesungguhan, kesabaran, pengalaman luas dalam politik dan benar-benar jujur, ikhlas serta mahu berjuang untuk kepentingan rakyat.

Pada pilihan raya negeri 1987, saya cuma berkempen untuk memasti-

kan calon Barisan Nasional (BN) menang. Dua hari sebelum penamaan calon, satu rapat umum diadakan di Sibuyang dihadiri oleh Ketua Menteri. Sebelum balik, beliau menyatakan supaya saya jadi calon BN dalam pilihan raya itu. Saya bersetuju dengan cadangan itu.

Pada hari penamaan calon, saya diiringi oleh Datuk Abang Haji Abu Bakar Datuk Bandar Abang Haji Mustapha. Rakyat masih belum tahu siapakah calon di kawasan Belawai. Mereka bertanya kepada saya siapakah calonnya. Saya menjawab saya sendiri tetapi mereka tidak percaya dan menganggap saya bergurau.

Apabila saya pergi ke pejabat untuk mendaftar diri sebagai calon barulah mereka percaya bahawa calon di Belawai ialah saya.

Pada pilihan raya itu, saya ditentang oleh Saidi Oflia. Alhamdulillah, saya menang dalam pilihan raya itu.

Dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) kita tidak ada pembangkang. Adakah kita perlu pembangkang?

Sebenarnya tidak perlu ada pembangkang dalam sidang DUN kerana ahli-ahli DUN boleh memberi pandangan dan kritikan membina untuk kemajuan negeri. Bukannya mengkritik sesuka hati.

Oleh itu, kita tidak perlu kehadiran pembangkang kerana ada atau tidak mereka, kepesatan pembangunan di negeri kita adalah sama.

Tanggapan YB terhadap kepemimpinan Ketua Menteri dalam menajui Sarawak?

Saya bangga dengan kepemim-



Kehadiran pembangkang tidak akan membawa apa-apa perubahan kepada kepesatan pembangunan di negeri kita.

pinan Ketua Menteri dan pemimpin yang lain kerana berjaya membawa Sarawak ke era kemantapan bukan sahaja dari segi politik tetapi ekonomi dan sosial.

Datuk Taib ialah satu-satunya Ketua Menteri yang sangat berkesan dalam menerajui negeri ini. Tiada siapa yang dapat menandingi keberkesanan kepemimpinan beliau.

Lihat saja pembangunan, perpaduan rakyat dan hubungan parti politik di negeri ini. Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) sebelum ini bertindak sebagai pembangkang turut memuji corak pentadbiran beliau.

Beliau juga berjaya mengeratkan hubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Negeri lain dan Kerajaan Persekutuan. Contohnya, lawatan Ketua Menteri Sabah, Datuk Salleh Tun Said Keruak ke Sarawak baru-baru ini.

Ini membuktikan pentadbiran Sarawak bukan sahaja dikagumi oleh rakyat negeri ini tetapi turut diminati oleh negeri dan negara lain.

Pembangunan mengagumkan di kawasan YB?

Zon Pemrosesan Kayu Tanjung Manis merupakan satu perubahan besar dari segi pembangunan di kawasan saya. Kewujudannya bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan tetapi peluang perniagaan.

Sekarang, anak-anak tempatan mudah mencari pekerjaan. Lebih-lebih lagi pembinaan jalan raya dari Tanjung Manis, Sarikei ke Kampung Rejang, Jerijeh dan Betawai. Jalan raya itu akan siap sepenuhnya selawat-lewatnya penghujung tahun ini.

Peristiwa yang tidak dapat dilupakan sewaktu menjadi YB?

Peristiwa yang tidak dapat saya lupakan sehingga ke hari ini ialah pada pilihan raya negeri 1991. Pada pilihan raya itu saya ditentang oleh Datuk Salleh Jafaruddin — orang kaya, berpengalaman dan berpengaruh dalam politik.

Apa yang menyedihkan ialah pendirian orang kampung yang sering diputar belit oleh pembangkang. Pembangkang berjanji untuk memberi sebuah rumah kedai setiap seorang jika menyokong mereka.

Ini membuktikan betapa mundurnya fikirannya mereka sehingga sanggup



Ibu bapa harus mengubah sikap kerana mereka orang yang bertanggungjawab mendidik anak di luar sekolah.

Apa yang menyedihkan ialah pendirian orang kampung yang sering diputar belit oleh pembangkang. Pembangkang berjanji untuk memberi sebuah rumah kedai setiap seorang jika menyokong mereka

diperbodohkan oleh pihak lawan.

Peristiwa yang tidak dapat dilupakan ketika di kampung?

Pergi ke sekolah 'berkaki ayam' (tidak berkasut) kerana tidak mampu membeli kasut sekolah. Maklumlah, ketika itu serba kekurangan dari segi kewangan.

Bumiputera lemah dalam Matematik dan Sains. Dapat YB hurai-kannya mengapa?

Bagi saya, anak-anak kita tidak lemah dalam kedua-dua mata pelajaran itu. Cuma, mereka tidak dipupuk dari peringkat rendah.

Matematik memerlukan pemahaman dan pelajar perlu sering membuat latihan kira-kira. Begitu juga dengan Sains, pelajar mesti rajin pergi ke makmal untuk membuat uji kaji.



Punca kelemahan mereka ialah tiada bimbingan dan sokongan daripada ibu bapa sejak awal lagi. Kebanyakan ibu bapa Bumiputera mengamalkan sikap sambil lewa terhadap pelajaran anak-anak mereka.

Lihat saja kaum Cina. Minat anak-anak terhadap pelajaran dipupuk sejak kecil.

Oleh itu, cara yang paling berkesan ialah ibu bapa harus mengubah sikap kerana mereka ialah orang yang bertanggungjawab mendidik anak di luar sekolah.

Pengalaman yang menakutkan?

Dari segi pelajaran, saya takut apabila melanjutkan pelajaran ke luar negeri tanpa beroleh kejayaan. Alhamdulillah, sekarang saya berjaya memiliki apa yang dicita-citakan.

Dari segi politik, ketika melawar Datuk Salleh Jafaruddin pada pilihan raya negeri 1991 kerana beliau ialah orang veteran dalam politik.

Adakah kejayaan YB sekarang kerana dorongan isteri?

Isteri memainkan peranan penting untuk menentukan kejayaan suami. Lebih-lebih lagi suami itu wakil rakyat. Dalam hubungan ini, sikap faham-memahami amat penting.

Negara yang ingin dilawati?

Turki, sebab suasananya romantik.

Y.B. Abdul Ajis Abdul Majeed

N42 Balingian

POLITIK MENGANGKAT MARTABAT RAKYAT



Sebagai salah seorang YB dari kawasan Melanau dan orang yang telah meneliti perkembangan komuniti tersebut untuk sekian lama, barangkali YB dapat memberitahu kami tentang dilema Melanau menjelang abad ke-21.

Kaum Melanau dekad 90-an amat berbeza daripada Melanau dekad 60-an dan 70-an. Komuniti Melanau hari ini, yang telah banyak berubah tidak dapat lari daripada terperangkap dalam dilema. Mahu tidak mahu, perlu diakui bahawa di kalangan komuniti Melanau sekarang wujud semacam perasaan serba salah. Patutkah mereka bersuara dengan terus terang, berani dan nyaring atau memendamkan sahaja hasrat dan keinginan mereka? Sejak awal 70-an lagi mereka seolah-olah mahu mendiamkan diri, jangan bercakap terlalu vokal, perlu jaga perasaan orang lain dan sebagainya. Kini, perasaan yang demikian masih

lagi timbul. Kalau bercakap secara vokal, mereka takut disalah tafsir, sedangkan, kalau tidak bercakap langsung mereka juga akan kerugian. Gejala seperti ini pernah berlaku sebelum ini. Sampai pemimpin Melanau sendiri mengamalkan pendekatan biarlah kita bawa pembangunan ke tempat lain dahulu. Hanya sesudah itu barulah kita bawa pembangunan ke kawasan Melanau. Sebagai akibat daripada ketakutan dan kebimbangan yang melampau, kawasan Melanau tertinggal di belakang. Yang rugi ialah komuniti Melanau. Gejala ini berpunca daripada keinginan yang terlalu kuat untuk menjaga hati orang lain agar sesuatu tindakan tidak melukai perasaan pihak berkenaan.

Maksud YB, kaum Melanau terlalu menjaga perasaan orang lain, toleran, baik hati. Apakah salah sikap yang demikian?

Ini persoalan menarik untuk dibincangkan. Sebenarnya tidak ada yang salah dengan sikap yang demikian. Malah, sikap toleran, baik hati, pandai menjaga hati orang lain dan sikap positif yang lainlah yang menyebabkan orang Melanau dapat memimpin, maju dan berada di hadapan dalam hampir semua bidang.

Masyarakat Melanau telah banyak berubah. Pada pandangan YB, apakah perubahan signifikan yang telah dialami oleh kaum Melanau?

Memang kita akui bahawa masyarakat Melanau hari ini amat berbeza daripada Melanau, katakan 20 atau 30 tahun lalu. Masyarakat Melanau dekad 90-an berubah dan maju dari segi politik, ekonomi, sosial. Taraf sosio-ekonomi mereka telah jauh berubah. Perubahan ini, sesungguhnya berpunca daripada kesedaran dan komitmen mereka untuk maju. Mereka maju bukan kerana nasib, dan bukan juga kerana naungan pemimpin. Yang menarik mengikut pengamatan saya ialah kaum Melanau merupakan manusia yang gigih berusaha, tidak mengenal penat lelah, berani mengambil risiko — tentunya *calculated risk* bertanggjawab jika diberi amanah dan bijak merebut peluang. Salah satu faktor yang menyebabkan Melanau maju ialah melalui pendidikan. Seperti kaum lain, tidak banyak Melanau yang hidup selesa pada tahun 70-an.

Di sebaliknya, keadaan hidup yang miskin dan daif tidak melemahkan semangat mereka. Mereka berusaha keluar dari kemiskinan melalui pendidikan. Mereka belajar bersungguh-sungguh dan ada yang munculi menjadi pelajar cemerlang. Golongan yang kuat berusaha lah yang muncul menjadi pemimpin dan maju dalam bidang masing-masing pada hari ini. Mereka yang kita lihat maju pada hari ini sebahagiannya merupakan anak orang miskin. Tetapi berkat usaha gigih dan kesedaran mendalam mereka terhadap pentingnya pendidikan sebagai alat untuk memajukan diri, akhirnya mereka menjadi orang yang berjaya dalam hidup.

Jadi?

Jadi perubahan yang ketara adalah dari segi kemajuan ekonomi. Mereka maju kerana mereka bijak merebut

kesempatan daripada kemudahan pendidikan yang disediakan. Hari ini kita dapat melihat Melanau yang maju dalam bidang pendidikan, sampai memperoleh ijazah PhD, menjadi pensyarah di universiti, ada yang menjadi jurutera, doktor, arkitek, pentadbir, pemimpin politik, penulis, guru siswazah, peguam dan sebagainya. Mereka inilah yang dapat mengangkat taraf hidup diri dan keluarga masing-masing. Malah, turut mengangkat darjat dan martabat kaum Melanau. Pendek kata, kaum Melanau telah menembusi hampir dalam setiap bidang hasil daripada kecemerlangan mereka dalam pendidikan.

Seperkaranya lagi adalah dari segi sikap. Generasi baru Melanau nampaknya lebih yakin. Mereka bukan lagi manusia yang mempunyai perasaan rendah diri. Saya kira, ini berpunca daripada pendidikan yang mereka terima. Ya, mereka lebih *confident*.

Prestasi yang cemerlang dalam bidang pendidikan perlu dipertahankan, malah wajar dipertingkatkan. Komen.

Dalam usaha menangani kehidupan masa kini dan era masa depan yang penuh cabaran, hanya mereka yang memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi akan dapat

berjaya. Pendidikan ialah pelaburan terbaik untuk mengangkat taraf sosioekonomi dan darjat diri. Kalau mahu berjaya, kaum Melanau atau sesiapa sahaja hendaklah berusaha dengan gigih untuk mendapat kemahiran dan pengetahuan yang terbaik. Secara khusus, saya khuatir dengan prestasi pelajar kita dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Dalam era negara berusaha untuk muncul sebagai negara perindustrian, kemahiran tinggi dalam bidang yang berkaitan amatlah penting. Usaha yang lebih perlu ditumpukan, baik dari segi tenaga, masa mahupun wang ringgit untuk memajukan mata pelajaran berkenaan.

Maksudnya, komuniti Melanau perlu mengamalkan budaya ilmu?

Bangsa yang maju merupakan bangsa yang mengamalkan budaya ilmu. Kita perlu menyedari hakikat sejarah. Keruntuhan tamadun besar adalah berpunca daripada runtuhnya semangat dan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan dan sikap *complacent*. Kita perlu menyemai minat membaca di kalangan masyarakat kita. Mereka hendaklah rajin membaca buku, majalah, akhbar, jurnal dan sebagainya. Jika kita mengamalkan budaya ilmu, kita akan dapat menerokai pelbagai bidang sains, teknologi, biotek dan sebagainya lagi. Perlu saya tegaskan bahawa budaya ilmu perlu menjadi keutamaan jika kita mahu menjadi

masyarakat yang dihormati dan dikagumi.

Tentu YB ingin memberi nasihat kepada generasi muda, khasnya yang masih di bangku sekolah.

Pelajar harus sedar akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pelajar. Mereka hendaklah belajar, belajar dan belajar. Mereka hendaklah menyedari hakikat bahawa mereka dapat menjadi seperti orang lain yang berjaya jika berusaha bersungguhsungguh. Tidak ada rahsia lain, selain daripada komitmen, kesungguhan, keinginan untuk maju. Setiap orang ada potensi. Terpeluanglah kepada masing-masing untuk mencungkil potensi yang ada agar dapat menjadi manusia yang berguna kepada masyarakat dan negara.

Pada waktu yang sama, saya ingin melihat bukan sahaja generasi Melanau yang berilmu dan mahir tetapi memiliki disiplin yang tinggi. Maksud saya, generasi yang berakhlak mulia, seimbang peribadinya, penyayang, bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara, bersikap dinamik, dan sentiasa berusaha memajukan diri.

Kini banyak diperkatakan tentang konsep Melayu baru, Bidayuh baru, Cina baru, malah Melanau baru. Boleh YB huraikan sedikit tentang konsep ini?

Sebelum itu, tidak ada yang salah

Pada waktu yang sama, saya ingin melihat buka- sahaja generasi Melanau yang berilmu dan mahir tetapi memiliki disiplin yang tinggi. Maksud saya, generasi yang berakhlak mulia, seimbang peribadinya, penyayang, bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara, bersikap dinamik, dan sentiasa berusaha memajukan diri



Bangsa yang maju merupakan bangsa yang mengamalkan budaya ilmu.



Melanau hendaklah melepaskan diri daripada belunggu konservatisme dan sikap negatif yang merugikan.

dengan Melanau lama. Melanau baru, seperti juga Melayu baru perlu memiliki dan mengamalkan sikap yang positif, dinamik dan sentiasa mahu berusaha keras. Melanau baru perlu mempunyai daya tahan yang tinggi, yakin dan kenal diri, mempunyai daya kepimpinan yang terpuji, aktif, proaktif. Melanau hendaklah melepaskan diri daripada belunggu konservatisme dan sikap negatif yang merugikan. Jika kita mengkaji dari segi sejarah, bangsa yang agung, seperti bangsa Jepun dan Cina, mereka mempunyai jiwa penakluk, berjiwa perantau, komited terhadap anutan, karismatik, kreatif, bermotivasi tinggi dan mempunyai daya penyesuaian yang tinggi terhadap teknologi, alam sekitar dan masyarakat. Jadi, mengapa tidak masyarakat Melanau yang memang sudah terkenal dengan sikap positif cuba mencontohi sikap bangsa besar itu? Hanya dengan demikian mereka akan dapat bertahan dalam dunia yang penuh persaingan pada masa depan.

Kami juga ingin meninjau pendapat YB tentang politik pembangunan. Bagi YB, politik pembangunan itu apa? Dan, bagaimanakah ia menguntungkan penduduk Sarawak?

Politik pembangunan YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri kita merupakan politik yang cuba mengurangkan aspek politik. Melalui gagasan politik pembangunan, bukan semata-mata untuk berpolitik. Politik digunakan sebagai cara atau saluran untuk

mengangkat martabat dan darjat rakyat melalui pelbagai dasar, rancangan dan projek pembangunan yang pragmatik. Saya rasa politik pembangunan telah menguntungkan penduduk Sarawak tanpa mengira kaum, agama atau tempat.

Boleh YB rumuskan prestasi Ketua Menteri yang amat membanggakan?

Pertama, Datuk Patinggi Taib telah dapat menyatu-padukan penduduk pelbagai kaum di Sarawak. Perlu kita akui bahawa perpaduan lebih kukuh sekarang, berbanding dengan masa dahulu. Melalui strategi dan pendekatannya yang mengutamakan keadilan dan kesaksamaan, beliau telah dapat menarik minat dan perhatian semua kaum. Inilah kelebihan beliau. Keadaan politik lebih stabil. Dasar politik yang diamalkan oleh Datuk Taib tidak berkompromi dengan mereka yang bersikap perkauman dan ekstrim. Politik beliau adalah berlandaskan kompromi dan konsensus.

Kedua, pembangunan fizikal, dari segi infrastruktur dan kemudahan asas — jalan raya, bekalan api dan elektrik, telefon, dan sebagainya amatlah luar biasa. Era kepimpinan Datuk Taib pasti akan dicatatkan sebagai zaman kepimpinan yang cemerlang. Semua tempat, tidak kira bandar atau luar bandar dan pedalaman dapat menikmati hasil daripada perjuangan politik beliau yang ikhlas.

Ketiga, dari segi ekonomi. Me-

lalui pelbagai pendekatan ekonomi yang pragmatik beliau berusaha membawa Sarawak ke era yang lebih maju, dari segi perladangan, perindustrian dan seumpamanya. Pertumbuhan ekonomi Sarawak memang membanggakan di bawah kepimpinan beliau. Dijangkakan apabila projek hidroelektrik Bakun dilaksanakan, pertumbuhan ekonomi negeri kita akan mencapai 11 peratus. Hasilnya, kita dapat menyalurkan pendapatan negeri ini untuk pembangunan. Sesiapa yang jujur akan mengakui bahawa Datuk Taib telah membawa negeri ini ke depan, daripada negeri yang serba mundur dan kekurangan menjadi negeri yang maju ekonominya di Malaysia. Dan, kadar kemiskinan telah dapat dikurangkan dengan banyaknya. Kita telah beralih dari negeri yang bergantung kepada pertanian, menjadi negeri yang berorientasikan perindustrian. Banyak pelabur asing datang ke sini bukan sahaja kerana sumber semulajadi yang kaya, tetapi yang tidak kurang pentingnya adalah kerana dasar ekonomi yang pragmatik, kestabilan politik dan sosial di negeri ini.

Keempat, perhubungan di antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat bertambah mesra. Perhubungan yang dijalinakan atas landasan hormat-menghormati telah memungkinkan kerajaan pusat lebih memahami kehendak dan aspirasi rakyat negeri ini. Ini membantu mempercepat integrasi nasional dan juga mempercepat pembangunan dan kemajuan dalam pelbagai bidang.

Bagaimanapun, saya kira, di bawah kepimpinan Ketua Menteri sekarang, perubahan sikaplah yang paling ketara. Malah, perubahan sikaplah yang membolehkan perubahan berlaku dalam bidang-bidang lain. Rakyat di negeri ini lebih terbuka sikap mereka, dapat menerima orang luar sebagai rakan, tanpa prasangka, misalnya. Sikap rakyat mahu menerima perubahan dan kemajuan, tanpa banyak tentangan, seperti pada tahun sebelumnya juga banyak membantu merealisasikan hasrat kerajaan. Melalui politik pembangunan Datuk Taib telah memberi kesedaran kepada kita betapa pentingnya manusia atau rakyat sebagai aset yang penting untuk membangunkan negeri ini.

Singkatnya, politik pembangunan

yang dipelopori oleh beliau adalah sebagai cara untuk merealisasikan Wawasan 2020 Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kami juga ingin tahu apakah perubahan yang berlaku di kawasan YB sejak YB menjadi wakil rakyat. Kami difahamkan bahawa kawasan Mukah telah berubah secara drastik khususnya dalam tempoh lima tahun kebelakangan. Maksudnya, berlaku semacam satu transformasi. Bagaimana sebenarnya kemajuan dan pembangunan di situ, dan mengapa?

Berkat komitmen, sikap prihatin, sokongan dan bimbingan Ketua Menteri, kawasan saya telah dapat dibangunkan. Dari segi infrastruktur, umpamanya memang berlaku banyak perubahan. Jalan raya, bekalan api dan elektrik dan seumpamanya. Kawasan yang pada awal 80-an dahulu sukar dihubungi, kini dengan mudah dihubungi dengan jalan raya. Tempoh perjalanan dapat ditingkatkan. Penduduk dari kampung di hulu Mukah, misalnya, Kampung Sesok dan Kampung Teh, tidak perlu lagi bangun awal pagi. Mereka dengan mudah dapat sampai di bandar Mukah dalam masa yang singkat, dua tiga kali sehari. Dulu tidak, orang naik bot ekspres. Dengan adanya jalan raya, kesannya ialah, harga tanah juga meningkat, selain memudahkan penduduk bercucuk tanam, membawa hasil pertanian ke pekan dan pergi ke kebun mereka. Semua itu tidak pernah dibayangkan dikatakan sedekad lalu. Rakyat berpuas hati dan bersyukur.

Seperti yang saudara maklum juga, ladang rumbia telah dibuka di kawasan saya. Kilang sagu juga didirikan. Semuanya ini memberi faedah kepada penduduk tempatan. Harga sekerat rumbia telah meningkat.

Pada 26 Mac 1994, telah dilancarkan beberapa projek penting yang tentunya akan mengubah wajah bandar itu. Pembinaan Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan berharga di sekitar RM15.8 juta, pembinaan Masjid Setia Raja berharga di sekitar RM4 juta dan dapat menampung kira-kira 2,500 jemaah pasti akan menjadi mercu tanda Mukah. Pembinaan Boulevard Setia Raja berongkos di sekitar RM7.2 juta juga akan memberi wajah baru kepada Mukah. Projek-projek ini akan menjadikan Mukah sebagai pusat komersial yang dinamik. Banyak

lagi pembangunan akan dibawa ke daerah Mukah.

Boleh YB sebutkan secara khusus...

Ya. Kilang maltodekstrin berharga RM7.3 juta akan didirikan di Mukah tidak lama lagi. Kilang ini didirikan untuk memproses kanji rumbia menjadi bahan keperluan industri makanan tersebut. Apabila siap, dijangka pada Mei 1995, ia mampu mengeluarkan 1,400 tan metrik maltodekstrin setahun. Dengan pembinaan loji tersebut, banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan, selain tentunya menjadikan Mukah sebagai pengeluar utama barangan berasaskan rumbia di dunia. Kerajaan yakin dengan pembinaan loji tersebut akan membuka laluan baru kepada penduduk tempatan, khususnya pekebun rumbia. Dijangka pendapatan mereka akan dapat ditingkatkan. Dalam sektor perladangan pula, kawasan seluas 15,000 ekar akan dibuka di Metading, Mukah untuk penanaman rumbia dan kelapa sawit. Projek ini dianggarkan membabitkan kos di sekitar RM55 juta. Kilang kelapa sawit dan kilang rumbia akan turut didirikan.

YB puas dengan apa yang sudah dicapai?

Apa lagi yang kita hendak minta? Ini tidaklah bermakna kita sudah berpuas hati. Bukan bermakna kita dapat berhenti di situ sahaja. Masih banyak ruang untuk memperbaiki taraf hidup penduduk dan masih banyak ruang untuk memajukan kawasan. Kita perlu terus berusaha dengan gigih dan bersatu hati untuk meningkatkan kemajuan.

Dengan segala pembangunan yang berlaku ini, apakah agaknya harapan dan nasihat YB terhadap generasi muda?

Saya berharap generasi muda akan merebut peluang yang disediakan oleh kerajaan. Mereka hendaklah melengkapkan diri dengan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang sesuai. Mereka hendaklah bekerjasama membangunkan kawasan itu. Mukah mempunyai banyak potensi untuk maju. Semua pihak perlu bekerjasama. Kerajaan, agensi kerajaan, pemimpin, wakil rakyat, ketua masyarakat dan penduduk sama-sama memainkan peranan. Saya percaya

dengan kerjasama erat dan sokongan padu rakyat terhadap kerajaan, kawasan ini akan terus maju.

Harapan YB terhadap penduduk di kawasan YB?

Untuk membangunkan kawasan Mukah, Balingian dan kawasan di sekitarnya, penduduk perlu terus memberi sokongan kepada kerajaan. Mereka hendaklah bekerjasama dengan kakitangan kerajaan dan parti yang memerintah. Hal ini penting bagi memastikan kawasan tersebut terus maju. Kita perlu bangga dengan tempat sendiri. Tidak harus berasa malu. Generasi muda yang terpelajar, sebaik-baiknya kembali ke kampung, sekurang-kurangnya sekali setahun untuk menjalin hubungan dengan keluarga dan orang kampung. Ini penting agar mereka tidak tercabut dari 'akar'. Golongan terpelajar ini hendaklah berbincang untuk mencari formula dan strategi bagaimana untuk terus membangunkan masyarakat tempatan.

Bagaimanakah YB melihat wajah Mukah, katakan dalam tahun 2005?

Mukah tentu akan terus berubah. Dengan landasan atau asas sekarang, saya rasa kawasan itu dapat terus membangun, baik dari segi prasarana, ekonomi mahupun sosial. Saya ingin melihat Mukah sebagai kawasan yang bukan sahaja terkenal sebagai kawasan pengeluar rumbia yang utama di dunia, tetapi juga penduduk yang maju dari segi sikap dan pemikiran. Biarlah Mukah maju seiring dengan kemajuan dan pembangunan di kawasan lain, sesudah tertinggal untuk sekian lama. Mukah akan menikmati kegemilangan yang pernah dikecapinya pada hujung abad ke-19 dahulu, sebagai pusat perdagangan utama. Biarlah Mukah maju dari semua segi, khususnya dari segi industri.

Kawasan YB banyak kelebihan atau keistimewaan. Yang istimewa di kawasan YB?

Penduduknya. Penduduk pelbagai kaum — Melanau, Iban dan Cina yang ramah. Kebudayaan Melanau amat menarik. Aspek ini boleh menjadi daya tarikan kepada pelancong, khususnya adat resam dan permainan tradisi. Mukah juga terkenal dengan pantainya yang indah,

Kini sudah ada kecenderungan usahawan tempatan untuk membina chalet di tepi pantai. Ini usaha yang baik bagi memajukan industri tersebut. Saya melihat potensinya cerah. Terulang kepada kita untuk mengukil dan merebut peluang yang ada, ekoran daripada langkah kerajaan memajukan Mukah.

Makanan, bagaimana YB?

Ya. Mukah terkenal dengan *umai*, *tehaloi* dan makanan tradisi Melanau yang lain. Sesiapa yang tidak merasa makanan tersebut apabila berkunjung ke Mukah, tidaklah lengkap lawatannya itu.

YB, ada pendapat yang mengatakan bahawa politik ialah seni yang memungkinkannya. Pada pandangan YB politik itu untuk apa sebenarnya?

Bagi saya, politik dapat dijadikan sebagai cara atau alat untuk memajukan rakyat, memajukan taraf sosioekonomi, cara berfikir, sikap dan sebagainya. Politik bukan untuk merebut kuasa atau untuk menunjukkan kuasa.

Sebagai pemimpin muda yang menyinar bintangnya, boleh YB ringkaskan sikap pemimpin politik yang unggul.

Komitah terhadap rakyat. Bersedia berkorban dari apa segi pun, khasnya tenaga dan masa. Sedaya mendengar masalah rakyat secara saksama. Pemimpin berkenaan harus bijak merancang, menghubungkan kerajaan dengan rakyat dan di sebalikinya. Pemikirannya harus mendahului pemikiran rakyat. Dia perlu kreatif dan bersikap proaktif. Pemimpin yang baik perlu lebih banyak bekerja daripada bercakap, memiliki kemahuan yang baik, menghargai masyarakat dan suka menolong.

Dalam hubungan ini, saya teringat akan pesan Ibnu Khaldun. Mengikuti beliau, seseorang pemimpin perlu giat menegakkan perbuatan yang baik, suka memaafkan kesalahan pada tempatnya, murah hati, memelihara yang miskin, sabar dalam kesusahan, ikhlas, tidak angkuh, suka mendengar teguran, serta menghormati dan menghormati lawan. Dia tidak harus mementingkan diri sendiri sebab perbuatan yang demikian hanya akan



Politik merupakan alat untuk memajukan rakyat, memajukan taraf sosioekonomi, cara berfikir, sikap dan sebagainya dan bukan untuk merebut atau untuk menunjukkan kuasa.

Dalam hubungan ini, saya teringat akan pesan Ibnu Khaldun. Mengikuti beliau, seseorang pemimpin perlu giat menegakkan perbuatan yang baik, suka memaafkan kesalahan pada tempatnya, murah hati, memelihara yang miskin, sabar dalam kesusahan, ikhlas, tidak angkuh, suka mendengar teguran, serta menghormati dan menghormati lawan

menjajak banyak musuh.

Seperkara lagi YB. Kami juga ingin tahu persoalan popular yang sering dibangkitkan oleh YB di dalam Dewan Undangan Negeri?

Ada dua persoalan utama. Pertama, masalah tempatan. Kedua, masalah umum. Masalah tempatan membabitkan persoalan asas seperti infrastruktur. Misalnya, saya memohon supaya lebih banyak jalan raya dibina dan perlu diperbaiki. Juga, memohon kemudahan lain untuk penduduk kawasan. Masalah nelayan, petani dan pekebun juga sering saya timbulkan. Selain itu, ialah persoalan berkaitan dengan pendidikan, pe-

rumahan, sosial, politik, ekonomi dan beberapa lagi, yang ada kaitan dengan negeri Sarawak pada umumnya.

Yang menjadi perjuangan utama YB melalui politik?

Berusaha memperbaiki taraf sosioekonomi penduduk dan kemajuan pelbagai segi di kawasan. Tujuan akhir, untuk meningkatkan martabat atau digniti rakyat.

Bagaimanakah YB mahu diingati sebagai ahli politik?

Saya rasa, yang penting ialah kita bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh. Kita hendaklah berusaha memenuhi aspirasi dan kehendak rakyat. Bukan untuk kita menilai. Yang penting kita telah membuat sedaya upaya. Itu yang penting. Sejarah tidak akan dapat menipu. Soal peribadi sedikit.

YB, kami juga ingin tahu bagaimana YB memenuhi masa lapang?

Membaca. Membaca akhbar. Itu wajib. Itu yang pertama dibuat sesudah sarapan. Bukan apa, hendak mengetahui perkembangan isu semasa, baik isu tempatan mahupun antarabangsa. Dalam zaman serba canggih ini, maklumat terlalu cepat berubah. Kita perlu mengikutinya supaya tidak tertinggal. Saya juga membaca buku dan majalah tentang politik, ekonomi dan beberapa lagi. Juga menonton tv, khasnya berita dan dokumentari.

Y.B. Datuk Nyipa Bato

N48 Belaga

NASIB BELAGA, ORANG ULU DAN PROJEK BAKUN



Dapat dikatakan Datuk merupakan salah seorang veteran dalam politik. Datuk mula berjuang dalam Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP). Bagaimana Datuk akhirnya terlibat dengan PBB?

Segala-galanya berlaku kerana wujudnya kompromi antara pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) di Sarawak, khususnya PBB dan SUPP. Saya merupakan ahli SUPP sejak mula bergiat dalam politik pada tahun 60-an lagi. Pada tahun 1970, saya menang kerusi Dewan Undangan negeri Be-aga atas tiket SUPP. Pada awal tahun 1974, saya dilantik sebagai Menteri Kerajaan Negeri. Setahun kemudian dilantik menjadi Menteri Tugas-tugas Khas. Pada tahun 1977 saya dilantik sebagai Menteri Kebajikan Am sehinggalah pada pilihan raya negeri 1979 pihak saya gagal.

Petistiwa Ming Court 1987 me-

ngubah kedudukan politik saya. Ini berikutan ADUN Belaga ketika itu menyertai pembangkang. Jadi BN menghadapi masalah untuk mendapatkan calon yang sesuai bagi menentang calon pembangkang yang menguasai kerusi ADUN ketika itu. Beberapa orang pemimpin tertinggi BN negeri termasuk Timbalan Presiden Datuk Abang Abu Bakar telah pergi ke Belaga untuk mengenal pasti calon yang sesuai. Mula-mula Haji Idris Bilong (allahyarham) telah diangin-anginkan.

Dan akhirnya Datuk terbahit?

Tinggal dua hari lagi penamaan calon, saya telah dipanggil ke Ibu Pejabat PBB di Jalan Satok untuk berbincang dengan YAB Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Presiden SUPP Datuk Amar Stephen Yong, Datuk Amar Alfred Jabu. YAB Datuk Taib berkata kepada saya, "masa kita sudah suntek. Kalau kita hantar calon lain, harapan hanya 32 peratus untuk menang". YAB Datuk Taib kemudiannya meminta saya bertanding lawan Tajang Laing. Saya berkata kepada YAB Ketua Menteri bahawa saya tidak bersedia untuk bertanding dalam pilihan raya ini.

Itu tentu merupakan salah satu keputusan yang sukar. Datuk tentu berada di persimpangan, dalam dilema? Apa kata Datuk Taib seterusnya?

Datuk Patinggi Taib tetap meminta saya supaya bertanding. Tetapi saya kata, ada masalah. Sebab, saya ahli SUPP. Bukan ahli PBB. Datuk Taib berkata lagi, "Bertanding dulu. Nanti kita atur soal parti." Saya memberitahu Datuk Taib, bahawa saya tidak mahu cara itu. Nanti timbul masalah belakang hari. Tiba-tiba Datuk Amar Stephen Yong berkata, untuk menyelesaikan segala masalah beliau setuju melepaskan saya daripada SUPP dan menjadi ahli PBB. Apabila sudah ada kompromi antara pemimpin SUPP dan PBB, maka saya diterima sebagai ahli PBB dan bertanding atas tiket PBB-BN. Berkat pertolongan orang SUPP juga, saya menang kerusi Belaga.

Isu tentang projek Bakun begitu hangat diperkatakan. Sebagai wakil rakyat dari kawasan yang terlibat, tentu Datuk dapat menceritakan sedikit tentang projek raksasa itu?

Cerita tentang projek hidroelektrik Bakun ini bermula sejak 15 tahun

Datuk Patinggi Taib tetap meminta saya supaya bertanding. Tetapi saya kata, ada masalah. Sebab, saya ahli SUPP. Bukan ahli PBB. Datuk Taib berkata lagi, "Bertanding dulu. Nanti kita atur soal parti."



Sokongan ahli-ahli parti telah memberikan keyakinan kepada komponen BN Negeri untuk memberi kerjasama yang padu kepada PBB.

lalu. Projek itu ditunda kerana menelan perbelanjaan yang besar. Pada masa ini, oleh kerana hasil minyak kita kurang sedangkan projek-projek pembangunan yang hendak dilaksanakan cukup banyak, maka kerajaan telah memikirkan betapa pentingnya mewujudkan sebuah stesen janakuasa yang mampu memberi sumber tenaga. Sebab itulah projek hidroelektrik Bakun ini dirancangan dengan rapi dan sudah sampai masanya ia perlu dilaksanakan.

NGO begitu memberi perhatian terhadap aspek alam sekitar, mungkin memandangkan bahawa projek tersebut begitu besar, banyak tanah dan hutan yang terbahit. Apa sebenarnya yang diperjuangkan oleh golongan ini, Datuk?

Saya rasa mereka yang tidak setuju ini terdiri daripada mereka yang tidak faham. Penduduk tempatan tidak setuju kerana mereka dihasut oleh dua golongan yang datang dari bandar. Satu ialah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) khususnya golongan pencinta alam sekitar. Dan kedua ialah golongan peniaga.

Boleh Datuk huraikan...

Pihak pencinta alam ini khuatir alam semula jadi di kawasan Bakun akan tercemar. Menurut kajian mereka, sekiranya projek hidro Bakun diteruskan, maka tumbuh-tumbuhan akan mati. Tumbuh-tumbuhan baru tidak akan hidup, bukit runtuh, sumber-sumber hutan musnah dan bermacam-macam lagi. Orang bisnes pula menggunakan parti pembangkang untuk mengapi-apikan penduduk tempatan

supaya menentang projek Bakun. Golongan ini datang dari Sibul, Kanowit dan Kapit. Pelaksanaan projek ini bermaksud kerajaan akan membina sebatang jalan raya terus menghubungkan Belaga dan Bintulu. Jadi mereka bimbang hasil-mahsul Belaga akan dipasarkan terus ke Bintulu tanpa melalui mereka.

Menangani hasutan dan propaganda golongan ini tentu bukan mudah. Kami difahamkan mereka menggunakan pelbagai strategi, taktik dan cara untuk memujuk dan mempengaruhi rakyat. Bagaimana Datuk menangani segala cabaran daripada golongan tersebut?

Saya telah mengadakan perbincangan dengan ketua-ketua masyarakat, penghulu dan tuai rumah. Kami sebutlah suara bersetuju projek hidro Bakun dilaksanakan, tetapi hendaklah terlebih dahulu satu kajian alam sekitar dibuat bagi memastikan kawasan semula jadi selamat dan terpelihara. Maka pihak Kerajaan Pusat juga telah bersetuju supaya Laporan Kajian Alam Sekitar (EIA) dibuat segera.

Yang keduanya ialah tentang ganti rugi. Ini juga dibincangkan dan dibawa ke pengetahuan pihak atasan dan kami telah diberi jaminan bahawa soal ganti rugi tidak menjadi masalah.

Seterusnya ialah soal penempatan semula penduduk terbahit di sekitar kawasan projek itu. Kami telah mengenal pasti tiga kawasan yang sesuai untuk dijadikan kawasan penempatan semula iaitu di Sungai Koyan, Penyuin di Ulu Batang Belaga termasuk Sungai

Balupei. Hal ini telah diajukan kepada pihak atasan dan kita masih menunggu maklum balas.

Yang keempat ialah mengenal pasti tiga kawasan untuk estet kelapa sawit, penempatan rumah panjang dan kawasan yang luas untuk perladangan secara bebas. Selepas semua permintaan di atas dipersetujui oleh pihak kerajaan, maka kini tidak lagi timbul soal bantahan.

Siapa yang akan terlibat dalam projek ini? Boleh Datuk sebutkan suku kaum berkenaan?

Kaum berkenaan ialah Kenyah, Kayan, Kajang Lahan, Kajang Ukir dan Penan. Bancian tahun 80-an menunjukkan ada 5,000 orang. Sekarang di sekitar 9,000 orang.

Bagaimana pula dengan Tanah Hak Adat Peribumi atau NCR Datuk?

Ini ialah satu status yang terkandung dalam permintaan penduduk setempat. Mereka memohon supaya Tanah Hak Adat Peribumi (Temudak) yang tidak terjejas oleh projek Bakun tetap menjadi hak mereka. Satu lagi ialah penduduk tempatan juga memohon kepada pihak berkuasa supaya mereka diberikan kebebasan untuk memelihara dan menangkap ikan di kawasan empangan yang besar. Soal NCR itu, kita masih lagi menunggu maklum balas daripada pihak berkuasa.

Kami difahamkan penduduk yang terbahit meminta saham RM200 juta. Barangkali Datuk dapat memberi penjelasan sedikit?

Mengikut cerita orang tua, di sepanjang Batang Rajang, pelbagai suku kaum Orang Ulu tinggal di situ. Kirakira 300 tahun lalu, kaum Kayan dan Kenyah merupakan penorek awal sehinggalah ke Bakun. Mereka berkorban untuk mempertahankan kawasan kediaman dan berladang. Pada zaman orang putih, suku kaum yang tinggal di situ sanggup berperang menentang tentera orang putih meskipun mereka hanya bersenjatakan parang dan sumpit. Kini Bakun sudah dijadikan projek hidro, tentulah tidak apa-apa lagi yang tinggal bagi suku kaum tersebut. Jadi kalau dapat kerajaan beri sumbangan 5 peratus daripada kos asal projek Bakun iaitu RM9.55 bilion. Kita bukan mintaduit,

tetapi saham melalui Perbadanan Pembekalannya Litrak Sarawak (SESCO) atau melalui mana-mana syarikat besar yang terbabit dalam projek itu supaya masyarakat Orang Ulu terjamin. Sumbangan ini boleh disalurkan kepada Lembaga Amanah Orang Ulu Belaga dan lembaga itu sebagai pemegang saham. Kita mahu selepas projek itu dilaksanakan, suku kaum setempat dapat berkongsi faedahnya. Keuntungan daripada pelaburan itu nanti bolehlah digunakan untuk memberi biasiswa kepada anak-anak Orang Ulu yang hendak melanjutkan pelajaran, modal berniaga dan sebagainya.

Projek ini merupakan antara yang terbesar pernah dilaksanakan di Malaysia. Kesannya dari segi sosioekonomi tentu hebat. Pandangan Datuk tentang hal ini?

Kita sadar, sekiranya tidak ada projek hidro Bakun, kerajaan akan mengambil masa antara 10 dan 20 tahun untuk membangunkan daerah Belaga. Kalau kerajaan hendak membina jalan raya, tentulah tidak masuk akal. Dengan projek yang besar begitu, pembinaan jalan raya ialah satu kemestian. Pembangunan yang dibawa oleh kerajaan ini telah dapat mengubah mentaliti dan sikap penduduk tempatan. Kita tidak mahu penduduk tempatan hidup seperti katak di bawah tempurung lagi. Pelaksanaan projek Bakun ini sekaligus akan membawa banyak elemen pembangunan yang lain. Kesan yang lebih besar saya kira ialah kepada generasi muda. Mereka inilah yang akan mendapat manfaat yang lebih besar dalam aspek sosioekonomi.

Satu projek raksasa dibina di kawasan pedalaman. Bagaimana kesannya kepada cara hidup dan budaya penduduk setempat?

Jawatankuasa Pembangunan Bakun (BDC) yang kita tubuhkan mempunyai enam jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab terhadap pelbagai aspek. Kita ada Jawatankuasa Pemindahan, Jawatankuasa Ganti Rugi, Jawatankuasa Perniagaan dan Ekonomi, Jawatankuasa Kebudayaan, Jawatankuasa Pekerjaan dan Jawatankuasa Kebajikan Penduduk yang tinggal di luar kawasan Bakun.

Jawatankuasa Kebudayaan akan memastikan bahawa apa-apa projek

pembangunan yang dilaksanakan di Bakun tidak harus menjejaskan aspek kebudayaan dan adat resam penduduk khususnya Orang Ulu. Jawatankuasa ini akan mengemukakan cadangan-cadangan kepada pihak berkuasa agar cara hidup penduduk setempat dikekalkan, khususnya apabila berlaku proses pemindahan semula. Sebagai contoh, sekiranya penduduk rumah panjang dipindah, maka ciri-ciri rumah panjang yang asal hendaklah dikekalkan. Suku kaum Orang Ulu ini memang gemar berkebun atau berladang secara bebas. Maka ini juga diambil kira dalam permohonan kita supaya kerajaan menyediakan tanah lapang untuk mereka bercucuk tanam secara bebas.

Kawasan Belaga merupakan antara kawasan yang 'digeruni' kerana masalah tertentu. Belaga jauh di pedalaman, mempunyai masalah pengangkutan dan kemudahan lain. Masalah-masalah yang dihadapi di kawasan Datuk?

Saya rasa masalah pokok ialah rumah sakit. Apabila projek Bakun dilaksanakan nanti, dianggarkan antara 5,000 dan 8,000 pekerja di situ. Ini belum lagi termasuk keluarga mereka. Penduduk di Belaga sahaja lebih 20,000 orang. Masalah kita ialah di Belaga hanya ada sebuah Klinik Desa dengan dua buah katil. Kalau ada yang sakit, dan saya rasa orang sakit memang lebih daripada dua orang. Di mana kita hendak meletakkan mereka itu.

Yang kedua ialah sekolah. Se-

kolah yang ada sekarang, SMK Belaga yang dibina dalam tahun 70-an. Ketika itu Yang DiPertua Negeri kita sekarang, Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi sebagai Menteri yang bertanggungjawab tentang hal ehwal pendidikan. Kalau dahulu murid asrama hanya ada sekitar 400 orang, kini lebih 1,200 orang pelajar yang tinggal di asrama. SMK Belaga ada kawasan seluas 30 ekar yang boleh dibina sekolah menengah baru, sebagai tambahan kepada sekolah yang ada sekarang.

Yang ketiga ialah perlu dibina sebuah bank di Belaga. Rata-rata penduduk Belaga bekerja di sektor pembalakan. Apabila balik ke pekan mereka dibayar gaji hingga RM5,000 dengan menggunakan cek. Nak menunaikan cek, mereka perlulah pergi ke Sibul, Kapit atau Bintulu. Selepas cek ditunaikan, wang dimasukkan ke dalam poket baju. Selepas pusing-pusing bandar, duit dalam poket dah hilang. Rupa-rupanya mereka ini mangsa *pick-pocket*. Ada juga orang kampung diberi makan pil roci yang diletak dalam minuman mereka, menyebabkan mereka khayal. Barang-barang yang dibeli pun mereka tak ingat. Pernah terjadi seorang penduduk membeli peti sejuk tetapi orang lain yang menuntut peti sejuk itu di kedai.

Dalam soal pembinaan jalan raya, kami tidak setuju dengan cadangan syarikat yang mengendalikan projek itu, Ekran Berhad untuk membina jalan raya Bintulu-Tubau-Bakun-Belaga. Kami mahu supaya jalan raya



Pelaksanaan projek Bakun membawa banyak elemen pembangunan serta manfaat yang lebih besar dalam aspek sosioekonomi.

dibina dari Bintulu-Tubau-Belaga dan diarah ke Bakun. Belaga hendaklah dijaul terlebih dahulu, barulah Bakun. Hal ini telah kami bincangkan dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Amar Hamid Bugo. Beberapa masalah di atas juga telah dibawa ke pengetahuan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika saya menyertai rombongan Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) ke Kuala Lumpur April lalu. Datuk Seri Anwar memberi jaminan akan memberi perhatian terhadap semua masalah itu.

Dikatakan salah satu daripada perkara yang dibangkitkan oleh penduduk yang terbabit dalam projek Bakun ialah tentang kubur nenek moyang mereka. Masalah perkara ini turut dimuatkan dalam majalah Aliran. Boleh Datuk jelaskan?

BDC ada merujuk kepada Majlis Adat Istiadat tentang pantang-larang apabila kubur terpaksa dialihkan. Kubur penganut agama Kristian yang masih baru mungkin mudah untuk dialihkan kerana tidak banyak pantang-larang. Tetapi kubur lama ada masalah sedikit. Kita perlu adakan banyak upacara mengikut adat istiadat kaum tertentu. Kita terpaksa adakan acara 'korban'. Dalam hal ini kita perlu berhati-hati dalam mengenal pasti kubur lama dan kubur baru agar tidak mendatangkan masalah dan rasa tidak puas hati penduduk.

Suku kaum yang tinggal di Belaga, Datuk?

Kenyah merupakan yang paling ramai. Kaum Uma Badang terdapat kira-kira 1,000 orang, Uma Kulit (500), Uma Bakah (1,000), Uma Kelap (300), Sambup (400), Long Bagan (300) dan Uma Pawa (100).

Kayan pula ialah Uma Lesong, Uma Balui Ukap, Uma Juman, Long Liko, Uma Belor, Uma Nyabeng, Uma Bawang, Uma Apau, Uma Kahei, Uma Aging dan Uma Lavuring.

Kaum Kajang ini pula terdiri daripada suku Lahanan, Sekapan, Kejaman, Spieng, Sihan, Tanjong dan Ukit. Terdapat kira-kira 2,000 suku kaum Penan di Belaga.

Belaga begitu terkenal sekarang, Datuk. Sebabagiannya kerana pro-

uduk Belaga kaya dengan kebudayaan dan adat resam. Jika ada pelancong luar yang dapat melawat, sambutan yang diberikan oleh penduduk sangat meriah. Mereka gemar menghiburkan pengunjung luar dengan adat resam yang unik

jek Bakun. Apakah yang istimewa tentang Belaga?

Penduduk Belaga kaya dengan kebudayaan dan adat resam. Jika ada pelancong luar yang dapat melawat, sambutan yang diberikan oleh penduduk sangat meriah. Mereka gemar menghiburkan pengunjung luar dengan adat resam yang unik. Kalau kita berkunjung ke rumah mereka, kita akan dihidangkan dengan jamuan. Yang menarik juga ialah jeram, bukit-bukau dan alam semula jadi serta flora dan fauna yang masih asli.

Kita bercakap tentang PBB, Datuk. Sebagai orang lama dalam politik, pandangan Datuk tentang perubahan yang ketara dalam PBB?

Bagi saya, sokongan ahli-ahli



Pembangunan dapat mengubah mentaliti dan sikap penduduk tempatan kerana kerajaan tidak mahu mereka hidup seperti katak di bawah tempung.

parti bertambah kukuh. Sokongan ini berpunca daripada keyakinan mereka terhadap keupayaan pemimpin PBB untuk membawa kemajuan kepada rakyat menerusi politik. Dari pembangunan kita lihat, sangat seimbang baik di bandar dan luar bandar. Sokongan ahli-ahli parti juga telah memberikan keyakinan kepada komponen BN Negeri untuk memberi kerjasama yang padu kepada PBB. Sekarang PBB sudah ada bangunan sendiri. Ini tentulah membanggakan seluruh ahli parti dan memberi semangat kepada mereka untuk bekerja lebih kuat lagi. Sememangnya, sudah sampai masanya bagi PBB (yang merupakan tulang belakang kerajaan Barisan Nasional Sarawak yang memerintah negeri ini) mempunyai iku pejabat sendiri yang menggambarkan kemajuan parti kita sejak ditubuhkan lebih 30 tahun lalu.

Sebagai pemimpin veteran, mungkin Datuk dapat menggariskan ciri-ciri yang harus ada para wakil rakyat?

Wakil rakyat di bandar dan luar bandar jauh berbeza. Kalau di bandar kita nak jumpa wakil rakyat perlu ada appointment terlebih dahulu. Tentukan masa bila nak berjumpa. Tetapi kalau di kampung, di mana-mana pun kita boleh berjumpa walau di kedai kopi sekalipun. Jangan meninggi diri dan sentiasa sedia berkhidmat kepada mereka kerana kita adalah sebagai penghubung antara rakyat dan kerajaan. Rakyat di luar bandar lain sedikit. Mereka mahu kita mendengar masalah dan rintihan mereka. Kita bawa ke pengetahuan pihak atasan. Kadang-kadang kalau kita lambat bertindak, mereka marah. Kita dengar sajalah dan kena banyak bersabar. Kalau kita lawan, nanti mereka kata kita sombong. Kita harus banyak menggunakan budi bicara dan commonsense. Orang kampung sensitif sedikit. Kadang-kadang kalau kita buat penjelasan panjang lebar dan mereka tidak faham, mereka kata kita tidak mahu buat kerja.

Menjadi wakil rakyat di kawasan luar bandar tentu banyak masalah?

Kita mestilah berhati-hati supaya dapat bekerjasama dengan mereka dan mereka dapat menolong wakil rakyat di kawasan itu sepanjang masa.

Boleh YB kongsi detik-detik bermulanya diri YB dalam arena politik?

Pada ketika itu, iaitu tahun 1978, pihak atasan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) nampaknya melihat saya sebagai salah seorang daripada kalangan Bumiputera di sebelah sini yang agak 'outstanding'.

Ketika itu saya pernah menjadi ahli biasa PBB Bahagian Miri, juga pernah menjadi ketua penerangan dan kemudiannya sebagai setiausaha.

Pada mulanya apabila parti mencalonkan saya untuk mewakili kawasan Subis, saya berperasaan waswas. Sebagai bekas anggota polis kemudiannya peguam memanglah pengalaman saya dekat dengan orang ramai cukup luas, namun kecenderungan saya lebih berat kepada melibatkan diri dengan orang ramai melalui interaksi sosial yang non-politik.

Begitu pun, saya terima akhirnya tawaran politik itu dan sejak itulah saya meyakinkan diri bahawa politik ialah satu-satunya wadah bagi saya menunaikan tradisi untuk membela nasib rakyat daripada keadaan yang agak mundur kepada keadaan yang lebih baik.

Prinsip perjuangan YB?

Saya berpegang pada prinsip bahawa politik yang baik boleh mengubah tuju kedudukan sesioekonomi kawasan saya ke arah yang lebih cerah. Kemiskinan boleh dikikis perlahan-lahan dengan adanya pembangunan fizikal, mental dan rohaniah manusia. Begitu juga prasarana seperti jalan raya, air dan pelbagai kemudahan awam lainnya. Hal ini lebih ketara di kawasan-kawasan luar bandar seperti Bakam, Bekenu dan Niah.

Sebaik saja YB menjalankan tugas sebagai seorang wakil rakyat apakah masalah-masalah utama yang ketara sekali di kawasan YB itu?

Sebilangan besar penduduk di kawasan saya ialah petani dan nelayan. Masalah utama yang perlu saya cari jalan penyelesaian ialah bagaimana mempertingkatkan cara bertani dan menangkap ikan cara tradisi kepada cara komersil.

Apa yang jelas kepada saya sejak awal lagi ialah keadaan 'kais pagi makan pagi, kais petang makan

Y.B. Usop Sani Wahab

N51 Lambir

AKHIRNYA MENEMUI KEPUASAN



petang' itu mesti dihapuskan. Saya mahu melihat petani dan nelayan kita menjadikan tugas harian mereka itu menjadi satu industri yang menguntungkan diri dan sekaligus menaikkan taraf hidup mereka.

Biarlah petani dan nelayan kita menjadi tauke, bukan kuli selamlamanya. Untuk mencapai kesemua ini bermakna nelayan dan petani kita perlu ada pendidikan dalam erikata bukan saja pendidikan formal tapi juga pendidikan kemahiran sesuai dengan tuntutan peredaran zaman. Biar mereka pandai menggunakan alat canggih dalam pertanian dan perikanan.

Apakah projek tertentu yang YB bawa ke kawasan tersebut untuk mencapai impian itu?

Di kampung nelayan di Kuala Sibuti, misalnya ada satu skim penanaman pelbagai jenis tanaman

seluas 1,000 ekar. Skim ini bertujuan agar penduduk luar bandar yang tidak dapat ke laut pada musim tengkujuh ada alternatif mata pencarian mereka.

Selain itu, ada peruntukan RM500,000 untuk nelayan laut dalam. Cara tradisi hampir rata-rata nelayan dalam kawasan saya ialah menggunakan bot kecil luar pantai, sedangkan hasil-mahsul kita yang kaya berada di perut laut dalam. Jika rakyat kita tidak diasuh betul-betul akibatnya nelayan asing pasti tergoda untuk menerokai laut kita dan tentulah kita tidak mahu rakyat sendiri berputih mata.

Juga kita ada pelbagai skim kemahiran untuk para petani dan nelayan seperti pertukangan tangan. Kampung-kampung dan rumah panjang kita merupakan ciri-ciri unik kita dan boleh menarik pelancong. 'Spin-off effect' itu perlu dieksplotasi oleh masyarakat luar bandar.



Keluarga mestilah memahami tuntutan tugas harian seorang pemimpin.

Langkah-langkah telah, sedang dan akan diambil untuk memberi kemudahan latihan kepada masyarakat luar bandar dalam kawasan Subis ini. Seminar, kursus dan pinjaman kewangan diberi. Kesemua ini adalah untuk faedah jangka panjang.

Adakah YB puas hati rakyat luar bandar itu memperoleh kejayaan dalam segala projek yang telah diberikan?

Ya, saya cukup puas hati. Sekurang-kurangnya ada semacam penglibatan di kalangan mereka; tidak lagi cuma berpeluk tubuh sebagai pemerhati saja.

Selain masalah petani-nelayan yang YB ceritakan itu, apa masalah lain lagi yang merupakan cabaran hebat bagi YB?

Kawasan saya, sepertimana juga keadaan di seluruh negeri kita yang tercinta ini didiami oleh pelbagai kaum. Politik perkauman langsung tiada tempatnya dalam hidup kita ini. Ke mana-mana tempat saya melawat saya tidak lupa meniupkan semangat bertolak ansur. Saya mengingatkan rakyat kita bahawa adalah penting sekali kita saling berbaik sangka. Tiada kaum yang harus mendewa-dewakan kaumnya sahaja dan meniadakan sumbangan kaum lain. Hanya dengan cara ini sajalah baru rakyat boleh maju tanpa apa-apa halangan. Malah semangat perpaduan dan muhibah itulah tunjang kekuatan dan keunggulan rakyat kita di bumi yang makmur ini.

Apalah gunanya kerajaan menabur jutaan ringgit bantuan dan membina sebuah negeri yang indah, cantik dan bersih sedangkan rakyatnya bercakaran sesama sendiri? Perbezaan atau perubahan sebelum dan sesudah YB menjadi wakil rakyat di kawasan Subis?

Soalan ini pastinya boleh dijawab dengan jitu oleh rakyat di kawasan saya. Namun pada pandangan pribadi saya, oleh kerana sokongan padu rakyatlah maka saya berkepercayaan membawa perubahan yang positif. Penduduk Kampung Bakam, misalnya, kini sudah berpuas hati kerana jalan raya mereka telah diturap sepenuhnya sepanjang lebih kurang 20 km menghubungkan bandar Miri.

Kalau anda ke Bekenu dan Batu Niah atau Sepupuk sudah tiada masalah berkereta malahan bermotosikal sekalipun mudah untuk sampai. Begitu juga para penduduk di Kampung Nyalau, Kuala Sibuti, Bungai dan lain-lain mereka tidak lagi berasa diri kerdil dan terpercil.

Alat komunikasi seperti telefon sudah sampai ke Bekenu, Niah dan Sepupuk. Bekalan elektrik dan air bukannya lagi masalah besar.

Faktor kemenangan YB dalam pilihan raya lepas?

Sokongan padu rakyat atas dasar diri mereka sendiri ingin menikmati pembangunan melalui kerajaan Barisan Nasional yang dianggotai oleh para ahli politik yang betul-betul dedikasi, berwibawa dan berjiwa rakyat.

Rakyat Subis berasa diri mereka tidak mahu tertinggal dalam arus pembangunan.

Sokongan terhadap kerajaan BN juga diperkuat dengan kerja keras setiap anggota komponen.

Apa wawasan YB terhadap kawasan Subis?

Saya ingin melihat kawasan saya dinaikkan ke status daerah penuh, ada Pegawai Daerah sendiri demi kelincinan pentadbiran, lengkap dengan kemudahan hospital daerah sendiri dan seumpamanya. Ini bersesuaian memandangkan bandar Miri akan dinaikkan ke taraf bandar raya pada tahun 2005.

Kenangan pahit yang pernah dialami sepanjang YB bergelut dalam dunia politik?

Peristiwa yang amat menyedihkan

Peristiwa yang amat menyedihkan saya ialah Peristiwa Ming Court 1987. Ramai di kalangan mereka yang terlibat dalam usaha cuba untuk menggulingkan kepimpinan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud adalah daripada kalangan ahli politik yang disanjung tinggi oleh rakyat



Sokongan padu rakyat atas dasar ingin menikmati pembangunan melalui kerajaan Barisan Nasional yang dianggotai oleh para ahli politik yang betul-betul dedikasi, berwibawa dan berjiwa rakyat.



Seorang wakil rakyat mestilah rapat dengan rakyat dan jangan sekali-kali mengkhianati mereka.

saya ialah Peristiwa Ming Court 1987. Ramai di kalangan mereka yang terlibat dalam usaha cuba untuk menggulingkan kepimpinan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud adalah daripada kalangan ahli politik yang disanjung tinggi oleh rakyat. Malangnya mereka mengecewakan rakyat dan puuk pimpinan dengan berpaling tadah. Bukan itu saja, mereka gagal menawarkan sebarang alternatif yang lebih baik daripada Politik Pembangunan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Taib. Namun, saya berasa amat bersyukur kerana berkat kepimpinan yang berwawasan Datuk Patinggi Taib, kebenaran, kejujuran dan keadilan akhirnya menyelamatkan negeri kita ini dari bencana huru-hara. Tindakan-tindakan pengkhianatan itu dulu hampir-hampir melunturkan hormat rakyat terhadap ahli politik.

Pada pandangan YB apakah kriteria wakil rakyat yang unggul?

Pemimpin datang dan pergi. Selain wakil rakyat itu berkhidmat dia mestilah jujur. Menuaikan kewajiban sesuai dengan hasrat murni untuk kestabilan politik, kesejahteraan negara, negeri dan masyarakat. Ahli politik mesti berani berterus-terang biarpun dengan demikian dia terpaksa menghadapi keadaan tidak popular, asalkan dia yakin pada sesuatu yang pada analisis terakhir adalah untuk kebaikan — bukan untuk sebarang

kemusnahan. Jangan berjanji kosong. Kalau tak dapat tunaikan permintaan rakyat katakan tidak dapat, rakyat akhirnya akan faham juga. Yang penting jangan sekali-kali mengkhianati rakyat, negeri dan negara.

Seorang wakil rakyat mestilah rapat dengan rakyat, tidak menyelidik sebarang masalah melalui pihak ketiga.

YB yakin Sarawak akan disegani dalam tahun 2020?

Oh, ya! Sarawak akan terus pesat maju, berkembang dan makmur. Negeri ini pasti akan tetap aman damai selagi rakyat sedar dan gigih mempertahankan semangat bersatu padu, saling menghormati dan berbaik sangka.

Ahli politik yang dikagumi?

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud. Mereka berdua ini masing-masingnya memiliki keunggulan yang tersendiri. Mahathir berjaya membuktikan orang Malaysia pintar dan berpengetahuan luas sehingga disegani oleh pemimpin Amerika. Kedua-dua mereka ialah pemimpin berjaya rakyat dalam ertikata yang sebenarnya. Mereka ialah contoh pemimpin yang bukan saja membangunkan rakyat pada masa kini tetapi memikirkan juga generasi akan

Ahli politik mesti berani berterus-terang biarpun dengan demikian dia terpaksa menghadapi keadaan tidak popular, asalkan dia yakin pada sesuatu yang pada analisis terakhir adalah untuk kebaikan — bukan untuk sebarang kemusnahan

datang.

Hobi YB?

Dalam umur 45 tahun saya cenderung bermain badminton dan sekali sekala sepak takraw.

Cita-cita masa depan?

Cita-cita masa depan? Hmm... cuba tengok, umur dah 45 tahun. Apa ya? Nak happylah. Sampai tua.

Peranan isteri sepanjang kerjaya YB dalam politik?

Saya bertuah memiliki isteri yang amat memahami tuntutan tugas harian saya. Dia banyak membantu dalam kerja saya. Dia tidak pernah apa-apa *complaint* tentang cara saya menjalankan tugas politik saya dan tidak keterlaluan saya nyatakan sikapnya itu ada sedikit banyak 'bearing' dalam 'political career' saya. Isteri saya Hafisah binti Tuanku Taib pandai menjaga anak-anak kami iaitu Khairunisa yang berumur 11 tahun, Nurul Jannah, 7 tahun dan Mohd. Hariz, 4 tahun.

Apakah perkara yang amat dibenci oleh YB?

Pemimpin yang mengetepikan kejujuran dan keikhlasan untuk kepentingan peribadi. Orang yang angkuh, hipokrit dan meminta-minta agar dipuji orang sedangkan jasa tak seberapa. Juga amat benci pada orang yang langsung tak mahu terima kritik yang membina.

Bagaimana YB mahu diingati?

Bahawa saya ini ibarat sebahagian daripada komponen mesin yang berperanan menggerakkan perjalannya dan tidak merosakkan.

PERJALANAN yang dilalui Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) begitu panjang dan berliku. Daripada perjalanannya itulah dihipunkan segala pengalaman, kekuatan dan wawasan baru. PBB adalah contoh terbaik bagaimana sebuah parti berkembang dan muncul sebagai parti tulang belakang Kerajaan Negeri.

Rahsianya? Sikap sederhana, tolak ansur, komitmen dan kegigihannya untuk mengubah nasib masyarakat Bumiputera khasnya, dan negeri Sarawak amnya. Penggerak semuanya itu ialah pemimpin PBB dari peringkat bawah hinggalah presidennya. Dan mereka yang menjadi perantara kerajaan dan rakyat — Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Sejarah PBB, terutama sejak lebih kurang sedekad lalu adalah sejarah yang amat bermakna. Hal ini demikian kerana sejak diterajui YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, PBB telah melalui satu dinamisme baru.

Dengan dasar pragmatik, realistik dan berpandangan jauh wakil rakyat digerakkan, yang kemudiannya menggerakkan seluruh lapisan masyarakat. Justeru itu, Sarawak mengalami era yang cukup gemilang dengan mengalami perubahan hampir dalam semua bidang. Belum pernah kita saksikan dalam sejarah politik dan pembangunan di negeri ini, perubahan berlaku demikian pesat. Wajah Sarawak berubah, pembangunan fizikal amat nyata, ekonomi mengalami pertumbuhan yang bermakna, sementara aspek sosial dan agama turut diberi keutamaan. Pembangunan di Sarawak, di bawah dasar politik pembangunan menjadi seimbang, pantas dan meninggalkan kesan mendalam hingga meletakkan Bumi Kenyalang setanding dengan negeri maju yang lain di Malaysia. Langkahnya semakin yakin dan pasti menuju ke abad baru yang mencabar.

Dengan senario dan latar belakang yang demikianlah, kami berpendapat peranan yang dimainkan oleh wakil rakyat amat penting. Jadi, sebagai menghargai sumbangan besar mereka buku **PBB Ke Era 2020** pun diilhamkan, dan kini menemui pembaca. Kehadiran buku ini semakin bermakna ketika mengadakan Perhimpunan Agung Tiga Tahun Sekalinya. Melalui buku ini, yang dipersembahkan dengan teknik wawancara langsung — secara soal jawab — kita dapat mengenali dan mengetahui dasar, falsafah perjuangan dan wawasan pemimpin PBB. Tetapi yang jelas, siapa pun pemimpin tersebut semuanya ingin melihat PBB terus kukuh, dan nasib masyarakat Bumiputera terus terbelas dalam usaha meningkatkan maruah dan martabatnya ketika kita menuju ke abad 21.

Buku **PBB Ke Era 2020** ini dapat diterbitkan dengan sokongan, bantuan dan galakan banyak pihak. Kami perlu merakamkan ucapan khas kepada Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud di atas restu dan sokongan padu beliau. Juga kepada menteri, dan Ahli Dewan Undangan Negeri kerana kerjasama yang diberikan. Sesungguhnya, segala usaha telah diambil dalam tempoh hampir setahun buku ini diusahakan bagi memastikan semua YB daripada PBB dimasukkan. Tetapi sesetengah YB berhalangan hingga wawancara dengan mereka tidak dapat dimuatkan. Terima kasih juga kami rakamkan kepada William Chan, Abdul Karim Saleh, Muradi Amir, Udin Bujang, Wan Ali Amit, Jimmy Donald dan orang perseorangan yang lain di atas bantuan yang amat bermakna bagi kami.

Jeniri Amir
Mohammad Kassim

Kuching

1 September 1995



3 MCH 1997